

**PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU AL-MUSLIMUN,
ACHEH UTARA: ANALISIS METODE PENGAJARAN DAN
KEBERKESANANNYA**

ROUSYDIY ABUBAKAR MAHMUD

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU AL-MUSLIMUN,
ACHEH UTARA: ANALISIS METODE PENGAJARAN DAN
KEBERKESANANNYA**

ROUSYDIY ABUBAKAR MAHMUD

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU
AL-MUSLIMUN, ACHEH UTARA: ANALISIS METODE
PENGAJARAN DAN KEBERKESANANNYA**

ROUSYDIY ABUBAKAR MAHMUD

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU
AL-MUSLIMUN, ACHEH UTARA: ANALISIS METODE
PENGAJARAN DAN KEBERKESANANNYA**

ROUSYDIY ABUBAKAR MAHMUD

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

PERAKUAN KEASLIAN TULISAN

Nama:

No. Pasport:

No. Pendaftaran/Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”)

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- 1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- 2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- 3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, eksrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- 4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- 5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- 6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagainya yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi

Tarikh:

Nama: **Prof Madya Dr. Mustaffa Abdullah**
Jawatan: Pensyarah

ABSTRAK

Disertasi ini bertolak dari hakikat bahawa Aceh merupakan provinsi yang kuat syariat Islam dalam kehidupan masyarakat, bermula dari semasa kerajaan Islam di Aceh sehingga lahirnya ulama-ulama merupakan salah satu bukti dari kuatnya Islam. Pendidikan Islam sangat diperhatikan dari semasa ke semasa dan dayah adalah salah satu institusi yang memiliki unsur pendidikan al-Quran. Kelemahan para pelajar sama ada membaca dan memahami kandungan al-Quran telah menjelaskan pencapaian objektif dan matlamat pembelajaran, maka kaedah pengajaran adalah kunci utama tercapainya matlamat untuk melahirkan individu yang cinta terhadap al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk dan sejarah pengajian tafsir di dayah di Indonesia dan di Aceh serta menganalisis kaedah pengajaran yang diguna pakai dan sejauh mana keberkesanannya dalam pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun di Aceh utara. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif yang fokus kepada kajian lapangan iaitu kajian tinjauan atau penerokaan. Kajian ini dimulakan dengan teknik kutipan data secara kualitatif dan diikuti dengan kuantitatif, hasil kajian menunjukkan bahawa sejarah tafsir di Indonesia tidak terlepas dari awal masuknya Islam ke Nusantara yang memperkenalkan al-Quran sebagai kitab utama dalam kehidupan umat Islam dan gerakan ulama pembaharuan Islam Nusantara abad ke-17 iaitu Hamzah al-Fansuri, Shams al-Din al-Sumatrani dan ‘Abd al-Raūf al-Singkili 1615-1695 M sebagai seorang mufasir terawal yang menulis kitab tafsir lengkap 30 juzuk bertajuk *al-Tarjumān al-Mustafīd*. Kitab yang diajarkan di dayah adalah *tafsīr Jalālayn*, *tafsīr Ibn Kathīr* hingga *tafsīr al-Ibrīz* karya Mustafa Bisri. Majoriti guru pengajar tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun menggunakan kaedah terjemah dan bercerita dalam mengajar tafsir sedangkan dalam hal pentafsiran ayat majoriti guru menggunakan kaedah *tahlīlī*. Keberkesanan pelajar ditinjau daripada tiga aspek iaitu kefahaman, amalan dan markah peperiksaan. Kesimpulan dari kajian ini adalah bahawa kaedah yang diguna pakai adalah baik dan mempunyai keberkesanan bagi pelajar, hal ini ditunjukkan dari aspek kefahaman yang baik, amalan yang bersesuaian dan markah ujian yang bagus, hal ini perlu dipertahankan dan ditingkatkan.

ABSTRACT

This dissertation begins from the fact that Aceh is a province which has a strong Islamic law practiced in public society since the Islamic Kingdom in Aceh until the birth of scholars became the evidence. The Islamic education is became considerable concern in Aceh from time to time and dayah is one of the educational institution model which teaches the Quran. The weaknesses of the students both in reading and understanding the contents of Quran affected the goals and learning objectives, therefore the method of teaching is the key of learning achievement for individual who love the Quran. This study aims to identify the design and historical tafsir studies at dayah in Indonesia and in Aceh and analysing the teaching method used and to know the extent influence of the methods practiced at dayah Terpadu Al-Muslimun in North Aceh. This study used descriptive analysis approach that focuses on the field of research and observation. The study starts with the data collection using qualitative and quantitative technique by covering two or more stages. The result of study showed that the history of tafsir studies at dayah in Indonesia cannot be separated from the history of early spreading Islam in the Malay Archipelago which introduces the Quran as the main book of Muslim scholars and became Islamic reform movement on 17th century which initiated by Hamzah al-Fansuri, Shams al-Din al-Sumatrani and ‘Abd al-Raūf al-Singkili known as the early “Mufasir” who wrote the tafsir book completed 30 juz entitled *al-Tarjumān al-Mustafid*, while the books that taught are *tafsīr Jalālayn*, *tafsīr Ibn Kathīr* and *tafsīr al-Ibrīz* written by Mustafa Bisri. The majority of tafsir’s teachers at dayah Terpadu Al-Muslimun used translation method and telling story in their teaching method. Moreover, in term of interpretation of verse the majority of teachers used “*tahlīlī* methods” (problem solving). The impact of studies are reviewed from three aspects, namely understanding, practice, and the result of examination. The conclusion of this study is the methods that used in teaching tafsir are good and have a good influence on students, it is justified from the good aspect of understanding, the appropriate practice and the result of examination, however it still need to be maintained and improved.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, pengkaji ucapkan ke hadhirat Allah swt kerana hanya atas hidayah-Nya penyusunan disertasi ini dapat diselesaikan dan tidak lupa pula selawat beriringan salam kepada Nabi Besar Muhammad saw yang telah menghantar manusia dari alam kegelapan ke alam yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Disertasi yang bertajuk "**PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU AL-MUSLIMUN, ACHEH UTARA: ANALISIS METODE PENGAJARAN DAN KEBERKESANANNYA**" telah pengkaji sediakan untuk memenuhi keperluan bagi ijazah sarjana Usuluddin Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Kelancaran penulisan disertasi ini tidak terlepas daripada bimbingan para pensyarah dan bantuan daripada pelbagai pihak. Untuk itu pengkaji tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada Prof Madya Dr. Mustaffa Abdullah sebagai Penyelia atas tunjuk ajar, keikhlasan dan kesabaran dalam menyelia sehingga mampu menyelesaikan disertasi ini.

Terima kasih juga kepada Dr. Faisal Ahmad Shah sebagai Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, para pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadith serta staf pentadbiran Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur yang telah banyak membantu dan mempermudah segala urusan selama pengkaji menuntut. Tidak lupa juga kepada pustakawan-pustakawan yang dengan senang hati melayan keperluan data pengkaji selama menulis disertasi ini.

Penghargaan khas dan ingatan setulus hati kepada Ayahanda tercinta Abubakar Mahmud Spd atas segala kesabaran, doa dan nasihatnya, semoga Allah swt selalu memberikan kesihatan dan limpahan rahmat-Nya, Penghargaan khas pengkaji setulus

hati juga kepada al-Marhumah Ibunda tersayang Hotnida Sinaga/Nurjannah dengan segala doa, kesabaran, kasih sayang dan nasihatnya, semoga Allah swt selalu melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya serta menempatkan Ibunda tercinta di tempat yang mulia dan syurga di sisi-Nya, doa dan al-Fatihah selalu saya hadiahkan kepada Ibunda tersayang, amin *Yā Rabb al-‘Ālamīn*. Penghargaan juga kepada Isteri tercinta Rahmatillah dan Cahaya mata tercinta Durrah Afiqah serta seluruh ahli keluarga Kakak tercinta Sri Mawaddah Mpd, Abang tercinta Muhammad Ridhwan Msi dan Adek tercinta Nurlaili, Mpd yang telah banyak memberikan pengorbanan, doa dan sokongan kepada saya. Semoga Allah swt memberikan kebaikan, limpahan rahmat dan hidayah kepada kita semua, Amin.

Pengkaji juga mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Hj Arif Rahmatillah, Lc Dipl Sebagai Pimpinan Dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara. Pengerusi Dayah Terpadu Nurul Iman Cot Girek Aceh Utara, Pengerusi Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsuddhuha Aceh Utara dan Pengerusi Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) Kabupaten Aceh Utara. Pengerusi Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) Provinsi di Banda Aceh berserta seluruh kaki tangan.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan mahasiswa Jabatan al-Quran dan al-Hadith dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, atas sokongan dan kritikan dalam penyusunan disertasi ini. Rakan-rakan serumah Yan Faturrahman, Syahrizal dan kaum kerabat Irmanuddin yang telah banyak menyokong pengkaji serta semua pihak yang tidak dapat pengkaji senaraikan satu-persatu yang telah banyak membantu pengkaji dalam menyelesaikan tugas ini sehingga selesai.

Kuala Lumpur, 29 Mei 2014

ROUSYDIY ABUBAKAR MAHMUD
0108108525@yahoo.com

Dedikasi..

Salam penuh Cinta & Sayang

Untuk yang teristimewa..

Kedua Ibu Bapaku

Abubakar Mahmud & Hotnida Sinaga / Nurjannah binti Adam (alm)

**Pengorbanan, Kegigihan, Ketegasan dan Ketelusan dalam mendidikku hanya
Allah swt yang membalaunya..**

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا رِضَاهُمَا وَ نَعُوذُ بِكَ مِنْ عُقُوقِهِمَا

اللَّهُمَّ آمِينَ اللَّهُمَّ آمِينَ اللَّهُمَّ آمِينَ

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN TULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
DEDIKASI	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI PERISTILAHAN	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx

BAB : PENDAHULUAN

0.1 Pengenalan	1
0.2 Latar Belakang Kajian	2
0.3 Rumusan Masalah	3
0.4 Soalan Kajian	5
0.5 Objektif Kajian	6
0.6 Skop Kajian	6
0.7 Kepentingan Kajian	7
0.8 Definisi Tajuk	7
0.9 Tinjauan Terdahulu	11
10 Metodologi Kajian	19
11 Sistematika Penulisan	22

BAB I: PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH DI INDONESIA

1.1 Pengenalan	24
1.2 Tafsir di Indonesia	25
1.2.1 Perkembangan Tafsir di Indonesia	30
1.3 Pengajian Tafsir di Dayah di Indonesia	34
1.3.1 Metode Pengajian Tafsir di Dayah di Indonesia	38
1.4 Pengajian Tafsir di Dayah di Sumatra	42
1.5 Kesimpulan	46

BAB II: PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH ACHEH

2.1 Pengenalan	49
2.2 Dayah di Aceh	50
2.2.1 Perkembangan Dayah di Aceh	54
2.3 Pengajian Tafsir di Dayah Aceh	58
2.3.1 Ulama – Ulama Tafsir di Aceh	59
2.3.2 Perkembangan Pengajian Tafsir di Dayah Aceh	67
2.4 Dayah – Dayah Terpadu di Aceh Utara	69
2.4.1 Dayah Terpadu Al-Muslimun	70
2.4.1.1 Sejarah Penubuhannya	70
2.4.1.2 Objektif Penubuhannya	73
2.4.1.3 Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun	73
2.4.2 Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman	74
2.4.2.1 Sejarah Penubuhannya	75
2.4.2.2 Objektif Penubuhannya	76
2.4.2.3 Pengajian Tafsir di Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman	76
2.4.3 Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsuddhuha	77
2.4.3.1 Sejarah Penubuhannya	78
2.4.3.2 Objektif Penubuhannya	79
2.4.3.3 Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Syamsuddhuha	80
2.5 Kesimpulan	82

BAB III: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	83
3.2 Metode Campuran dalam Penyelidikan	84
3.2.1 Jenis – Jenis Metode Campuran dalam Penyelidikan	84
3.3 Reka Bentuk Kajian	85
3.4 Instrumen Kajian	87
3.4.1 Soal Selidik	88
3.4.2 Rakaman	89
3.4.3 Lembaran Markah Hasil Peperiksaan	90
3.5 Lokasi Kajian	90
3.6 Populasi Kajian	91
3.7 Sampel Kajian	91
3.7.1 Sampel Soal Selidik	92

3.7.2 Sampel Soalan Temubual Separuh Berstruktur	93
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	93
3.8.1 Soal Selidik	93
3.8.2 Soalan Temubual Separuh Berstruktur	94
3.9 Kaedah Pengumpulan dan Penganalisaan Data	96
3.9.1 Soal Selidik	96
3.9.2 Temubual Separuh Berstruktur	98
3.9.3 Lembaran Markah Hasil Peperiksaan	98
3.10 Rumusan	99

BAB IV: DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan	100
4.2 Dapatan Temubual Separuh Berstruktur	101
4.2.1 Profil Peserta Kajian	101
4.2.2 Dapatan Temubual Pengajar	103
4.2.2.1 Kaedah Pengajaran dan Penafsiran Ayat	104
4.2.2.2 Kitab Rujukan	106
4.2.2.3 Mengukur Keberhasilan Metode Pengajaran	106
4.2.2.4 Bahan Bantu Mengajar	107
4.2.2.5 Pengajar Menghubungkaitkan mata pelajaran	107
4.2.2.6 Menyimpulkan mata pelajaran yang disampaikan	108
4.2.2.7 Kaedah yang paling berkesan	108
4.2.2.8 Bagaimana mengevaluasi pelajaran	109
4.3 Rumusan Dapatan Temubual Separuh Berstruktur	110
4.4 Latar Belakang Responden Soal Selidik	110
4.4.1 Jantina	110
4.4.2 Umur	111
4.4.3 Tahap Pendidikan	111
4.4.4 Tempat Tinggal	112
4.4.5 Tempoh Belajar di Dayah	112
4.4.6 Masa Mengikuti Pengajian Tafsir	113
4.4.7 Kelas di Dayah	113
4.4.8 Masuk Dayah Minat	114
4.5 Keberkesanan Pengajian Tafsir	114
4.5.1 Kefahaman Pelajar	114

4.5.1.1	Kefahaman Pelajar Kelas Dua Thanawiyah	115
4.5.1.2	Kefahaman Pelajar Kelas Tiga Thanawiyah	117
4.5.1.3	Kefahaman Pelajar Kelas Empat ‘Aliyah	119
4.5.1.4	Kefahaman Pelajar Kelas Lima ‘Aliyah	122
4.5.1.5	Kefahaman Pelajar Kelas Enam ‘Aliyah	124
4.5.2	Amalan Pelajar	127
4.5.3	Analisis Markah Hasil Peperiksaan	130
4.6	Rumusan	
4.6.1	Analisis Deskriptif Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun	132
4.6.1.1	Analisis Metode Pengajaran Tafsir	132
4.6.1.2	Analisis Keberkesan Pelajar	132
BAB V: KESIMPULAN DAN SARANAN		
5.1	Pengenalan	135
5.2	Kesimpulan Hasil Kajian	136
5.2.1	Pengajian Tafsir di Dayah di Indonesia	136
5.2.2	Pengajian Tafsir di Dayah di Aceh	137
5.2.3	Metode Pengajaran dan Keberkesanannya	138
5.3	Saran dan Cadangan	140
5.3.1	Kajian Susulan	140
5.4	Penutup	142
BIBLIOGRAFI		143
LAMPIRAN		153

SENARAI TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
أ،ء	a,’	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	T	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h,t
ض	ḍ		

B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ (Fathah)	a	فَتَّ	<i>Qanata</i>
ـ (Kasrah)	i	سَلِيمٌ	<i>Salima</i>
ـ (Dammah)	u	جُعْلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ى	ā	كُبْرَى / بَأْبُ	bāb / kubrā
ي	ī	وَكِيلٌ	Wakīl
و	ū	سُورَةٌ	Sūrah

C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـوـ	aw	قَوْلٌ	Qawl
ـيـ	ay	خَيْرٌ	Khayr
ـوـ	uww	فُوَّهٌ	Quwwah
ـيـ	iy/ī	عَرَبِيٌّ	'Arabiyy/ī

SENARAI KEPENDEKAN

Cet.	: Cetakan
BPPD	: Badan Pembinaan Pendidikan Dayah
SPSS	: Statistic Package For Social Science
PIQ	: Pesantren Ilmu Quran
MAN	: Madrasah ‘Aliyah Negeri
MTsN	: Madrasah Thanawiyyah Negeri
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
STAIN	: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri
ed.	: Edisi
UAIM	: Universiti Antar Bangsa Islam Malaysia
SUMBAR	: Sumatra Barat
Jld.	: Jilid
Kabid	: Kepala Bidang
NAD	: Nanggroe Aceh Darussalam
No.	: Nombor
SK	: Surat Keputusan
SMA	: Sekolah Madrasah Aliyah
SPT	: Surat Perintah Tugas
t.t	: Tanpa tarikh
Vol.	: Volume
P3KI	: Pusat Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Islam
ALM	: Almarhum
KBM	: Kegiatan Belajar Mengajar
DEPAG	: Departemen Agama
RI	: Republik Indonesia

PT	: Perusahaan Terbatas/ Sendirian Berhad
AAF	: Asian Art Fertilation
KKA	: Kertas Kraft Aceh
Tgk	: Tengku
T	: Teuku
H	: Haji
MSI	: Madrasah Shalafiyah Islam
STS	: Sangat Tidak Setuju
TS	: Tidak Setuju
S	: Setuju
TP	: Tidak Pasti
SS	: Sangat Setuju
Ab	: Abdul
SAW	: Ṣallallāhu ‘alayhi wasallam
SWT	: Subḥānahu wa ta’ālā

SENARAI ISTILAH

Dinas	: Pejabat
Eksekutif	: Pelaksana peraturan
Fasa	: Tahap
Instrumen	: Teknik Pengukuran
SMS	: Pesan Singkat
Gampong	: Kampung
Geuchik	: Kepala kampung
Imeum	: Imam
Kabupaten	: Kawasan
Kecamatan	: Daerah
Kota	: Bandar
Kotamadya	: Bandar
Mukim	: Kumpulan beberapa kampung
Provinsi	: Wilayah
WIB	: Waktu Indonesia Barat

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK JADUAL	HAL
Jadual 3.1	Taburan responden pelajar mengikuti tingkatan dan jantina	91
Jadual 3.2	Taburan responden guru mata pelajaran tafsir	92
Jadual 3.3	Skala pengukuran bagi item-item soal selidik	96
Jadual 4.1	Taburan responden guru pengajar mata pelajaran tafsir	100
Jadual 4.2	Jantina	109
Jadual 4.3	Umur	110
Jadual 4.4	Tahap pendidikan	110
Jadual 4.5	Tempat tinggal	111
Jadual 4.6	Tempoh belajar di dayah	111
Jadual 4.7	Masa mengikuti pengajian tafsir	112
Jadual 4.8	Kelas di dayah	112
Jadual 4.9	Masuk dayah minat	113
Jadual 4.10	Kefahaman pelajar kelas dua thanawiyah	114
Jadual 4.11	Perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan	114
Jadual 4.12	Kefahaman pelajar kelas tiga thanawiyah	116
Jadual 4.13	Perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan	116
Jadual 4.14	Kefahaman pelajar kelas empat ‘aliyyah	118
Jadual 4.15	Perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan	119
Jadual 4.16	Kefahaman pelajar kelas lima ‘aliyyah	121
Jadual 4.17	Perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan	121
Jadual 4.18	Kefahaman pelajar kelas enam ‘aliyyah	123

Jadual 4.19	Perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan	123
Jadual 4.20	Kefahaman keseluruhan pelajar	126
Jadual 4.21	Soalan amalan negatif secara keseluruhan	126
Jadual 4.22	Perincian tujuh item soalan negatif	127
Jadual 4.23	Soalan amalan positif secara keseluruhan	127
Jadual 4.24	Perincian tiga belas item soalan positif	128
Jadual 4.25	Markah ujian keseluruhan pelajar	130

BAB: PENDAHULUAN

0.1. Pengenalan

Acheh sebagai salah satu pusat peradaban Islam terawal di Asia Tenggara hal ini ditunjukkan dengan munculnya Islam di kawasan ini. Justeru itu, Aceh memiliki keistimewaan dalam menjalankan syariat Islam. Namun pada kenyataannya Aceh masih mempunyai kekurangan dari pelbagai aspek kehidupan yang berkenaan dengan dunia Pendidikan Islam. Berdasarkan kepada falsafah Pendidikan Islam dan matlamat pendidikan dalam Islam, guru merupakan seorang yang patut dicontohi.

Masyarakat amnya telah menganggap institusi pendidikan seperti sekolah sebagai sebuah institusi untuk melahirkan manusia yang lengkap dan sempurna.¹ Tugas mendidik pada zaman sekarang telah hampir diserahkan kepada guru-guru dan institusi-institusi pendidikan semata-mata tanpa melibatkan sumbangan ibu bapa sebagai orang tua dan masyarakat.

Pendidikan Islam di Aceh menjadi sorotan bagi terbentuknya generasi yang berakhlāq. Peranan institusi Pendidikan Islam seperti dayah sebagai salah satu cara sarana penghubung adalah sangat penting. Peranan guru-guru Pendidikan Islam semakin mencabar kerana bukan hanya setakat menyampaikan ilmu tetapi mendidik dan membina peribadi yang baik kepada pelajar. Peranan dayah sebagai sarana dalam dunia Pendidikan Islam dan guru sebagai pelaksana perlu mengambil langkah yang tepat dalam menentukan kaedah yang diguna pakai dalam pengajaran sehingga memberikan keberkesan yang positif bagi pelajar dalam kehidupan.

Institusi dayah merupakan salah satu lembaga Pendidikan Islam yang memiliki tempat dalam masyarakat Aceh dengan harapan dapat menghasilkan graduan yang

¹Ab.Halim Tamuri Muhammad Khairul Azman Ajuhary, *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Muallim*, (Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010), 44.

mampu menjawab cabaran zaman, namun untuk mendapatkan hasil yang sedemikian ia menjadi tanggung jawab bersama. Bagi pihak dayah penentuan subjek agama seperti pengajian al-Quran sebagai sumber hukum Islam sangatlah penting terutama daripada kaedah pengajaran yang diguna pakai dan keberkesanannya bagi pelajar.

0.2. Latar belakang masalah kajian

Acheh merupakan kawasan provinsi yang memiliki syariat Islam yang kuat dalam kehidupan masyarakat, hal ini bermula pada masa kerajaan Islam di Acheh, banyak ulama-ulama yang dilahirkan merupakan salah satu bentuk dari kuatnya syariat Islam di Acheh. Pendidikan Islam di Acheh sangat diperhatikan dari semasa ke semasa sehingga tertubuhnya banyak lembaga pendidikan yang mengajarkan ilmu agama yang digabungkan dengan ilmu akademik. Lembaga pendidikan ini dikenal dengan sebutan dayah atau pesantren. Pembinaan dan penyebaran dayah atau pesantren di Acheh berkembang dengan pesat di semua kawasan Acheh termasuk Acheh Utara.

Aspek dalam Pendidikan Islam mengandungi salah satu unsur iaitu al-Quran dan salah satu institusi yang memiliki unsur pendidikan al-Quran tersebut adalah dayah. Merujuk kepada kenyataan tersebut, maka salah satu kawasan yang memiliki penubuhan dayah yang cukup baik dari kawasan-kawasan di Acheh secara am adalah kawasan Acheh Utara. Oleh itu pengkaji akan mengkaji pengajian al-Quran di dayah Acheh Utara berkaitan dengan pengajian tafsir yang bertumpu kepada kaedah pengajaran yang diguna pakai dan keberkesanannya.

Bagi melahirkan graduan yang faham terhadap al-Quran dan isi kandungannya sebagai petunjuk hidup dan amalan, maka kaedah pembelajaran al-Quran adalah tumpuan utamanya. Pembelajaran al-Quran adalah penting untuk melahirkan individu yang cinta terhadap al-Quran, ini kerana pembelajaran al-Quran bukan hanya sekadar

membaca dan memahami maksud isi yang terkandung di dalamnya tetapi hal tersebut lebih berkait rapat dengan amalan dalam kehidupan dan pengamalannya.

Pengkaji memilih tempat kajian disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya adalah Aceh Utara termasuk dalam salah satu kawasan yang memiliki penubuhan dayah yang cukup baik, Aceh Utara memiliki sejarah awal penubuhan dayah di Aceh yang bermula di kawasan Samudera Pasai sejak munculnya Islam di Aceh. Terdapat dayah-dayah berbentuk waqaf di Aceh Utara dan dayah Terpadu Al-Muslimun adalah salah satu yang terawal dibina.

Pengkaji memilih dayah sebagai lembaga pendidikan Islam yang dikaji disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya adalah dayah Terpadu Al-Muslimun memiliki tempat strategik dan mudah untuk sampai, ia juga merupakan dayah tumpuan masyarakat yang terletak di kawasan pusat bandar Aceh Utara dan dayah yang ramai diminat masyarakat tempatan dan kawasan sekitarnya. Dayah Terpadu Al-Muslimun merupakan salah satu dayah berbentuk waqaf dengan luas kawasan yang cukup besar sehingga memiliki manfaat besar bagi umat dan generasi muda Islam di masa hadapan terutama masyarakat tempatan dan Aceh secara am untuk menjadi satu kawasan yang memiliki lembaga Pendidikan Islam yang mempelajari al-Quran.

0.3. Rumusan Masalah

Pendidikan al-Quran merupakan salah satu unsur yang terkandung di dalam sukanan mata pelajaran pendidikan Islam. Kelemahan para pelajar sama ada membaca mahupun memahami isi kandungan al-Quran sedikit banyak telah menjelaskan pencapaian objektif dan matlamat pembelajaran Pendidikan Islam. Mempelajari dan mendalami kandungan al-Quran adalah penting untuk mendapatkan individu muslim yang membudayakan al-Quran. Hal ini kerana mempelajari dan memahami al-Quran bukan setakat membaca sahaja tetapi berhubungkait dengan amalan dalam kehidupan.

Acheh saat ini menghadapi arus pemodenan yang boleh menghapus iman individu, maka pembelajaran dan pemahaman al-Quran tidak sepatutnya diketepikan, justeru itu ia harus lebih giat dan dibudayakan. Pelajar graduan Institusi Pendidikan Islam seperti dayah sepatutnya harus lebih bermutu dan berkemampuan seiring dengan kemajuan teknologi dalam mendapatkan ilmu.

Penubuhan dayah sama ada tradisional dan terpadu merupakan satu inisiatif tepat yang diambil oleh pemerintah Aceh dalam membudayakan dan menjadikan masyarakat yang islam dengan membentuk Badan Pembinaan Pendidikan Dayah² sebagai pengurus yang bertujuan untuk memerhatikan perkembangan dan pembelajaran pendidikan Islam di dayah Aceh sama ada di sekolah peringkat menengah mahupun sekolah peringkat atas.

Pendidikan Islam terutama al-Quran di dayah-dayah dapat dimaksimumkan dalam meningkatkan mutu pengajian al-Quran, selain itu dayah diharapkan dapat melahirkan ulama-ulama yang memahami agama terutama al-Quran sebagai pedoman hidup demi mengembalikan kejayaan Islam di Aceh seperti zaman awal kedatangan Islam ke Nusantara, ulama-ulama seperti Hamzah al-Fansuri, Shams al-Din al-Sumatrani, Nūr al-Din al-Raniry, ‘Abd al-Raūf al-Singkili adalah bukti ketokohan masyarakat Aceh dalam bidang ilmu agama termasuk al-Quran, hal ini ditunjukkan dengan munculnya salah satu kitab tafsir terawal iaitu *al-Tarjumān al-Mustafid* dalam bahasa Melayu karya tulis ‘Abd al-Raūf al-Singkili seorang ulama Aceh yang merupakan graduan daripada dayah.

²Institusi dalam struktur organisasi pemerintahan Aceh yang bertugas untuk berusaha memajukan, menjawab dan menyelesaikan persoalan-persoalan yang dihadapi lembaga-lembaga pendidikan dayah yang berada di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Lihat Abdul hadi, *Profil Badan Pembinaan Pendidikan Dayah Aceh*, 2. Berdiri Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) pada tahun 2007 hasil musyawarat ulama,tokoh masyarakat dan pemerintah Aceh yang tercantum dalam Qanun No.5 Tahun 2007 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Dinas, Lembaga Teknis Daerah, dan Lembaga Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. *Ibid.*, 5.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah kunci utama tercapainya matlamat bagi mendapatkan graduan yang pakar dalam bidang keilmuan. Adapun perkara yang terkandung dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah perkara yang berhubung kait dengan bagaimana mata pelajaran itu disampaikan kepada pelajar bermula dari persediaan guru dalam mengajar, bahan pengajaran yang akan disampaikan dalam keadaan kemas dan selari dengan situasi pelajar dan bahan bantu mengajar yang digunakan bersesuaian dengan bahan yang diberikan.

Guru mesti cerdas dan bijaksana dalam memilih kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan mengambil kira pelbagai faktor di antaranya adalah persediaan pelajar, tahap kemampuan pelajar, bahan mengajar dan isi kandungan yang diajarkan. Penggunaan kaedah yang tepat dapat menentukan tingkat kefahaman dan keberkesan pelajar terhadap mata pelajaran yang diberikan sehingga tercapai objektif yang diharapkan.³

Faktor sistem pendidikan dayah terpadu di Aceh yang menggunakan dua sistem pendidikan iaitu menggabungkan sukanan mata pelajaran agama dan sukanan mata pelajaran akademik adalah salah satu faktor masalah yang penting, kerana dalam hal ini kecermatan dan kemahiran diperlukan dalam pelaksanaan dan penentuan kaedah pengajaran yang tepat bagi perjalanan kedua sistem pendidikan yang digunakan.

Berdasarkan rumusan masalah dan faktor-faktor kenyataan di atas, maka pengkaji tertarik untuk membuat sebuah kajian bertajuk: “Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara: Analisis Metode Pengajaran dan Keberkesanannya”

0.4. Soalan Kajian

Kajian ini bertumpu kepada pokok persoalan utama iaitu mengenai kaedah pengajaran dan keberkesanannya di Dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara, namun

³Ab.Halim Tamuri Muhammad Khairul Azman Ajuhary, *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Muallim*, (Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010), 47

berdasarkan latar belakang masalah dan rumusan masalah yang dijelaskan di atas, maka pengkaji dapat merumuskan beberapa persoalan yang dapat memberikan jawapan terhadap setiap permasalahan yang berlaku di antaranya:

1. Apakah bentuk dan sejarah pengajian tafsir di Dayah di Indonesia?
2. Bagaimanakah sejarah perkembangan pengajian tafsir di dayah-dayah di Aceh?
3. Apakah kaedah pengajaran yang diguna pakai dan sejauh mana keberkesanannya dalam pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara?

0.5. Objektif kajian

Dalam menjalankan sebuah kajian, objektif kajian mesti diberikan perhatian, memandangkan ianya berfungsi sebagai satu rujukan bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan secara lancar dan sistematik. Objektif kajian yang akan dicapai dalam kajian ini adalah:

1. Untuk meneliti dan mengkaji bentuk dan sejarah tentang pengajian tafsir yang ada di Dayah di Indonesia
2. Untuk mengkaji sejarah perkembangan pengajian tafsir di dayah-dayah di Aceh
3. Untuk menganalisis dan mengenal pasti kaedah pengajaran yang diguna pakai dan sejauh mana keberkesanannya dalam pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun di Aceh utara.

0.6. Skop kajian

Dalam kajian ini penulis menghadkan skop kajian kepada pengajian tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun sebagai sampel kajian untuk peringkat menengah dan peringkat atas sahaja, pembahasan yang dilakukan adalah bertumpuan kepada bentuk pengajian tafsir yang berlaku, mengklasifikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai oleh guru, melihat keberkesanannya daripada kaedah yang diterapkan

dalam pengajaran dan pembelajaran tafsir terhadap kefahaman, amalan pelajar dan markah hasil peperiksaan pelajar di Dayah Terpadu Al-Muslimun.

0.7. Kepentingan kajian

Kajian ini berdasarkan kepada beberapa aspek kepentingan di antaranya;

1. Melihat kemajuan pelajar dalam mempelajari al-Quran dari segenap dan segala aspek terutama dalam bidang tafsir dan sebagainya.
2. Melihat kesesuaian dan keberkesanannya kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh guru dan penyampaiannya atau ianya memerlukan kaedah yang baru.
3. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan tahap pengajian tafsir di dayah-dayah terpadu di Aceh Utara dan Aceh amnya.
4. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan yang memberikan faedah dalam hal pengajian tafsir di dayah-dayah terpadu di Aceh Utara dan Aceh.
5. Memberikan kesempatan kepada pihak-pihak yang berkenaan terutama struktur pengurus Badan Pembinaan Pendidikan Dayah (BPPD) Aceh untuk melakukan penilaian dan kajian susulan, sekiranya mata pelajaran dan kaedah yang ada setakat ini tidak bersesuaian atau belum dapat mencapai matlamat objektif pengajaran dan tuntutan zaman.
6. Memberikan pembaharuan dunia pendidikan Islam Aceh Utara dan Aceh yang berhubungkait dengan kitab, kaedah dan keberkesanannya dalam pengajian tafsir.

0.8. Definisi Tajuk

Penyelidikan ini bertajuk “Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara: Analisis Metode Pengajaran dan Keberkesannya”. Tampak secara amnya kajian ini bertumpu kepada dayah terpadu yang ada di Aceh Utara dengan menjadikan Dayah Terpadu Al-Muslimun sebagai sampel kajian dan tajuk kajian bersentuhan dengan kaedah pengajaran dan keberkesanannya.

0.8.1. Pengajian

Perkataan pengajian berasal dari imbuhan kaji yang bermaksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji; adapun pengajian bermaksud usaha atau kegiatan belajar membaca al-Quran, pembacaan al-Quran atau bermaksud penyelidikan yang mendalam atau terperinci, pelajaran atau perolehan pelajaran (yang mendalam atau diperingkat tinggi).⁴

Selain itu, maksud pengajian dari pengkaji disini adalah pembelajaran atau pendidikan yang meliputi proses belajar dan mengajar, belajar iaitu menuntut ilmu dari orang lain dan mengajar adalah memberikan ilmu kepada orang lain. Untuk perkataan kajian berasal dari perkataan kaji yang bermaksud mengkaji iaitu menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci (supaya benar-benar mengetahui sesuatu, supaya dapat membuat keputusan, dan lain-lain).⁵

0.8.2. Tafsir

Secara etimologi tafsir berasal dari kata **(فَسْرَ - يُفَسِّرُ - فَسْرًا)** bererti menjelaskanya atau menerangkanya.⁶ Tafsir adalah menjelaskan maksud perkataan yang samar, tafsir juga bermaksud membuka sesuatu yang tertutup sehingga menjadi terang, jelas dan nyata.⁷ Ibn Manzūr berpendapat tafsir adalah membuka dan menjelaskan maksud yang sukar dari suatu lafaz.⁸

Selain itu, maksud pengertian tafsir secara terminologi adalah seperti berikut; tafsir menurut Abū Ḥayyān adalah “Ilmu yang mempelajari tentang cara pengucapan lafaz-lafaz al-Quran, tentang petunjuk-petunjuknya, hukum-hukumnya sama ada ketika

⁴ Kamus Dewan, edisi ke-4 Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka 2007, 657.

⁵ *Ibid.*, 657.

⁶ Kamus, *Lisān al-‘Arab*, Juzuk ke-10, cet ke-3, (Bayrūt: Dār Ehyā al-Turāth al-‘Arabi, 1999), 261.

⁷ Kamus, *al-Munjid*, cet ke-5, (Bayrūt: al-Kathalikīyah, 1928), 613.

⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, V t.t., (Bayrūt: Dār Ṣadīr), 55.

ia berdiri sendiri mahupun ketika tersusun dan makna-makna yang memungkinkan baginya ketika tersusun serta hal-hal lain yang melengkapinya.⁹

Pengertian tafsir menurut al-Zarkashi^ī adalah “Ilmu untuk mengenal dan memahami kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi-Nya Muhammad SAW, menjelaskan maknanya, mengeluarkan hukum-hukum serta hikmah-hikmahnya.¹⁰ Oleh itu tafsir bermaksud, menjelaskan makna ayat-ayat al-Quran, kedudukannya, kisah dan asbāb al-Nuzul, susunan ayat Makkī dan Madani^ī, muḥkam dan mutashābih, nāsikh dan mansūkh, khusus dan umum, ḥalāl, ḥarām dan lainnya menggunakan ungkapan yang menunjukkan kepadanya secara jelas dan terang.¹¹

Para ulama membahagikan tafsir kepada tiga bahagian iaitu tafsīr al-Riwayah atau bi al-Ma’thūr, tafsīr al-Dirāyah atau bi al-Ra’y dan tafsīr al-Ishārah atau al-Ishāri. Untuk mengetahui tafsir dari ayat-ayat al-Quran metodologi dan ilmu dalam menafsirkannya diperlukan, adapun ilmu yang harus dimiliki seorang mufasir di antaranya adalah bahasa ‘Arab, al-Naḥwu, al- Ṣaraf, ‘ulūm al-Quran, Nāsikh Mansūkh, Mantiq dan lain-lain.¹²

Tafsir adalah memberikan penjelasan tentang pengertian segala sesuatu yang terdapat dalam al-Quran sama ada penjelasan tentang lafaz-lafaznya, pengertian yang terkandung dalam bahasanya, peraturan, hukum-hukum yang dikandungi dan lain-lain.¹³

0.8.3. Dayah

Nama dayah sendiri diambil dari bahasa Arab: zawiyyah, istilah zawiyyah secara literal bermakna sudut yang diyakini oleh masyarakat Aceh pertama sekali digunakan adalah sudut Masjid Madinah ketika Nabi Muhammad SAW memberikan pelajaran

⁹Mannā’ Khalīl al-Qattān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Quran*, terj. Mudzakir AS, Bogor: Pustaka Litera Antar Nusa, 2001, 456.

¹⁰Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Itqān fī al-‘Ulūm al-Quran*, juzuk ke-2, Qāherah: Ḥijazi, 174.

¹¹Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah, *Pengantar Uṣūl al-Tafsīr*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya, 2010), 6.

¹² *Ibid.*, 61.

¹³ Sudaryono El Kamali, *Pengantar Studi Al-Quran*,(STAIN Pekalongan Press 2006, c 1), 69

kepada para sahabat pada awal Islam.¹⁴ Pada abad pertengahan kata zawiyyah di fahami sebagai pusat agama dan kehidupan sufi yang kebiasaannya menghabiskan waktu di perantauan, adakalanya lembaga ini dibangun menjadi sekolah agama dan pada waktut tertentu dijadikan sebagai pondok bagi para penuntut ilmu-ilmu agama.¹⁵

Dayah yang pengkaji maksud adalah lembaga pendidikan Islam di Aceh, dayah sendiri terbahagi kepada dua bentuk, *pertama* dayah terpadu iaitu menggabungkan dua mata pelajaran bersifat agama dan akademik dalam satu waktu dan tempat, *kedua*, dayah tradisional iaitu hanya mempelajari mata pelajaran bersifat agama sahaja. Dari dua bentuk tersebut di atas, maka dayah terpadu adalah fokus kajian pengkaji untuk kawasan Aceh Utara secara amnya dengan mengambil Dayah Terpadu Al-Muslimun sebagai sampel kajian.

0.8.4. Metode

Metode adalah teknik untuk sampai kepada matlamat penyelidikan, melalui kaedah penyelidikan boleh dijalankan secara sistematisik.¹⁶ Metodologi adalah sistem yang merangkumi cara dan prinsip yang diguna pakai dalam sesuatu kegiatan dan disiplin. Metode yang dimaksudkan pengkaji adalah kaedah dan prinsip dalam penyampaian yang diguna pakai oleh guru dalam kegiatan proses pengajaran sama ada dari aspek mata pelajaran yang disampaikan, bahan mengajar dan lainya.

¹⁴Tgk.Mohd Basyah Haspy, *Apresiasi Terhadap Tradisi Dayah: Suatu Tinjauan Tata Krama dan Kehidupan Dayah*, Banda Aceh: Panitia Seminar Apresiasi Pesantren di Aceh Persatuan Dayah Inshafuddin,1987, 7.

¹⁵Badan Pembinaan Pendidikan Dayah, *Seluk Beluk Dayah di Aceh*, dicapai 12 November 2012, <http://bppd.acehprov.go.id/index.php?kategori=relevansi&linkjudul=seluk-beluk-dayah-di-aceh>.

¹⁶ Kamus Dewan, 1030.

0.8.5. Keberkesanan

Perkataan keberkesanan berasal dari kesan yang bermaksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas. Adapun keberkesanan yang dimaksud adalah perihal berkesan, berkesannya (suatu tindakan, perubahan, dsb).¹⁷

Keberkesanan yang dimaksud pengkaji adalah keberkesanan yang didapatkan pelajar dalam pengajian tafsir dari kaedah yang sudah diguna pakai guru dalam proses pembelajaran.

0.9. Tinjauan Terdahulu

Kajian tentang pengajian tafsir di alam Melayu sangatlah menarik untuk ditulis kerana kebanyakan masalah di dalam tafsir bersumberkan dari al-Quran masih belum dibahas secara terperinci, selain itu kajian sebelum ini yang berhubung kait dengan pengajian tafsir telah dilakukan oleh beberapa sarjana-sarjana untuk mengkaji lebih dalam, beberapa kajian di antaranya bermula dari kajian al-Quran dan Tafsir di Indonesia dan Sumatera kemudian seterusnya kepada kajian al-Quran dan Tafsir di Aceh adalah seperti berikut:

Kajian disertasi yang ditulis oleh M.Nurdin Zuhdi bertajuk *Tipologi Tafsir al-Quran Mazhab Indonesia* dalam disertasinya penulis bertumpu terhadap aspek metodologi dalam karya tafsir dan aspek tipologi dalam karya tafsir serta mengungkap keunikan dari segala aspek yang terjadi didalamnya.¹⁸ Kajian ini mengkaji tipologi dan metodologi 29 karya tafsir dengan hampir semua karya menggunakan kaedah mawdū'i dan membahagikannya kepada kelompok kaedah yang sesuai.

Kajian pengkaji bertumpu kepada kaedah pengajaran pengajian tafsir di dayah terpadu, mengkaji keberkesanan yang diperolehi pelajar dari pengajian tersebut. Skop

¹⁷Kamus Dewan, *Ibid.*, h 772

¹⁸M.Nurdin Zuhdi, *Tipologi Tafsir Al-Quran Mazhab Indonesia*, (disertasi pasca sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2011), ix.

kajian fokus untuk kawasan Aceh Utara sebagai lokasi kajian dan mengambil Dayah Terpadu Al-Muslimun sebagai sampel kajian.

Kajian yang ditulis oleh Muhammad Indra Nazaruddin bertajuk *Kajian Tafsir Indonesia: Analisis Terhadap Tafsir Tamsiyat Al-Muslimin fi Tafsir Kalam Rabb al-Alamin Karya K.H Ahmad Sanusi*, kajian ini bertumpu kepada salah satu kitab tafsir daripada seorang tokoh Indonesia iaitu karya K.H Ahmad Sanusi ditinjau dari beberapa aspek iaitu aspek latar belakang penulisan, aspek penyebaran yang ditulis dalam majalah bulanan dan aspek metodologi pentafsiran dalam kitab tafsir tersebut.¹⁹ Kaedah penelitian yang dijalankan berfokus kepada kaedah pengumpulan data dan kajian perpustakaan.

Kajian pengkaji bertumpu kepada pengajian tafsir di dayah terpadu sebagai salah satu institusi pendidikan Islam di Aceh Utara, pengkaji fokus kepada analisis kaedah pengajaran tafsir dan keberkesanannya bagi pelajar. Oleh itu, kaedah yang diguna pakai dalam penyelidikan adalah kaedah kajian pemerhatian lapangan dengan kaedah kajian tinjauan atau penerokaan terhadap objek kajian. Hal ini melibatkan responden sama ada guru dan pelajar di dayah tersebut bagi menjawab objektif kajian yang dijalankan, hal ini adalah beberapa perbezaan kajian yang dijalankan dengan kajian di atas.

Kajian yang ditulis oleh Parukhi bertajuk *Problematika Pengajian Tafsir al-Quran dan Upaya Pemecahannya di Desa Jatimulya Kecamatan Suradadi Kabupaten Tegal* tujuan dalam kajian ini adalah untuk mengetahui pelaksanaan, masalah dan upaya pemecahannya dalam pengajian tafsir di Desa Jatimulya setiap malam selasa. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara

¹⁹Muhammad Indra Nazaruddin, *Kajian Tafsir Indonesia; Analisis Terhadap Tafsir Tamsiyat Al-Muslimin fi Tafsir Kalam Rabb al-Alamin Karya K.H Ahmad Sanusi*, (Skripsi Tafsir Hadith Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2007), 13

kaedah pemerhatian, temubual dan dokumentasi. Untuk kaedah analisis yang digunakan adalah analisis kualitatif deskriptif.²⁰

Kajian yang dijalankan pengkaji bertujuan untuk mengetahui kaedah pengajaran dan keberkesanan dalam pengajian tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun, perbezaan lain dari kajian di atas adalah aspek kaedah pengumpulan data iaitu dengan menggunakan soal selidik dan penganalisaan data yang diperolehi dengan menggunakan SPSS dan lokasi kajian yang dijalankan pengkaji.

Kajian yang dijalankan oleh M.Sadullah bertajuk, *Modifikasi Metode Pembelajaran Tafsir al-Quran: Studi Kasus di Madrasah Diniyah Nurul Quran Patokan Kraksaan Probolinggo*²¹ Kajian yang dijalankan ini membincangkan tentang bagaimana guru memodifikasi kaedah pembelajaran tafsir al-Quran dari aspek kreativiti guru, respon pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran tafsir. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan pengumpulan data menggunakan kaedah pemerhatian, temubual dan dokumentasi dengan analisis teknik deskriptif.

Kajian yang dijalankan pengkaji adalah fokus kepada kaedah pengajian tafsir di dayah terpadu tanpa mengkaji pengubahsuaiannya yang dilakukan guru dalam pembelajaran tafsir. Aspek lain yang membezakan adalah kaedah yang digunakan adalah kaedah campuran kajian tinjauan atau penerokaan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dari soal selidik yang melibatkan pelajar dan kaedah temubual kepada guru untuk mengetahui kaedah yang diguna pakai dalam pengajian tafsir.

²⁰Parukhi, *Problematika Pengajaran Tafsir al-Quran dan Upaya Pemecahannya di Desa Jatimulya Kecamatan Suradadi Kabupaten Tegal*, (Skripsi fakulti dakwah, Institut Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, 2012), vii

²¹M.Sadullah, *Modifikasi Metode Pembelajaran Tafsir al-Quran: Studi Kasus di Madrasah Diniyah Nurul Quran Patokan Kraksaan Probolinggo*, (Skripsi Pendidikan Islam Universitas Islam Negeri Malang, 2009), 15

Kajian yang dijalankan oleh Arsyi Makin bertajuk *Respon Jamā'ah Terhadap Pengajian Tafsir Tematik di Masjid Islamic Center Jakarta* dalam kajian ini membincangkan tentang pengajian tafsir tematik, fokus kajian terhadap unsur pelaksanaan pengajian meliputi bahan kuliah yang akan disampaikan dan kaedah pengajaran, namun dalam hal ini lebih kepada respon jamā'ah dalam mengikuti pengajian ini. Kaedah yang digunakan adalah kaedah pemerhatian dan soal selidik dengan pendekatan kuantitatif.²²

Kajian yang dijalankan pengkaji adalah pengajian tafsir di lembaga pendidikan Islam yang berada di Aceh, perbezaan dari beberapa aspek di antaranya adalah kajian pengkaji lebih kepada kaedah pengajaran dan keberkesanan daripada kaedah yang digunakan terhadap pelajar dalam kehidupan setelah belajar tafsir. Aspek pengumpulan data dan kaedah penyelidikan iaitu pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan kaedah pengajaran yang digunakan dan disokong dengan soal selidik untuk mendapatkan maklumat keberkesanan dari kaedah yang dijalankan, sedangkan kajian Arsyi Makin menggunakan kaedah soal selidik dan kaedah pemerhatian sahaja bagi mendapatkan maklumat dan pendapat jamā'ah terhadap pengajian tafsir tersebut.

Kajian ditulis oleh Muhammad Irfan Chalimy²³ bertajuk *Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Pesantren al-Furqon Sanden Bantul Yogyakarta (Kajian Terhadap Metode Pembelajaran)*, kajian ini bertumpu kepada penerapan kaedah pembelajaran dalam pengajian tafsir al-Quran di pondok pesantren al-Furqon Sanden Bantul Yogyakarta serta faktor penyokong dan penghalangnya dan pesantren di Yogyakarta diguna pakai sebagai sampel kajian dengan kaedah kualitatif.

²²Arsyi Makin, *Respon Jamā'ah Terhadap Pengajian Tafsir Tematik di Masjid Islamic Center Jakarta*, (Skripsi fakulti dakwah dan komunikasi, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008), 39

²³Muhammad Irfan Chalimy, *Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok Pesantren al-Furqon Sanden Bantul Yogyakarta: Kajian Terhadap Metode Pembelajaran*, (skripsi pendidikan agama islam, University Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2008), viii.

Kajian ini mempunyai persamaan dari aspek pesantren sebagai sampel kajian tetapi berbeza lokasi, untuk kajian yang dijalankan pengkaji berada di wilayah pulau Sumatra bahagian barat tepatnya di Aceh, aspek lain adalah kaedah pengajaran pengajian tafsir yang dijalankan dan kaedah dalam pentafsiran ayat yang disampaikan kepada pelajar. Selain itu aspek keberkesanan dari kaedah yang diguna pakai menjadi salah satu fokus kajian yang dijalankan pengkaji dan aspek kaedah penelitian.

Kajian yang dijalankan oleh Bahtiar Purnama Putra bertajuk *Penerapan Metode Jibril dalam Meningkatkan Pembelajaran al-Quran Pada Santri Pesantren Ilmu Quran (PIQ) Singosari Malang*, Kajian ini fokus kepada deskripsi penerapan metode jibril pada santri di Pesantren Singosari dalam pembelajaran al-Quran, merujuk kepada faktor penyokong dan faktor penghalang dalam penerapan dan usaha yang dilakukan oleh pentadbiran pesantren dalam peningkatan hal tersebut.²⁴ Kaedah yang digunakan adalah pemerhatian, temu bual dan dokumentasi dengan analisis data kaedah deskriptif kualitatif.

Fokus kajian yang dijalankan pengkaji adalah kepada kaedah pengajaran tafsir yang digunakan guru dalam pengajaran tafsir dan keberkesanan yang di dapat oleh pelajar setelah mengikuti pengajaran tafsir merujuk kepada tiga faktor iaitu kefahaman pelajar, amalan pelajar dan hasil pencapaian markah ujian pelajar dalam satu tahun selepas mengikuti pengajaran tafsir. Aspek perbezaan lainya adalah kaedah yang digunakan pengkaji adalah soal selidik kepada para pelajar dan temu bual kepada para guru, selain itu, analisis data yang digunakan adalah analisis kuantitatif deskriptif dan analisis kandungan. Ini adalah beberapa faktor yang membezakan kajian pengkaji dengan kajian di atas.

²⁴Bakhtiar Purnama Putra, *Penerapan Metode Jibril Dalam Meningkatkan Pembelajaran al-Quran pada Santri di Pesantren Singosari Malang*, (Skripsi Pendidikan Islam Univesitas Islam Negeri Malang, 2011), 12

Kajian bertajuk *Metode Kajian Kitab Tafsir Dengan Fakta Sosial: Studi Terhadap Kajian Tafsir Munir Marāḥ Labid Karya Syaikh Nawawi al-Bantani di Pondok Pesantren Fadlun Minallah, Wonokromo I, Pleret, Bantul Yogyakarta* karya Misbakhul Mukmin.²⁵ Kajian ini fokus kepada bentuk kajian yang dilakukan di masyarakat dalam mengkaji kitab tafsir tersebut dan pengaruh sosial terhadap apa yang telah dikaji dari kitab tafsir dengan kaedah pentafsiran yang diterapkan. Bagi kaedah yang digunakan dalam penyelidikan adalah pemerhatian dan temu bual dalam pengumpulan data secara langsung.

Perbezaan jelas antara kajian di atas dengan kajian yang dijalankan pengkaji diantaranya adalah fokus kajian iaitu kajian pengkaji adalah kaedah pengajaran tafsir yang dijalankan para guru di dayah terpadu dan keberkesanan yang diberikan dari kaedah tersebut kepada pelajar sebagai responden dalam kajian ini bagi menjawab objektif kajian. Sedangkan aspek kaedah juga mempunyai perbezaan iaitu kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpulkan maklumat daripada responden dan terdapat dua bentuk analisis yang dilakukan iaitu analisis kualitatif dan kuantitatif atau yang disebut dengan kajian tinjauan atau penerokaan bagi mendapatkan data.

Kajian yang dijalankan oleh Nasrun S dan Norhayati Haji Hamzah, bertajuk *Peranan Pondok Pesantren di Kerinci Jambi Indonesia dalam Perkembangan Pendidikan Islam* fokus kajian ini adalah kepada sejarah penubuhan pesantren di Kerinci Jambi dalam pengembangan pendidikan Islam, kurikulum dan peranannya.²⁶ Adapun yang berkaitan dengan pendidikan Islam yang dianalisis dan dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti pembelajaran al-Quran dan tafsir, bahasa ‘Arab, kaligrafi

²⁵ Misbakhun Mukmin, *Metode Kajian Kitab Tafsir Dengan Fakta Sosial; Studi Terhadap Kajian Tafsir Munir Marāḥ Labid Karya Syaikh Nawawi al-Bantani di Pondok Pesantren Fadlun Minallah, Wonokromo I, Pleret Bantul Yogyakarta*, (Skripsi Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2008), ix

²⁶ Nasrun S, Norhayati Haji Hamzah, *Peranan Pondok Pesantren di Kerinci Jambi Indonesia dalam Pengembangan Pendidikan Islam*, (Jurnal al-Tamaddun, Bil 8 (1), 2013), 189

dan lain-lain. Kajian ini bertumpu kepada beberapa pesantren salah satunya adalah pondok Jamiatul Ikhhsaniyah Mukhtariyah Ambai di Kerinci Jambi Indonesia.

Kajian ini mempunyai persamaan dari aspek iaitu pesantren sebagai sampel kajian, namun memiliki perbezaan tempat kajian. Merujuk kepada kajian yang dijalankan pengkaji, maka kajian di atas masih ada bahagian untuk dikaji di antaranya adalah fokus kajian pengkaji hanya kepada pengajian tafsir dan kaedah pengajarannya, tidak meliputi kepada pendidikan Islam secara am. Lokasi kajian juga menjadi perbezaan dalam kajian yang dijalankan, kajian pengkaji lebih bersifat khas kepada pengajian tafsir di satu dayah atau pesantren terpadu sedangkan kajian yang dijalankan di atas lebih kepada sebahagian besar pesantren yang ada di Kerinci Jambi. Selain itu aspek kajian pengkaji hanya fokus kepada pengajian tafsir bukan aspek pendidikan Islam secara am.

Kajian bertajuk *Efektifitas Pembelajaran Fiqh Pada Dayah Modern; Sebuah Evaluasi Implementasi Pada Dayah Modern Darul Ulum Banda Aceh* ditulis oleh Musa M.Ali,²⁷ kajian ini bertumpu kepada pengajian fiqh, namun masih merujuk kepada pelajaran yang signifikan seperti tafsir, hadith dan bahasa ‘arab sebagai kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan dengan menggunakan soal selidik, pemerhatian dan temu bual.

Kajian yang dijalankan pengkaji memiliki persamaan dari aspek Institusi iaitu Dayah Moden atau Terpadu sebagai objek kajian, selain itu aspek tafsir, hadith dan bahasa ‘arab masih diambil kira dalam kajian di atas. Selain itu, kajian pengkaji lebih fokus kepada pengajian tafsir dan analisis kaedah pengajaran dan keberkesanan yang

²⁷Musa M.Ali, *Efektifitas Pembelajaran Fiqh Pada Dayah Modern; Sebuah Evaluasi Implementasi Pada Dayah Modern Darul Ulum Banda Aceh*, (disertasi program pasca sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Banda Aceh, 2006), 8

diperolehi pelajar selepas mengikuti pengajian tafsir tanpa merujuk kepada mata pelajaran lain. Kaedah analisis yang digunakan pengkaji adalah analisis deskriptif.

Kajian bertajuk *Pengembangan Standar Isi Pada Pembelajaran Quran Hadits Pada Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di Kabupaten Pidie Jaya* kajian ini ditulis oleh Masrur dengan tumpuan kajian kepada persediaan madrasah ‘aliyah negeri dalam aspek kurikulum peringkat unit pendidikan yang diterapkan pemerintah sebagai standard sama ada dalam aspek pengurusan dan perancangan dalam pembelajaran Quran Hadith, kesediaan guru dan mencari faktor penghalang dalam pengembangan dan pembelajaran Quran Hadith dengan lokasi kajian di Pidie Jaya.²⁸

Dari beberapa kajian yang telah dijalankan di atas menunjukkan bahawa kajian tersebut membincangkan tentang pengajian tafsir secara amnya, menurut pandangan pengkaji masih ada ruang dan celah yang dapat dikaji mengingatkan luasnya masalah pengajian tafsir di antaranya dari aspek daerah dan institusi kajian yang berbeza.

Kajian-kajian di atas tidak memberi penekanan terhadap pengajian tafsir di dayah terpadu yang berhubungkait dengan kaedah pengajaran dan keberkesanannya, dalam pandangan pengkaji bahagian ini belum dibahas oleh sarjana-sarjana sebelumnya sehingga pengkaji tertarik untuk menganalisis dan mengkaji lebih fokus terhadap institusi dayah terpadu yang ada di Aceh Utara secara khasnya.

10. Metodologi Kajian

Metodologi adalah salah satu cara untuk mencapai kepada matlamat penyelidikan dan dengannya penyelidikan boleh dijalankan secara sistematis. Dalam penyelidikan yang dijalankan pengkaji akan menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif dengan pendekatanya adalah deskriptif kuantitatif.

²⁸Masrur, *Pengembangan Standar Isi Pada Pembelajaran Quran Hadits Pada Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di Kabupaten Pidie Jaya* (disertasi program pasca sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Banda Aceh, 2012), 7.

10.1. Metode Pengumpulan data

Metode pengumpulan data iaitu teknik yang digunakan pakai oleh pengkaji dalam mengumpulkan data untuk dianalisis pada suatu kajian.²⁹ Dalam usaha untuk mencapai hal tersebut maka akan dilakukan beberapa kajian di antaranya adalah seperti berikut:

10.1.1. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan adalah upaya penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpulkan data yang terdapat pada sumber data iaitu perpustakaan.³⁰ Dalam penyelidikan ini penyelidik berusaha untuk mendapatkan data kajian yang lengkap dan sesuai dalam bentuk buku, jurnal, kitab, dokumentasi, risalah-risalah, kertas kerja, makalah, majalah, web dan lainnya sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris dan ‘Arab.

Pengkaji telah menggunakan beberapa perpustakaan di antaranya: Perpustakaan Pasca Sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Perpustakaan Fakultas Ushuluddin IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, Perpustakaan Wilayah Banda Aceh, Perpustakaan Masjid Baiturrahman Banda Aceh, Perpustakaan Ali Hasjymi Banda Aceh, Perpustakaan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Aceh Utara, Perpustakaan Hasbi Assidqie Mon Gedong Lhokseumawe Aceh Utara, Perpustakkan Zaba’ Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, perpustakaan UIAM Center Gombak, Selangor, dan beberapa perpustakaan lain yang dapat menyokong jalannya kajian ini.

10.1.2. Metode Temu bual

Temu bual adalah satu perbincangan di antara dua orang atau lebih untuk membincangkan suatu perkara. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan

²⁹Burke Johnson dan Lary Christensen, *Education Research: Quantitative and Qualitative Approaches*, (London: Allyn and Bacon 2000), 126.

³⁰J.Supranto, *Kaedah Penyelidikan: Penggunaanya dalam pemasaran*, Ismail Rejab dan Nik Rahimah Nik Yacob (ed), cet ke-1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 9.

data daripada pentadbiran dayah, pimpinan dayah, guru-guru dayah terpadu dan hal lain yang menyokong penyelidikan.³¹

10.1.3. Metodologi Pemerhatian

Pengkaji memberikan perhatian secara teliti kepada beberapa dayah yang ada di Aceh Utara dan melihat bagaimana kaedah yang dijalankan dalam proses belajar mengajar untuk pengajian tafsir. Penyelidikan dengan kaedah ini untuk mengkaji dayah-dayah yang ada di Aceh Utara dan meninjau pengajaran dan pembelajaran tafsir yang telah dilakukan selama ini dan hal-hal yang berhubung kait dengan penyelidikan yang akan dijalankan.

10.1.4. Metode Soal Selidik

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data daripada responden yang melibatkan pentadbiran, guru dan pelajar di dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara selain itu, soal selidik ini melibatkan guru dan pelajar yang mengikuti pengajian tafsir. Pengkaji juga menyediakan borang soal selidik untuk diagihkan kepada semua calon responden yang terlibat dan dalam pengagihan ini penyelidik mengagihkan sendiri kepada responden dengan dibantu oleh beberapa guru dan pelajar.

Pengkaji melakukan kajian rintis terhadap soal selidik, kajian rintis ini dimulakan dengan temu bual kepada beberapa orang calon responden untuk membina soal selidik kemudian pengkaji mengagihkan borang soal selidik kepada responden sebagai sampel kajian. Bagi menentukan kebolehpercayaan dan keabsahan instrument kajian, maka pengkaji melakukan langkah berikut di antaranya adalah mengambil lima belas orang pelajar sebagai sampel kajian dengan mengagihkan borang soal selidik kemudian menganalisis hasil kajian rintis berupa frekuensi dengan menggunakan Statistic Package For Social Science (SPSS) 16.0 dengan merujuk pada hasil analisis.

³¹Jhon Robert Shaw, *The New Harison Ladder Dictionary*, Signet USA 1970, 272

Hasil analisis dalam kajian rintis yang dijalankan pengkaji menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item soal selidik bahagian B (kefahaman pelajar) ialah 0.986 dan bahagian C (amalan pelajar) adalah 0.808. Keputusan ini menunjukkan bahawa item-item yang terkandung dalam soal selidik ini adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekaligus memberi petunjuk mengenai keabsahan item-item soal selidik tersebut.

10.2. Analisis Data

Segala data-data yang diperoleh dikumpulkan seterusnya dianalisis dan dikaji dengan teliti dan memisahkan data yang bersifat primer dan skunder sehingga menjadi jelas dalam pengklasifikasian data sama ada dari perpustakaan, temu bual, soal selidik dan sumber-sumber lainya. Hasil daripada analisis yang dilakukan pengkaji diharapkan dapat memberikan hasil yang maksimum dan bermanfaat.

Kaedah dalam menganalisis data pengkaji menggunakan dua kaedah, iaitu analisis kandungan untuk data yang bersifat kualitatif dengan menyusun secara sistematik dalam bentuk Microsoft word dan menggunakan Statistic Package For Social Science (SPSS) 16.0 adalah cara yang tepat untuk menganalisis dan mendapatkan hasil kajian yang objektif untuk data yang bersifat kuantitatif.

11. Sistematika Penulisan

Sistematika penulisan dalam kajian yang dijalankan adalah merangkumi enam bab iaitu terdiri dari satu bab tentang pendahuluan dan lima bab berisikan tentang huraian bab secara terperinci. Untuk secara jelasnya bentuk susunan kajian ini, maka pengkaji menyenaraikan secara sistematik susunan bab yang dikaji dan dijalankan:

Bab Pendahuluan adalah merupakan bab awal yang akan dijalankan berisikan kepada pengenalan, latar belakang, rumusan masalah, soalan kajian, objektif kajian,

skop kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk kajian, tinjauan terdahulu dan metodologi kajian yang dijalankan dibincangkan dalam bab ini.

Bab I membincangkan perkara yang berhubung kait dengan objektif kajian yang pertama iaitu bentuk dan sejarah pengajian tafsir di Dayah di Indonesia, perbincangan berisikan beberapa perkara di antaranya pengenalan tafsir di Indonesia berisikan bentuk dan sejarah perkembangan tafsir serta kaedah pengajian tafsir di dayah di Indonesia.

Bab II membincangkan perkara yang berhubung kait dengan objektif kedua iaitu sejarah perkembangan pengajian tafsir di dayah-dayah Aceh, bab ini membincangkan sejarah dan perkembangan dayah di Aceh, ketokohan ulama-ulama tafsir Aceh dan perkembangan pengajian tafsir di dayah di Aceh. Seterusnya bab ini menghuraikan dayah-dayah terpadu di Aceh utara secara amnya yang berhubung kait dengan pengajian tafsir yang sedang dijalankan.

Bab III merupakan bahagian daripada jawapan kepada objektif ketiga kajian ini iaitu kaedah pengajaran dan keberkesanan dari pengajian tafsir, bab ini mengandungi bagaimana kaedah yang diguna pakai oleh pengkaji dalam menjalankan kajiannya secara terperinci. Bab ini mengandungi pengenalan kepada isi kandungan bab, metodologi penyelidikan secara am, reka bentuk kajian, instrument yang diguna pakai, lokasi, populasi, sampel, keabsahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi, kaedah pengumpulan dan penganalisaan data dan kesimpulan daripada kaedah kajian.

Bab IV membincangkan analisis kajian yang diperolehi daripada dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, bab ini juga untuk melengkapkan jawapan secara am terhadap objektif kajian ketiga iaitu menganalisis soal selidik dan temu bual daripada responden sehingga mendapat jawapan yang beseusaian. Isi kandungan bab ini membincangkan tentang latar belakang responden, umur, tingkatan pendidikan dan

masa tempoh pengajian. Bab ini menganalisis temu bual daripada guru pengajar tafsir untuk mendapatkan kaedah yang diguna pakai dalam pengajian tafsir dan menganalisis soal selidik dengan menggunakan statistic package for social science (SPSS) untuk mendapatkan keberkesanan pelajar dengan bentuk soalan daripada aspek kefahaman, amalan dan analisis markah ujian pelajar.

Bab V membincangkan cadangan berisikan tentang rumusan daripada hasil kajian yang dijalankan, saran dan cadangan daripada pengkaji, kajian lanjutan yang sepatutnya dilakukan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajian tafsir di dayah dan penutup.

BAB I

PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH DI INDONESIA

1.1. Pengenalan

Suatu hal yang jelas bahawa al-Quran ialah sebagai pedoman utama bagi umat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT dalam bahasa ‘Arab. Bagi menjadikan al-Quran sebagai pedoman dan petunjuk, maka diperlukan pentafsiran apalagi bagi yang bukan orang ‘Arab. Hal ini perlu diperhatikan agar dapat memaksimumkan dan mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam mencapai kebahagian dunia dan akhirat. Al-Quran sebagai kalam Allah SWT tidak henti-hentinya dikaji manusia sepanjang sejarah sama ada orang yang mengimannya mahupun tidak, namun nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran tidak pernah kering justeru semakin dikaji semakin terbentang luas nilai-nilai yang belum dapat diselami.¹

Pengkajian yang terus menerus terhadap al-Quran diharapkan mendapatkan paradigma, arahan dan konsep baru terutama yang berhubung kait dengan metodologi. Usaha pentafsiran al-Quran sudah di mulai semenjak zaman Nabi Muhammad SAW dan beliau sebagai pentafsir pertama dan utama kemudian diteruskan oleh para sahabat dan para ulama yang datang setelah baginda sehingga kini. Al-Quran berlaku untuk semua tempat dan zaman dalam situasi dan kondisi apapun, itu bererti al-Quran mestilah di tafsirkan dan di fahami sesuai perkembangan zaman tetapi tidak memaksakan kehendak zaman terhadap al-Quran dan jika hal ini berlaku, maka lakin Allah akan datang menimpa manusia atau dapat dimaklumkan bahawa al-Quran mengikuti zaman dan zaman mengikuti al-Quran.

Pentafsiran al-Quran pada abad 20 sehingga kini mengalami pembaharuan yang laju bermula daripada pergerakan Muhammad ‘Abduh di Mesir sehingga Nusantara.

¹ Abdillah Mustari, *Metode Tafsir Kitab Al-Naḥl Al-Qawim*, Jurnal al-Risalah 11, no. 2, November, (Fakultas Shariah dan Hukum Universitas Islam Negeri Alauddin Makasar, 2011), 214.

Dalam hal ini Indonesia dan Nusantara adalah salah satu kawasan dunia Islam yang ikut mengalami perubahan dan perkembangan dalam bidang tafsir dengan banyak tahap yang dilalui sehingga kini timbul pelbagai macam corak dan kaedah dalam pentafsiran.

1.2. Tafsir di Indonesia

Kaum Muslimin berkeyakinan bahawa al-Quran adalah wahyu Allah SWT sebagai rahmat dan petunjuk bagi segenap umat yang berlaku sepanjang waktu dan di semua tempat. Al-Quran sebagai kitab suci tidak akan mengalami perubahan meskipun manusia terus bertambah dan masyarakat terus berkembang dengan pelbagai masalah yang dihadapi, namun al-Quran sebagai sumber hukum mengalami perkembangan dan pertumbuhan mengikuti perkembangan zaman selari dengan banyaknya permasalahan dalam kehidupan sosial masyarakat yang berlaku.

Dalam tradisi pemikiran Islam al-Quran telah melahirkan sederet teks yang demikian luas dan mengagumkan, teks-teks tersebut merupakan teks kedua manakala al-Quran dipandang sebagai teks pertama yang menjadi pengungkap dan penjelas makna-makna yang terkandung di dalamnya. Teks kedua ini kemudian dikenal dengan nama literatur tafsir al-Quran yang ditulis oleh para ulama dengan pelbagai kecenderungan dan ciri-ciri di dalam kitab-kitab tafsir.²

Tafsir sebagai usaha untuk memahami dan menerangkan maksud isi kandungan ayat-ayat al-Quran mengalami perkembangan yang bervariasi, salah satu daripada hal tersebut adalah corak pentafsiran al-Quran yang tidak dapat dielakkan. Dr. Muhammad Quraish Shihab mengatakan bahawa corak pentafsiran yang dikenal selama ini di antaranya corak sastera bahasa, corak filsafat dan teologi, corak tafsir ilmiah, corak fiqh atau hukum dan corak tasawwuf. Pada masa syaikh Muhammad ‘Abduh 1849-1905 corak-corak tersebut mulai berkembang dan menuju kepada corak sastera budaya

²Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia: dari Hermeneutika hingga idoologi*, (Jakarta: Teraju Februari 2003), 17.

kemasyarakatan iaitu suatu corak tafsiran yang menunjukkan dan menjelaskan petunjuk ayat-ayat al-Quran yang berhubung kait langsung dengan kehidupan masyarakat dan petunjuk-petunjuk tersebut dikemukakan dalam bahasa yang mudah difahami tapi indah didengar.³

Sejarah masuknya Islam ke Nusantara adalah hal terpenting dalam proses perkembangan tafsir di Nusantara dan Indonesia, dalam sejarah kedatangan peniaga muslim daripada ‘Arab, Gujarat dan Parsi yang merupakan proses awal masuknya Islam ke Indonesia dan memperkenalkan al-Quran sebagai kitab ajaran utama dalam kehidupan umat Islam.⁴

Islam masuk ke Indonesia tidak terlepas daripada sumbernya iaitu al-Quran di mana Islam disebarluaskan disitulah al-Quran diajarkan, kajian al-Quran di Indonesia telah di lihat sejak abad ke-17 selari dengan perkembangan Islam di Indonesia dan dibangun tempat-tempat di mana al-Quran diajarkan dan tempat untuk menyelenggarakan segala bentuk kegiatan yang berhubung kait dengan ajaran Islam seperti masjid, surau, madrasah dan tempat-tempat lainnya.

Pada peringkat awal pembelajaran al-Quran ketika itu adalah pelajar diajarkan dan diperkenalkan tentang huruf-huruf ‘Arab dan menghafal teks-teks atau surah pendek, dan juga peraturan tata tertib ṣolāt, wuḍū’ dan beberapa do’a. Pembelajaran al-Quran diberikan kepada semua peringkat mulai daripada anak-anak sehingga dewasa dan dilakukan sama ada bersama-sama mahupun individu. Pelajar juga diajarkan beberapa ilmu berkenaan dengan al-Quran seperti ilmu tajwīd, ‘aqīdah akhlāq, pengajian kitab dan pelbagai disiplin ilmu keislaman.

³M.Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, (Bandung: Mizan, 2007), 108

⁴Muhammad Arif Abdurrazaq, *Aliran Tafsir di Indonesia: Kajian Perbandingan di Antara al-Furqan fi Tafsir al-Quran Karya A.Hassan dan Al-Ibriz Lim’ārifat Tafsīr al-Quran al-Aziz Karya KH.Bisri Mustofa*, (disertasi, Universiti Malaya, 2010), 16

Pada abad ke-16 di Nusantara telah muncul proses penulisan tafsir yang dapat dilihat dari naskah tafsir surah al-Kahfi⁵ {18}; 9 teknik tafsir ini ditulis secara parsial⁶ berdasarkan surah tertentu iaitu surah al-Kahfi dan tidak tahu siapa penulisnya. Manuskrip ini dianggarkan dibuat pada masa awal pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636M)⁷ dimana mufti kesultannya adalah Shams al-Din al-Sumatrani atau bahkan sebelumnya Sultan ‘Alā’ al-Din Ri’āyat Syah Sayyid al-Mukammil (1537-1604M) di mana mufti sultan adalah Hamzah al-Fansuri.⁸ Hal ini menunjukkan bahawa kajian terhadap al-Quran sudah ada sejak Islam datang ke Indonesia melalui Aceh.

Sejarah tafsir juga ditunjukkan melalui gerakan pembaharuan Islam di Nusantara iaitu ulama abad ke-17 Hamzah al-Fansuri dan Shams al-Din al-Sumatrani mempunyai peranan penting dalam membentuk pemikiran dan amalan agama kaum muslimin Melayu-Indonesia pada separuh pertama abad ke-17 keduanya merupakan intelek muslim berpengaruh dalam pembaharuan Islam diabad ke-17.⁹ Setelah itu muncullah seorang ulama terkenal iaitu Abd al-Raūf al-Singkili 1615-1695 M beliau dikenal sebagai seorang ulama dan mufasir terawal yang menulis sebuah kitab tafsir lengkap 30 juzuk dengan bertajuk *al-Tarjumān al-Mustafīd* kemudian muncul seorang pemikir dan penulis yang produktif Islam berpengaruh seperti Nūr al-Din al-Raniry 1658 M.¹⁰

Ulama yang disebut di atas adalah para perintis gerakan pembaharuan Islam di Nusantara di antara dua dari tiga mata rantai utama di wilayah Melayu-Indonesia iaitu

⁵Manuskriptnya dibawa dari Aceh ke Belanda oleh seorang ahli bahasa Arab dari Belanda, Erpinus (w.1624) pada awal abad ke-17 dan sekarang menjadi koleksi Cambridge University dengan catalog MS Ii.6.45. Lihat Moch. Nur Ichwan, “Literatur Tafsir Quran Melayu-Jawi di Indonesia: Relasi Kuasa, Pergeseran dan Kematian” dalam Visi Islam, (Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman, Vol 1, No 1, Jan 2002), 15. Lihat Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 103

⁶Parsial bermaksud bahagian atau bahagian dari keseluruhan, lihat *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, cet ke-10, Balai Pustaka,1999, 731.

⁷Mengenai riwayat hidup Sultan Iskandar Muda, lihat Denys Lombard, *Kerajaan Aceh: Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, terj. Winarsih Arifin, (Jakarta: Balai Pustaka, 1986), 222-227

⁸Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 53

⁹Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, (Jakarta: Mizan, 1994), 166.

¹⁰Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 54

berawal daripada Nūr al-Din al-Raniry dan ‘Abd al-Raūf al-Singkili yang berkembang di Kesultanan Aceh, sementara perintis al-Maqasari dilahirkan di Sulawesi dan memulai kariernya di Banten Jawa Barat.¹¹

Pengajaran al-Quran di Indonesia tidak berhenti setakat abad ke-17 sahaja, namun terus maju dan berkembang mengikut pembaharuan. Tempoh pentafsiran dengan pelbagai corak bermula pada zaman Muhammad ‘Abduh 1849-1905, corak-corak tersebut mulai berkembang dan tertuju kepada sastera kemasyarakatan sehingga perkembangan sampai di Nusantara.¹² Kini dapat dijumpai pelbagai pentafsiran di Indonesia sama ada yang bersifat pengembangan daripada tafsir yang telah ada atau bersifat idea baru dalam pentafsiran. Selari dengan perkembangan zaman dan ilmu yang ada, maka masyarakat muslim dituntut untuk mempelajari dan mendalami al-Quran di pusat-pusat pendidikan seperti madrasah, pondok, surau, dayah dan lainnya.

Sistem Pendidikan Islam pertama di Indonesia dapat diketahui dari bagaimana cara al-Quran diperkenalkan sejak kecil iaitu melalui kegiatan pengajian yang dilaksanakan di surau dan masjid. Dalam pengajian ini pelajar diajarkan huruf-huruf ‘Arab dan menghafalkan al-Quran dan baca tulis seterusnya melanjutkan ke peringkat pengajian kitab dengan pelbagai disiplin ilmu keislaman. Dalam pengajian kitab ini al-Quran diperkenalkan dengan lebih mendalam melalui kajian kitab tafsir al-Quran.¹³ Kesimpulan dalam hal ini adalah bahawa umat Islam Indonesia mempunyai perhatian besar terhadap al-Quran daripada aspek pengajaran, membaca dan kajian mengenai isi kandungan al-Quran.

¹¹Ibid., 168

¹²Hujair AH Sanaky, *Metode Tafsir: Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin*, (Jurnal Al-Mawarid, Edisi ke-18, 2008), 264

¹³Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir*, 43.

Pada peringkat awal masyarakat muslim mengenal tafsir dengan mudah kerana bentuk tafsir yang ada pada saat itu masih bersifat umum sebagaimana zaman awal turunnya al-Quran. Pemahaman masyarakat terhadap tafsir dapat dijumpai dalam amalan kehidupan sehari-hari daripada teori, hal ini berlaku kerana ulama pada masa itu memperkenalkan al-Quran secara langsung dengan lisan kepada masyarakat yang secara bersepada digabungkan dengan bidang lain seperti feqah, teologi tasawwuf dan akhlāq, seperti lima ajaran yang diperkenalkan Sunan Ampel yang terkenal dengan molimo (tidak melakukan lima perkara yang dilarang); 1. emoh main (tidak main judi), 2. emoh ngombe (tidak minum minuman yang memabukkan), 3. emoh madat (tidak menghisap dadah), 4. emoh maling (tidak mencuri), 5. emoh madon (tidak berzina).¹⁴ Jika diperhatikan bentuk pentafsiran yang disampaikan adalah bersifat am yang tergabung dalam satu pakej yang meliputi bidang feqah, akhlāq dan tasawwuf.

Dalam sejarah tafsir di Indonesia munculnya karya tafsir dalam bentuk buku dan terjemahan selari dengan perjalanan masa, penulisan tafsir al-Quran di Indonesia dipelopori oleh ‘Abd al-Raūf al-Singkili yang telah menghasilkan karya al-Quran secara lengkap 30 juzuk dalam bahasa Melayu pada pertengahan abad 17 kemudian usaha penulisan dan penterjemahan tafsir diteruskan oleh mufasir Indonesia lainnya seperti A.Hassan Bandung dengan tafsirnya *al-Furqān* (1928), Iskandar Idris *Hirbina* (1934), Mahmud Yunus *Tafsir Quran Indonesia* (1935), Halim Hassan *Tafsir al Quranul Karim* (1955), Zainuddin Hamidi *Tafsir al-Quran* (1959), Kasim Bakry *Tafsir al-Quranul Hakim* (1960), Hamka *Tafsir al-Azhār* (1973). Tafsir *Marāh Labid Li Kashf Ma’ān al-Quran al-Majid* merupakan karya tafsir pertama ulama Nusantara ditulis dalam bahasa Arab secara sempurna oleh Muhammad bin ‘Umar atau lebih mashur dengan Nawāwi

¹⁴Nashruddin Baidan, *Sejarah Pentafsiran al-Quran di Indonesia*, (Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kepada Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta, 2000), 37. Lihat Baidhawi Shamsuri, *Kisah Walisongo*, (Surabaya Apollo, t,th),14-18.

al-Bantani¹⁵ Tafsir ini mendapat pengiktirafan dunia ‘Arab dan disambut baik reformis Mesir Jamāl al-Din al-Afghani dan Muhammad ‘Abduh.

Dari huraian di atas dapat diketahui bahawa sejak awal mula masuknya Islam ke Nusantara, bangsa Indonesia tidak pernah menolak kehadiran Islam bahkan tertarik dan ikut berusaha menyebarkannya. Hal ini ditunjukkan dengan memperkenalkan al-Quran sebagai kitab sucinya dan pengajian al-Quran meliputi pelbagai aspek sudah di mulai sejak dahulu, bermula dari membaca dan menulis sehingga ke peringkat pemahaman dan pentafsiran al-Quran. Hal ini merupakan sejarah awal mula pergerakan Islam dalam pentafsiran, pemahaman dan mendakwahkan kandungan al-Quran.

1.2.1. Perkembangan Tafsir di Indonesia

Membincangkan perihal perkembangan pentafsiran al-Quran di Indonesia adalah tidak sama dengan apa yang berlaku di dunia Arab atau Timur Tengah tempat turunnya al-Quran dan pertama kali ditafsirkan al-Quran.¹⁶ Perbezaan utama disebabkan oleh latar belakang masyarakat, budaya dan bahasa, maka diperlukan pentafsiran al-Quran kerana mengingat tidak semua umat Islam dapat memahaminya dengan mudah.¹⁷ Proses penterjemahan dari bahasa ‘Arab ke dalam bahasa Indonesia adalah salah satu contoh agar nilai dan isi kandungan al-Quran dapat difahami oleh masyarakat dan bersesuaian dengan budaya bangsa Indonesia.

Penulisan tafsir al-Quran 30 juzuk di Indonesia merupakan suatu hal yang jarang ditemukan meskipun ada, namun ia ditulis oleh seorang yang sudah memiliki keilmuan yang matang dan termasuk orang-orang tertentu sahaja. Kenyataan ini diperolehi dari tingkat pertumbuhan karya baru dalam bidang ini sehingga akhir abad ke-20 masih

¹⁵Ibid., 101.

¹⁶Sulaiman Ibrahim, *Lokalitas Tafsir Bahasa Bugis: Telaah Atas Metodologi Tafsir Anre Gurutta Daud Ismail*, Annual Conference on Islamic Studies (ACIS) ke-10, (Banjarmasin 1-4 November, 2010), 237

¹⁷Nashruddin Baidan, *Sejarah Pentafsiran al-Quran di Indonesia*, (Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kepada Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta), 34

sangat sedikit dibandingkan dengan bidang lain seperti feqah, tawhid dan tasawwuf.¹⁸

Pentafsiran terhadap al-Quran merupakan suatu usaha dalam memahami makna al-Quran sama ada dalam bahasa tempatan ataupun tidak, keperluan terhadap tafsir menjadi lebih penting jika disedari bahawa manfaat petunjuk-petunjuk Ilahi tidak hanya terbatas di akhirat sahaja tetapi menjamin kebahagian manusia di dunia ini.¹⁹

Keperluan pentafsiran terhadap al-Quran terasa sangat mendesak hal ini mengingat sifat redaksi ayat-ayat yang beragam iaitu ada yang jelas dan terperinci, namun ada yang samar dan global bahkan ayat-ayat yang jelas sekalipun masih perlu pentafsiran.

Usaha untuk mendapatkan hasil kajian al-Quran yang lebih terperinci dan jelas sudah di mulai sejak dahulu, namun pengajaran al-Quran ketika itu belum tertulis dan belum berbentuk sebuah karya tulis, namun masih terkumpul dan bercampur dengan ilmu pengetahuan Islam seperti tawhid, feqah, tasawwuf dan lainnya. Usaha dalam kajian pentafsiran al-Quran di Nusantara dan Indonesia bermula sejak abad ke-16 dengan ditemukan naskah tafsir surat al-Kahfi {18}; 9,²⁰ namun penulisnya tidak diketahui satu abad berikutnya muncul karya tafsir yang ditulis oleh ‘Abd al-Raūf al-Singkili bertajuk *al-Tarjumān al-Mustafid* beliau dikenal sebagai mufasir Indonesia terawal yang menulis karya tafsir lengkap 30 juzuk. Karya ini pertama terbit di Istanbul

¹⁸Kenyataan ini didapati dari munculnya tafsir 30 juzuk yang ditulis secara beruntut mengikut surah dalam al-Qur'an dalam bahasa Indonesia karya Mahmud Yunus dan mulai menulis tafsir pada tahun 1922 selesai penulisan tahun 1938, kemudian Ahmad Hasan dengan karyanya *al-Furqan Tafsir al-Quran*, tahun 1956, Hamka *Tafsir al-Azhar*, tahun 1967, TM. Hasbi Ash-Shiddieqy menulis *Tafsir al-Quran al-Majid al-Nur* dan *Tafsir al-Quran al-Karim al-Bayān*, yang dicetak pertama kali tahun 1971, disebabkan ketidak puasan hati terhadap tafsir pertama beliau menulis tafsir kedua di bawah Departemen Agama Republik Indonesia, melalui dewan terjemah yang berada di bawah kawalan Yayasan Penafsiran al-Quran, bertajuk *al-Quran dan Tafsirnya* yang terbit pertama kali pada tahun 1995, diterbitkan oleh badan waqaf UII Yogyakarta, dan seterusnya *tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian* yang ditulis oleh Quraish Shihab tahun 1999. Seterusnya rujuk Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia: Keragaman Teknik Penulisan Tafsir di Indonesia*, 58-61

¹⁹M.Quraish Shihab, *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, 22.

²⁰Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 53

pada tahun 1302 H/ 1884 M.²¹ Kenyataan bahawa *al-Tarjumān al-Mustafid* diterbitkan di Timur Tengah pada masa yang berbeza menunjukkan bahawa karya tersebut mempunyai ketinggian intelektual pengarang dan penyelesaian tafsir ini diperkirakan ditulis semasa kariernya di Aceh.

Pada abad ke-19 muncul karya *Farā'id al-Quran*, tafsir ini menggunakan bahasa Melayu-Jawi, namun penulisnya juga tidak diketahui. Kitab tafsir ini ditulis dalam bentuk yang sangat sederhana dan terlihat lebih sebagai artikel tafsir kerana hanya terdiri daripada dua muka surah dengan huruf kecil dan ruang rangkap.²² Objek pentafsiran naskah ini adalah surah al-Nisā' ayat 11 dan 12 yang membincangkan tentang harta warisan, keterangan yang diberikan sangat sederhana, namun lebih dari sekadar terjemahan.

Pada abad ini juga muncul kitab tafsir lengkap bertajuk tafsir *Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl* yang ditulis oleh seorang ulama Indonesia bernama Imam Muhammad Nawāwi al-Bantani (1813-1879) meskipun karya ini ditulis oleh orang Indonesia namun ditulis dengan menggunakan bahasa 'Arab. Penulisan tafsir ini dilakukan di Mekkah dan selesai pada hari Rabu, 5 Rabiūl Akhir 1305 H. Berdasarkan fakta bahawa perkembangan pentafsiran al-Quran di Indonesia sampai abad ke-19 M masih belum menggembirakan atau dapat disebut bahawa pentafsiran pada tempoh ini masih belum dapat dipercayai untuk membimbing umat kearah suatu pentafsiran ayat-ayat al-Quran secara menyeluruh.²³

Pada abad ke-20 perkembangan tafsir yang muncul pertama kali bertajuk tafsir *al-Quran Karim Bahasa Indonesia* karya Mahmud Yunus.²⁴ Dalam kata pengantar

²¹Salman Harun, *Mutiara al-Qur'an*, (Jakarta:Logos, 1999), 198

²²Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 55

²³Nashruddin Baidan, *Sejarah Pentafsiran al-Quran di Indonesia*, (Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kepada Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta), 78

²⁴Mahmud Yunus, *Tafsir Qur'an Karim*, (Jakarta: Pustaka Muhammadiyah,1957), iii

dijelaskan bahawa beliau mulai menulis pada tahun 1922 dan cara penulisannya adalah beransur-ansur juzuk demi juzuk sehingga juzuk ke tiga²⁵ kemudian pada juzuk ke empat dilanjutkan oleh H.Ilyas Muhammad Ali di atas seliaan Mahmud Yunus, seterusnya tahun 1935 penulisan dilanjutkan oleh H.M Kasim Bakry sehingga juzuk ke lapan belas dan bakinya diteruskan oleh Mahmud Yunus dan ia selesaikan pada 1938.

Pada abad ini juga muncul karya seperti A.Hassan bertajuk *al-Furqān Tafsir Quran* dan karya Iskandar Idris dalam bahasa Sunda bertajuk *Hirbina*, muncul sebuah kesusasteraan tafsir karya Mahmud Aziz bertajuk *Tafsir al-Quran Bahasa Indonesia*, jika dilihat tafsir karya Mahmud Aziz hampir serupa dengan tafsir karya Mahmud Yunus bertajuk *Tafsir al-Quran Karim bahasa Indonesia* yang ditulis tahun 1922.²⁶

Pada tahun 1952, terbit karya seorang ahli feqah dan tafsir bernama T.M.Hasbi Ash-Shiddieqy bertajuk *Tafsir al-Quran al-Nūr* yang dicetak pertama kali pada tahun 1956, kemudian pada tahun 1960 terbit sebuah tafsir bertajuk *Tafsir al-Ibriz*, karya Mustafa Bisri dari Rembang Jawa Tengah.²⁷

Pada tahun 1980-an terdapat beberapa tafsir yang berkembang namun tidaklah dalam bentuk 30 juzuk tetapi ditulis dalam bentuk surat-surat tertentu, salah satu di antaranya adalah *Tafsir Ummul Quran* karya M.Abdul Malik Hakim Surabaya; al-Ikhlas 1981,²⁸ jika diambil perhatian perkembangan tafsir pada masa ini mengalami perkembangan yang laju dibandingkan sebelumnya.

Perkembangan tafsir pada abad ke-20 ini terjadi setelah memasuki separuh kedua abad iaitu antara tahun 1990-an, di mana kesusasteraan yang terbit tidak hanya kesusasteraan bentuk surah-surah tertentu sahaja, namun juga kesusasteraan dengan 30

²⁵ Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 58

²⁶ Mahmud Yunus, *Tafsir al-Qur'an Karim*, iii.

²⁷ Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 62

²⁸ *Ibid.*, 68

juzuk salah satu di antaranya karya Harifuddin Cawidu, buku ini berasal dari disertasi Cawidu di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta yang diuji pada tanggal 27 Maret 1989, dipromotori oleh M.Quraish Shihab dan Nurchalis Majid, topik utama dipilih adalah masalah kūfr.²⁹

Pada tahun yang sama Dr. Muhammad Quraish Shihab meluncurkan *Tafsir al-Amānah*, sebuah karya tafsir yang bermula daripada tulisan pada sebuah majalah Amanah. Selain itu terbit juga buku beliau bertajuk *Wawasan al-Quran; Tafsir Mawdū'i Pelbagai Persoalan Umat*³⁰ dan salah satu tafsir yang dikenal sekarang karya M.Quraish Shihab adalah *Tafsir al-Misbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran* yang terdiri dari 15 volume yang terbit pada tahun 1999.

Selari berjalannya masa dan waktu tafsir di Indonesia terus berkembang dan memiliki banyak corak bersesuaian dengan persoalan masyarakat yang ada sehingga banyak melahirkan kitab tafsir yang bersifat kontemporer dan moden, Quraish Shihab adalah salah satu mufasir moden di Indonesia dan banyak mentafsirkan al-Quran selaras dengan perkembangan zaman moden.

Perlu diketahui bahawa kitab *tafsīr al-Jalālayn* merupakan salah satu kitab tafsir yang popular di Nusantara pada masa awal perkembangan tafsir dan disebabkan inilah oleh Abd al-Raūf al-Singkili tertarik untuk menulis tafsir dalam bahasa Melayu bertajuk *al-Tarjumān al-Mustafīd* yang ikut memberikan sumbangan terhadap perkembangan tafsir di Indonesia dan Nusantara.³¹

²⁹*Ibid.*, 69

³⁰M.Quraish Shihab, *Wawasan al-Quran: Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat*, (Mizan Pustaka, 2007), 86

³¹Salman Harun, *Mutiara al-Quran*, 199.

1.3. Pengajian Tafsir di Dayah di Indonesia

Pendidikan Islam di Indonesia telah berlangsung lama sejak Islam pertama kali masuk ke Indonesia pada abad pertama Hijriah atau sekitar abad ke-7 hingga abad ke-8 Masihi. Kawasan pertama yang didatangi oleh Islam iaitu pesisir pantai pulau Sumatera dengan berdirinya kerajaan Islam pertama di Aceh.³² Pada peringkat awal pendidikan Islam ditandai dengan adanya hubung kait antara mubaligh sebagai pendakwah dengan masyarakat sekitar kemudian berkembang dan terbentuklah masyarakat muslim. Setelah terbentuknya masyarakat muslim bermulalah rumah ibadah (Masjid) dijadikan sebagai pusat pengembangan pendidikan Islam. Dalam tahap perkembangan berikutnya muncullah institusi dan lembaga pendidikan di luar daripada Masjid, lembaga ini di Jawa disebut pesantren, di Sumatera Barat disebut surau dan di Aceh disebut rangkang atau dayah.³³

Lembaga pendidikan Islam seperti dayah menjadi sarana dalam pengkajian dan pembelajaran ilmu-ilmu agama dan kitab-kitab sama ada kajian tafsīr, ḥadīth, tawḥīd dan tasawwuf, pertumbuhan dan perkembangan lembaga pendidikan Islam terus mengalami perubahan dari semasa ke semasa mengikuti perkembangan zaman.³⁴

Pendidikan Islam di pesantren di Indonesia mengalami pertumbuhan dan peningkatan dari pelbagai aspek di antaranya perhatian besar terhadap mata pelajaran tafsīr, ḥadīth dan uṣḥ al-fiqh.³⁵ Datangnya para wali yang sering disebut walisongo menjadikan penduduk Jawa banyak memeluk Islam hal ini disebabkan cara dakwah walisongo yang mudah difahami dalam pentafsiran al-Quran.³⁶

³²Ali Hasjmy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, (Bandung: al-Maa’rif, 1969), 6

³³Haidar Putra Daulay, *Historisitas dan Eksistensi Pesantren, Sekolah, Madrasah*, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2001), 2

³⁴Ibid., 3

³⁵Martin van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat*, Edisi Revisi (Yogyakarta: Gading Publishing, 2012), 86

³⁶Nashruddin Baidan, *Sejarah Pentafsiran al-Quran di Indonesia*, (Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kepada Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta), 39

Pesantren di Jawa pertama kali berdiri pada masa Walisongo iaitu Syaikh Malik Ibrahim atau dikenal dengan Syaikh Maghribi dianggap sebagai pengasas pesantren pertama di Jawa.³⁷ Dari para wali ini lahirlah tempat-tempat pengajian al-Quran disebut *pesantren* untuk wilayah Jawa Sunda dan Madura, *dayah* atau *rangkang* di Aceh, *surau* di Minangkabau Sumatra Barat, salah satunya seperti yang dilakukan oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel dengan mendirikan Pesantren Ampel, di mana pada masa itu pesantren merupakan salah satu pusat penyebaran dan markaz ajaran agama Islam.³⁸

Dengan demikian, maka perbincangan mengenai lembaga Pendidikan Islam seperti pesantren tidak dapat dilepaskan daripada pandangan Islam atau konsep Islam tentang pendidikan. Pendidikan Islam adalah pengaruh daripada pelbagai kebudayaan atau peradaban yang pernah ada dalam sejarah.³⁹ Pendidikan dalam Islam adalah berfungsi bagi mencapai keluhuran akhlāq dan budi pekerti sedangkan lembaga pendidikan adalah aspek material atau fizikal untuk menjalankan fungsi tersebut.

Pesantren sebagai lembaga pendidikan memiliki ciri khas yang membezakan dengan institusi lainnya, nilai-nilai yang membingkai kehidupan sosial antara kiai,⁴⁰ ustaz dan pelajar adalah ciri khas perbezaan yang dimaksudkan. Pada realiti sejarah, pesantren telah menunjukkan diri sebagai bahagian penting dari bangsa Indonesia.⁴¹ Kemerdekaan Republik Indonesia pada tahun 1945 tidak terlepas daripada sumbangan dan peranan pesantren dalam menanamkan nilai-nilai agama dan kehidupan. Pesantren

³⁷Kafrawi, *Pembaharuan Sistem Pondok Pesantren Sebagai Usaha Peningkatan Prestasi Kerja dan Pembinaan Kesatuan Bangsa*, (Jakarta: Cemara Indah), 1978, 17

³⁸Martin Van Bruinessen, *Pesantren dan Kitab Kuning: Pemeliharaan dan Kesinambungan Tradisi Pesantren*,(Jurnal Ulumul Quran, vol 3, no 4, 1992), 73

³⁹Muzakkir, *Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Lahirnya Madrasah Sebagai Lembaga pendidikan Forma* , (Jurnal Lentera Pendidikan, vol 13, no 2, Disember 2010), 166

⁴⁰Menurut asal mulanya, perkataan *kiai* dalam bahasa Jawa dipakai untuk tiga gelar jenis yang berbeza, antaranya a. sebagai gelar kehormatan kepada benda-benda yang dianggap keramat, seperti *kiai garuda kencana* dipakai sebutan Kereta Emas yang ada di Keraton Yogyakarta, b. gelar kehormatan yang diberikan kepada orang-orang tua pada umumnya, c. gelar yang diberikan kepada seorang yang ahli dalam agama Islam yang memiliki pesantren dan mengajarkan kitab-kitab Islam klasik kepada santrinya. Zamarkhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, (Jakarta: LP3ES, 1984), 55

⁴¹Achmad Faesol, *Kyai Otoritas Keilmuan dan Perkembangan Tradisi Ilmu Pesantren*, (Jurnal Universitas Muhammadiyah Malang, Vol 15, no 1, Juni 2012), 109

menjadi suatu tempat untuk mengajarkan nilai-nilai ibadah berdasarkan al-Quran dan al-Hadith, falsafah pendidikan pesantren juga berdasarkan hubungan yang bermakna antara manusia, ciptaan dan Allah SWT.⁴²

Pesantren menjadi salah satu tempat al-Quran diajarkan, pada masa itu tempat-tempat pengajian lain disebut dengan istilah nggon ngaji berarti tempat di mana orang mempelajari al-Quran, jenjang yang diajarkan pun berbeza-beza sesuai peringkat. Secara tradisional tempat pembelajaran al-Quran ini merupakan bahagian pesantren, bahkan kini pesantren tidak hanya setakat mengajar tentang al-Quran tetapi juga ilmu yang menyokong dalam ajaran Islam seperti tawhid, ḥadīth, feqah, tafsīr dan lain-lain. Untuk bidang tafsir di mulai dari *tafsīr Jalālayn*, *tafsīr Ibn Kathīr* hingga *tafsīr al-Ibriz* karya Mustafa Bisri.⁴³

Mata pelajaran sebahagian besar pesantren menurut M.Habib Chirzin terbatas kepada pemberian ilmu secara langsung dengan membahas masalah ‘aqīdah, shariah dan bahasa ‘Arab, di antaranya: al-Quran dengan tajwīd dan tafsir; ‘aqā’id dan ilmu kalām; feqah dengan uṣḥ feqah; ḥadīth dengan muṣṭalah ḥadīth; bahasa ‘Arab dengan ilmu alatnya seperti nahwu, sharaf, bayān, ma’āni, badi’ dan tārīkh; mantiq, tasawwuf.⁴⁴

Pesantren merupakan sistem pendidikan tertua di Indonesia yang memiliki latar sejarah yang panjang dan berdirinya pesantren tidak lepas dari bagaimana Islam masuk dan berkembang di Nusantara. Sebelum era kemerdekaan pesantren masih berada dalam wilayah pinggiran, namun setelah kemerdekaan pendidikan pesantren terus meningkat salah satunya adalah perkembangan pelbagai corak seperti hal sistem dan institusi yang telah dimodernkan dan diubahsuai dengan tuntutan pembangunan dan zaman.

⁴²M.Dian Nafi et al, *Praksis Pembelajaran al-Quran*, (Yogyakarta: Institute for Training and Development, 2007), 9

⁴³*Ibid.*, 35

⁴⁴Imam Masyhuri, *Perkembangan Pelaksanaan pendidikan Agama Islam di Pesantren Khozinatul ulum Blora*, (Skripsi Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang, 2011), 18.

Munculnya pesantren-pesantren di Pulau Jawa telah menandakan bahwa pengajaran terhadap al-Quran telah mendapat tempat yang strategik, banyak pesantren yang memperkenalkan al-Quran daripada cara membaca, menghafal dan sebagainya, di antaranya adalah Pesantren Krupyak Ali Ma'sum⁴⁵ Yogyakarta saat ini mashūr dengan ciri khas menghafal al-Quran, di Jawa Timur lahir pesantren Tebu Ireng Jombang,⁴⁶ Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo⁴⁷ dan lainnya. Kitab yang menjadi rujukan pada tahap awal pada umumnya adalah *Tafsīr al-Jalālyn* dalam pengajian al-Quran bidang Tafsir.⁴⁸

Huraian di atas menunjukkan bahawa perkembangan pengajian al-Quran termasuk tafsir di dayah di Indonesia terus mengalami perubahan dan kemajuan dari pelbagai aspek, bermula dari rujukan sehingga corak tafsir. Salah satunya adalah *tafsīr al-Ibriz* karya Mustafa Bisri yang merupakan seorang alumni daripada pesantren bahkan secara tidak langsung al-Quran menjadi suatu keperluan dan bahagian penting dalam kehidupan masyarakat Indonesia yang tidak dapat ditinggalkan hal ini menunjukkan perkembangan pengajian tafsir perlu disyukuri supaya terus berjaya.

1.3.1. Metode Pengajian Tafsir di Dayah di Indonesia

Fungsi al-Quran sangat penting bagi manusia menuju jalan yang benar dan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat, al-Quran memerlukan pemahaman yang benar

⁴⁵Tahun 1909 Masehi, K.H. M.Munawwir merintis berdirinya Pondok Pesantren yang kemudian dikenal dengan pondok pesantren Krupyak Yogyakarta. Tahap awal berupa rumah kediaman dan langgar yang bersambung dengan kamar santri, serta sebagian komplek pesantren, kemudian pada tahun 1910 pesantren ini mulai ditempati oleh santri yang hendak menghafal al-Quran dan beliau sebagai pengasuhnya. Ahmad Fathoni, *Sejarah dan Perkembangan Pengajaran Tahfid Qur'an di Indonesia*, laman sesawang Kurnia Blogspot, dicapai 12 September 2013, <http://karunia-nya.blogspot.com/2010/05/sejarah-perkembangan-pengajaran-tahfidz.html>,

⁴⁶Pesantren Tebu Ireng berdiri pada tahun 1899, pendirinya adalah Hadratus-Syekh seorang yang tinggi pengetahuan Islamnya dan memiliki kecakapan organisasi dan manajemen yang cukup. Pesantren ini terletak di Desa Cukir 8 kilometer dari kota Jombang. Zamaksyari Dhofier, *Tradisi Pesantren: Studi Pandangan Hidup Kyai dan Visinya mengenai Masa Depan Indonesia*, Edisi Revisi cet ke-8, (Jakarta: LP3ES, 2011), 171-174

⁴⁷Gontor berdiri pada tanggal 20 september 1926 / 12 rabiul awwal 1345, didalam peringatan maulid Nabi, dihadapan masyarakat, dideklarasikan. Rujuk, Nurhadi Ihsan & Akrimul Hakim, *Profil Pondok Modern Darussalam Gontor*, Juni 2004, 3

⁴⁸Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia:dari Hermeneutika hingga idoologi*, 46

kerana pemahaman dan pentafsiran terhadap al-Quran tidak mudah. Bagi mendapatkan pentafsiran yang benar tidak cukup dengan menguasai bahasa ‘Arab dengan baik tetapi juga pengetahuan tentang kaedah-kaedah yang berhubung kait dengan ilmu tafsir seperti asbāb al-Nuzul, nāsikh wa mansūkh, qirāat, muhkamāt, mutashabihāt, ‘ām, khāṣ, makkīyat dan madaniyat.⁴⁹

Pada masa awal kemunculan Islam belum ada kajian khusus tentang kaedah pentafsiran al-Quran, hal ini tidak diperlukan kerana para sahabat dan tabi’ al-Tabi’īn menguasai ilmu yang diperlukan dalam pentafsiran al-Quran bukan berarti para sahabat mentafsirkan al-Quran ketika itu tanpa kaedah, namun sebaliknya dijadikan sebagai rujukan dan dikembangkan oleh ulama seterusnya.

Ibn ‘Abbās mengatakan “*Ada Tafsir yang dapat diketahui dengan bahasa Arab, ada pula yang dapat diketahui oleh ulama seperti menjelaskan pengertian yang global, menghaskan pengertian yang am dan lain-lain dan ada tafsir yang hanya diketahui oleh Allah Swt sahaja.*⁵⁰ Penyataan Ibn ‘Abbās dapat dijadikan rujukan bahawa kaedah pentafsiran pada masa itu sudah ada. Selain itu Abu bakar pernah berkata ketika ditanya tentang tafsiran satu huruf dari al-Quran sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Mulaykat:

٥١ أَيُّ سَمَاءٌ شَفِيلٌ وَأَيُّ أَرْضٍ ثَقِيلٌ وَأَيْنَ أَدْهَبَ وَكَيْفَ أَصْنَعُ إِذَا قُلْتُ فِي حُرْفٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ بِغَيْرِ مَا أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى

“*Langit mana yang menaungiku, bumi mana yang menahan diriku, kemana aku akan pergi dan bagaimana aku harus berbuat jika yang aku katakan tentang satu huruf dari kitab Allah Swt tidak bersesuaian dengan apa yang Allah Swt maksudkan?*⁵²

⁴⁹Nashiruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Quran: Kajian Kritis terhadap Ayat-ayat yang beredaksi Mirip*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 4

⁵⁰ Muhammad Husayn al-Dhahabi, *al-Ittijahāt al-Munharifāt fī al-Tafsīr al-Qurān*, cet ke-2, (Kūwait: Dār al-I’tisām, 1978), 11

⁵¹ Hasan al-Bannā, *Muqaddimāt fī ‘Ilm al-Tafsīr*, (Kūwait: Maktab al-Manār, t.t), 9-10. Lihat: Nashiruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Quran: Kajian Kritis terhadap Ayat-ayat yang beredaksi Mirip*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002), 27

⁵²*Ibid.*,7

Sikap yang sama juga ditunjukkan oleh Mujahid dia berkata: “*Tidak halal bagi orang yang mengatakan dia beriman kepada Allah Swt dan Hari Akhirat, bahawa ia berkata tentang sesuatu dari Kitab Allah Swt tanpa mengerti akan bahasa al-Quran sebab sering dijumpai satu kata mempunyai banyak maksud. Lalu sebab pengetahuan yang lemah dan sedikit tentang itu, maka makna yang lain terabaikan*”.⁵³

Dari ucapan Abū bakar, Mujāhid dan Ibn ‘Abbās dapat disimpulkan bahawa kaedah tafsir telah lahir selari dengan lahirnya tafsir.

Sepanjang sejarah tafsir al-Quran ada empat kaedah yang dikembangkan para ulama tafsir iaitu kaedah global (al-Manhaj al-Ijmālī), kaedah analisis (al-Manhaj al-Taḥlīlī), kaedah komperatif (al-Manhaj al-Muqārin) dan kaedah mawdū’i (al-Manhaj al-Mawdū’i).⁵⁴ Dari perkembangan tafsir dapat ketahui bahawa kaedah global (Manhaj Ijmālī) adalah kaedah tafsir pertama yang lahir dalam bentuk al-Ma’thūr kemudian baru diikuti oleh bentuk al-Ra’y seperti dalam *tafsīr al-Jalālayn*.⁵⁵

Huraian di atas menunjukkan bahawa pengembangan kaedah pentafsiran al-Quran dan munculnya corak pentafsiran masa moden bermula dari pembaharuan Syaikh Muhammad ‘Abduh. Corak tersebut banyak tertuju kepada sastera budaya dan kemasyarakatan iaitu suatu corak tafsir yang menghuraikan petunjuk ayat al-Quran yang berhubung kait langsung dengan kehidupan masyarakat dengan mengungkapkan petunjuk dengan bahasa mudah di fahami dan bagus.⁵⁶

Kaedah di atas pada akhirnya mewarnai banyak karya para ulama dan ahli tafsir Indonesia dan Nusantara seperti ‘Abd al-Raūf al-Singkili, Mahmud Yunus, T.M.Hasbi

⁵³Ahmad Khalīl, *Dirāsāh fī al-Quran*, (Mesir: Dār al-Ma’rifat, 1972), 137, Nashiruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Quran: Kajian Kritis terhadap Ayat-ayat yang beredaksi Mirip*, 27

⁵⁴‘Abd al-Hayy al-Farmawi, *al-Bidāyah fī al-Tafsir al-Mawdū’i*”, cet ke-2, (Mesir: Mathba’at al-Haqārat al-Arabiyyah, 1977), 23.

⁵⁵Nashiruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Quran: Kajian Kritis terhadap Ayat-ayat yang beredaksi Mirip*, 57

⁵⁶M.Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, 108

Ash-Shiddiqie, Muhammad Quraish Shihab dan lainnya dalam penulisan tafsir al-Quran kemudian karya-karya tersebut digunakan dalam lembaga pendidikan Islam di Nusantara seperti pesantren, dayah dan perguruan tinggi.

Kitab-kitab tafsir yang dijadikan sebagai rujukan tidak hanya terhad kepada tiga tafsir iaitu *tafsir Jalālayn*, *tafsir Baiḍāwī* dan *tafsir al-Manār* tetapi telah meluas kepada kesusteraan tafsir secara luas seperti *tafsir Ayāt al-Aḥkām*, *tafsir al-Kashāf*, *tafsir al-Azhar*, *tafsir al-Nūr* dan lain-lain.⁵⁷ Merujuk kepada kitab tafsir yang diguna pakai, maka kaedah pengajian tafsir di pesantren pada peringkat awal banyak menggunakan kaedah al-Ra'y bersesuaian dengan kitab *tafsir jalālayn* sebagai rujukan.

Kaedah pembelajaran dalam pendidikan Islam yang diguna pakai secara am cukup banyak, tafsir al-Quran sebagai salah satu mata pelajaran dalam pendidikan Islam memerlukan kaedah yang tepat dalam pelaksanaannya. Pesantren sebagai lembaga pendidikan Islam tertua di Indonesia menerapkan dua kaedah pembelajaran tafsir al-Quran iaitu pertama kaedah *Sorogan* adalah seorang pelajar mendatangi seorang guru yang membacakan beberapa baris Quran atau kitab-kitab Arab dan menterjemahkannya ke dalam bahasa tertentu dan pelajar mengulangi dan menterjemahkan kata demi kata seperti yang dilakukan oleh gurunya.⁵⁸

Kedua kaedah *Wetonan* atau *Bandongan* iaitu sekelompok pelajar lima sehingga lima ratus orang mendengar seorang guru membaca, menterjemahkan, menerangkan, bahkan mengulas buku-buku Islam bahasa ‘Arab. Setiap pelajar memberi perhatian ke atas bukunya dan membuat catatan sendiri sama ada maksud atau keterangan tentang kata-kata yang sulit dan kelompok kelas sistem bandongan ini disebut halaqah.⁵⁹

⁵⁷Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia: dari Hermeneutika hingga ideologi*, 47

⁵⁸Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, 53

⁵⁹*Ibid.*,54

Selain dua kaedah di atas, kini ada beberapa kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan pembelajaran tafsir yang banyak diguna pakai di pesantren di antaranya kaedah *ceramah* iaitu cara penyampaian mata pelajaran kepada pelajar dengan menerangkan dan menjelaskan secara lisan,⁶⁰ kaedah *tanya jawab* iaitu cara penyampaian dengan memberikan pertanyaan kepada pelajar dan guru menjawab atau sebaliknya dan kaedah *perbincangan* iaitu cara penyampaian mata pelajaran dengan menbincangkannya.⁶¹ Selari dengan perkembangan tafsir, maka kaedah yang kini diguna pakai di pesantren terus dikembangkan dan diubahsuai supaya mudah di fahami dan di pelajari sehingga tercapai matlamat dari pembelajaran tafsir al-Quran bagi pelajar.

1.4. Pengajian Tafsir di Dayah di Sumatra

Membincangkan pendidikan Islam di Sumatra tidak lepas daripada sejarah masuk dan berkembangannya Islam di Indonesia, masuknya Islam ke Indonesia berbeza dengan masuknya Islam ke negara lain seperti Mesir, Afrika Utara hingga Andalusia, salah satunya adalah Islam masuk ke Indonesia dengan damai. Hal lain menunjukkan bahawa masuknya Islam ke daerah-daerah di Indonesia tidak sama di mana ada beberapa daerah yang sejak awal telah Islam dan sebahagian lainnya belum Islam.

Sejarawan Islam telah bersepakat bahawa Islam masuk pertama kali ke Indonesia adalah di Sumatra.⁶² Masuknya Islam ke Pulau Sumatra seperti Sumatra Barat, Jambi, Riau, Sumatra Selatan, Lampung, Sumatra Utara dan Aceh mempunyai perbezaan masa dan waktu satu dengan yang lain. Kawasan Sumatra mempunyai sejarah panjang penyebaran, pertumbuhan dan perkembangan pendidikan Islam di Indonesia, di mana Pendidikan Islam terawal dijalankan di surau, masjid dan rumah seterusnya berkembang dalam bentuk pesantren dan madrasah.

⁶⁰ Basyiruddin Usman, *Metodologi Pembelajaran Agama Islam*, (Jakarta, Ciputat Press, 2005), 34

⁶¹ Armai Arief, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*, (Jakarta, Ciputat Press, 2002), 145

⁶² Haidar Putra Daulay *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Kencana Prenada Media Group, 2007), 13.

Pengajian tafsir di Minangkabau (Sumatra Barat), menurut sebahagian ahli sejarah berpendapat bahawa kerajaan Islam berdiri di Minangkabau pada tahun 1650 M, namun hal ini menunjukkan bahawa Islam masuk jauh pada masa sebelum berdirinya kerajaan Islam di Minangkabau. Penduduk Minang mempunyai tradisi merantau, salah satu tujuan ketika itu adalah Melaka iaitu kawasan yang maju pesat pada abad 15 seterusnya mereka memeluk Islam dan kembali ke Minangkabau untuk menyebarkan agama Islam. Selain itu orang Minang di pesisir barat banyak merantau ke Sumatra Utara hingga ke Aceh kemudian kembali dan mengajarkan Islam.⁶³

Pada awal masuknya Islam banyak pemangku adat tempatan tidak setuju dengan Islam, namun berkat usaha yang dijalankan menyebabkan banyak orang Minang masuk agama Islam. Di antara ulama yang mashūr di Minangkabau adalah Syaikh Burhanuddin yang merupakan salah satu murid daripada ‘Abd al-Raūf al-Singkili beliau mendirikan surau di Ulakan Pariaman.⁶⁴ Burhanuddin Ulakan dan Tuanku Imam Bonjol adalah bukti dari kuatnya Islam di Minangkabau, namun masuknya Belanda dan terjadinya perang padri pada 1837 M mempengaruhi pendidikan Islam yang telah ada sebelumnya.⁶⁵

Pengajian al-Quran adalah pendidikan Islam pertama yang diajarkan di Sumatra Barat, setiap kawasan penduduk mendirikan surau dan di sana budak berumur tujuh tahun diajarkan al-Quran dengan menggunakan kaedah baghdadi. Disamping itu mata pelajaran yang diajarkan dalam pengajian al-Quran di antaranya membaca, ibadah, keimānan dan akhlāq. Pengajian al-Quran terbahagi kepada dua iaitu pertama, tingkatan rendah untuk anak-anak yang belajar membaca al-Quran, kedua, tingkatan

⁶³Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Mutiara, 1979), 18

⁶⁴Haidar Putra Daulay, *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Kencana Prenada Media Group, 2007), 28. *Ibid.*, 19

⁶⁵Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Mutiara, 1979), 28.

atas dengan mata pelajaran pokok al-Quran kemudian ditambahkan dengan mata pelajaran taranum al-Quran, qasidah, tajwid dan mengaji kitab.⁶⁶

Dapat disimpulkan bahawa pendidikan Islam di Minangkabau sebelum tahun 1900 adalah sebagai berikut, tahap pertama adalah pengajian al-Quran yang tempoh belajarnya tidak ditentukan sama ada dua, tiga atau empat tahun dengan pengajaran secara seorang-seorang. Tahap kedua adalah pengajian kitab yang tempoh belajar tidak ditentukan sama ada sepuluh tahun sehingga lima belas tahun, untuk ilmu yang diajarkan adalah ‘ilmu şaraf, ‘ilmu naḥwu, ‘ilmu fiqh dan ilmu tafsīr⁶⁷ hal ini disebut dengan sistem lama.

Perubahan sistem terjadi pada tahun 1900-1908 di antaranya adalah pelajaran ‘ilmu şaraf, naḥwu, fiqh dan tafsīr telah menggunakan banyak kitab sebagai rujukan yang awalnya hanya satu kitab sahaja. Susunan Pendidikan Islam pada masa perubahan adalah seperti berikut, tahap pertama, pengajian al-Quran seperti masa sebelumnya, tahap kedua, pengajian kitab terbahagi kepada tiga iaitu *pertama* pengajian naḥwu, şaraf dan fiqh, *kedua* pengajian tawhīd, naḥwu, şaraf dan fiqh, *ketiga* pengajian tawhīd, şaraf, naḥwu, fiqh dan tafsīr, pada peringkat ini juga diajarkan ilmu mantiq dan balāqhah.⁶⁸

Huraian di atas menunjukkan bahawa pengajian tafsir sudah dikenalkan sejak kecil, bermula dengan pengajian al-Quran sehingga pengajian kitab. Hal ini terus berjalan sehingga lahirnya madrasah yang diajarkan di kelas pada tahun 1909-1930 dengan sekolah Adabiah merupakan yang awal terbina. Tahun 1931-1945 M sebelum Indonesia merdeka adalah zaman modernisasi madrasah dengan menggabungkan mata pelajaran agama dan mata pelajaran akademik.⁶⁹

⁶⁶Ibid., 29

⁶⁷Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Mutiara, 1979), 43

⁶⁸Ibid., 45

⁶⁹Ibid., 89

Hal ini terus mengalami pertumbuhan sehingga lahirnya madrasah-madrasah yang lain seperti lembaga yang mengajar Pendidikan Islam dengan salah satu mata pelajarannya adalah al-Quran dan tafsir dan keadaan ini berlangsung hingga kini.

Pengajian tafsir di Jambi dikenali sebagai salah satu daerah yang berpegang teguh pada ajaran agama Islam maka, banyak dijumpai pesantren atau madrasah di Jambi, di antara yang termashūr adalah Pesantren / Madrasah Nurul Iman yang dibina sekitar tahun 1914 M, ia didirikan oleh H.Abd Samad serorang ulama besar Jambi⁷⁰ pesantren ini menggunakan sistem halaqah sama seperti pesantren lainnya.

Madrasah Sa'ādatud Dārain yang didirikan oleh H.Ahmad Syakur dengan sistem halaqah dan madrasah Nurul Islam didirikan oleh H.Muhsin Saleh, madrasah Djauharain didirikan oleh H.Abd Majid sekitar tahun 1922 M. Sistem dan kitab yang digunakan pakai dalam pengajian dan pendidikan Islam di madrasah-madrasah di Jambi hampir semuanya sama iaitu pengajaran dalam bidang ilmu agama seperti ilmu nahwu, şaraf, fiqh, tafsīr dan bahasa ‘Arab. Hal ini terus berlangsung di Jambi seiring perkembangan zaman dan pembaharuan sistem pada pesantren dan madrasah secara am di Indonesia selepas penjajahan Belanda.⁷¹

Pengajian tafsir di Sumatra Utara, kawasan ini merupakan salah satu daerah yang memiliki pesantren dan madrasah yang mashūr dalam pendidikan Islam di Sumatra, di antara pesantren tersebut adalah pesantren Shaikh Hasan Ma'sum⁷² di Medan, pesantren atau madrasah Mustafawiah Purbabaru 1913 M di Tapanuli dan pesantren lainnya. Pesantren atau madrasah ini memiliki rencana pelajaran yang hampir sama satu dengan

⁷⁰Ibid., 149

⁷¹Ibid., 150

⁷²Beliau lahir tahun 1884 M di Labuhan Deli (Sumatra Utara Timur) orang tuanya keturunan Pasai Aceh, belajar disekolah Inggeris hingga kelas III. Pada umur 10 tahun beliau di sekolahkan ayahnya ke Mekkah tahun 1894 selama 9 tahun, dengan total 20 tahun lamanya beliau menuntut ilmu di Mekkah sebelum akhirnya kembali ke Indonesia tahun 1916 M. beliau pakar dalam bidang agama, bahasa Arab, tasyaaf, hisab dan ilmu falaq. Rujuk: *Ibid.*,167.

yang lain iaitu mata pelajaran agama seperti al-Quran, terjemah al-Quran, tawhīd, tafsīr, ḥadith, tajwīd, uṣh al-fiqh dan sebagainya. Pertumbuhan mata pelajaran pengajian Islam berjalan mengikuti zaman dan tempoh masa yang berlaku di Indonesia termasuk mata pelajaran tafsir dan hal ini berlangsung sehingga kini.

1.5. Kesimpulan

Huraian di atas menunjukkan bahawa al-Quran merupakan sumber dari segala sumber kehidupan iaitu nilai-nilai yang terkandung didalamnya tidak pernah kering dimakan zaman dan waktu. Usaha mencari makna dan maksud dari al-Quran atau lebih dikenal sebagai tafsir sudah dilakukan sejak dahulu dan mengalami beberapa tempoh masa mulai dari zaman Rasullullah SAW hingga Tabi'i Tabi'in. Rasullullah SAW adalah manusia pertama yang mentafsirkan al-Quran, namun bentuk pentafsiran pada masa itu masih bersifat secara umum iaitu hanya kepada ayat tertentu yang sukar difahami oleh para sahabat.

Indonesia merupakan salah satu Negara Islam Nusantara yang mengalami perkembangan tafsir dari semasa ke semasa mengikuti tuntutan zaman sehingga abad moden, salah satu hal yang tidak dapat dielakkan dalam perkembangannya adalah pelbagai corak pentafsiran mengikut kepada keahlian pentafsir seperti corak feqah, tasawwuf, tawhīd dan lainnya.

Hal ini berlaku tidak terlepas dari revolusi Islam yang terjadi di timur tengah yang dipelopori oleh Shaikh Muhammad ‘Abduh hingga sampai ke Nusantara dan tidak terlepas dari awal mula masuknya Islam ke Indonesia dan Nusantara sehingga kepada kaedah pengajaran al-Quran yang diterapkan kepada masyarakat.

Penemuan tafsir surah al-Kahfi pada abad ke-16 menunjukkan bahawa al-Quran sudah dipelajari sejak awal mula masuknya Islam ke Indonesia. Pada peringkat awal

pentafsiran yang dilakukan adalah masih bersifat am yang dihubung kaitkan dengan amalan kehidupan sehari-hari masyarakat sehingga al-Quran dan tafsir mudah difahami masyarakat hal ini terus berlanjutan dan berkembang dari abad ke abad.

Pada abad ke 20 perkembangan tafsir masih bersifat am akan tetapi pada separuh ke dua abad ke 20 iaitu tahun 1990 perkembangan tafsir di Indonesia mengalami perkembangan yang laju. Hal ini ditunjukkan dengan banyaknya tafsir yang muncul mulai dari kesusasteraan yang berbentuk pentafsiran kepada surah dalam al-Quran hingga dalam bentuk 30 juzuk. Dr. Muhammad Quraish Shihab adalah salah satu di antara pentafsir Indonesia di abad moden saat ini.

Pengajaran al-Quran tidak hanya berkembang setakat itu sahaja tetapi penyebaran terhadap nilai al-Quran masuk ke dalam dunia pendidikan dengan pesantren merupakan salah satu lembaga yang memiliki peranan dalam pengajian al-Quran. Di pulau Jawa, Sunda dan Madura tempat pengajian ini lebih dikenali dengan sebutan pondok atau pesantren sedangkan di Aceh dengan sebutan dayah dan di Minangkabau (Sumatra Barat) disebut surau. Perbezaan nama lembaga tidak mempengaruhi perkembangan dan kemajuan terhadap nilai-nilai murni yang diajarkan berkenaan dengan al-Quran. Pesantren merupakan salah satu tempat di mana al-Quran diajarkan bahkan termasuk ilmu-ilmu yang bersifat akademik walau bagaimanapun, mata pelajaran yang diajarkan di pesantren secara amnya adalah membahas tentang ‘aqidah, shariah dan bahasa ‘Arab.

Munculnya banyak pesantren di Pulau Jawa, dayah di Aceh, surau di Minangkabau Sumatra Barat dan Sumatra secara amnya telah menunjukkan bahawa betapa pengajaran terhadap al-Quran mendapatkan tempat dalam kalangan masyarakat. Perkembangan pengajaran al-Quran di persantren mulai dari cara membaca, menghafal dan sebagainya sehingga sampai kepada tahap pentafsiran ayat al-Quran dan semua dilakukan secara bertahap dan sesuai peringkat.

Pengajian tafsir di pesantren di Indonesia secara amnya menggunakan tafsir jalalāyn, tafsir ini memiliki peranan penting terhadap perkembangan tafsir hampir di sebahagian besar pesantren di Indonesia. Hal ini menunjukkan bahawa pengajian tafsir di pesantren mengalami perkembangan dari aspek rujukan, kaedah dalam pembelajaran, tafsir yang diguna pakai dan corak pentafsiran yang dilahirkan. Salah satu tafsir karya Mustafa Bisri sebagai seorang alumni pesantren secara tidak langsung menjadi salah satu bahagian daripada masyarakat Indonesia yang dibina sejak kecil dalam lingkungan pesantren. Justeru itu, hal ini perlu disyukuri dan perkembangan tafsir di Indonesia diharapkan terus berkembang sehingga banyak menghasilkan karya-karya tafsir baru dan corak baru demi kemaslahatan umat Islam, Bangsa dan Negara.

BAB II

PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH ACHEH

2.1. Pengenalan

Menuntut ilmu penting bagi setiap Muslim dan Muslimah dari sekian banyak bidang ilmu yang menyokong untuk beribadah salah satunya adalah ilmu tafsir yang memiliki ruang lingkup luas dan bersumber daripada al-Quran. Tafsir merupakan ilmu penting dalam kehidupan, namun kini tafsir tidak hanya dipelajari dalam dunia pendidikan sahaja tetapi sudah dapat dijumpai dalam masyarakat awam dari pelbagai tempat sama ada dayah, masjid, balai pengajian dan surau.

Pengajian tafsir merupakan mata pelajaran penting dalam pendidikan bidang agama terutama di dayah sebab ianya dapat menyokong banyak bidang ilmu lain seperti feqah, tawhid dan tasawwuf. Sejak awal mula munculnya dayah di masyarakat Aceh, hingga sekarang perkembangan dayah terus berjalan mengikut cabaran zaman. Dalam catatan sejarah, pengajian tafsir bermula di Aceh sehingga munculnya para ulama-ulama tafsir dari Aceh yang memberikan pengaruh kepada pengajian tafsir di dayah Aceh bahkan Nusantara, hal ini menunjukkan bahawa perkembangan pengajian tafsir di dayah Aceh mengalami perubahan dan kemajuan secara berperingkat, hal ini berlangsung berdasarkan perkembangan dan cabaran zaman.

Pengajian tafsir di Aceh pesat berkembang di semua kawasan Aceh, kawasan Aceh utara adalah salah satu kawasan yang mengalami pertumbuhan dayah tersebut sama ada terpadu dan salafi dengan total 54 dayah.¹ Sukatan mata pelajaran agama di dayah adalah satu perkara penting dan pengajian tafsir merupakan mata pelajaran utama bagi pelajar sebagai penyokong mata pelajaran yang lain.

¹Badan Pembinaan Pendidikan Dayah, *Buku Akreditasi Dayah Aceh*, ed ke-2 rev. (Pemerintah Aceh, 2012), 16

2.2. Dayah di Aceh

Perkataan dayah berasal dari perkataan *zawiyyah* yang dalam bahasa ‘Arab tunggal (زَوِيْيَةٌ) dan jamaknya (زَوِيَّا) bermakna sudut-sudut atau penjuru dalam sebuah rumah atau bangunan. Sebagai salah satu lembaga pendidikan dayah memang berasal dari pengajian-pengajian yang dijalankan disudut-sudut masjid yang merupakan lembaga pendidikan yang terawal dalam Islam.² Penggunaan kata *zawiyyah* di Masjid Ḥaramāyn sebagai tempat mendapatkan dan menyampaikan ilmu diambilsuai dengan amalan sahabat yang mengambil sudut masjid untuk ber‘iktikaf. Penggunaan kata sudut inilah yang menjadikan pertautan hubungan antara Ḥaramāyn dengan yang berlaku di Aceh.³ Dalam bahasa Aceh kata *zawiyyah* ini secara berterusan dilafazkan menjadi dayah dalam dialek Aceh, istilah ini disebut pesantren di Jawa dan seluruh Indonesia.

Catatan sejarah mengungkapkan bahawa Aceh mengalami puncak kejayaan kebudayaan Islam sekitar abad ke-17 masih atau separuh pertama abad ke-17, terutama semasa Sultan Iskandar Muda (1607 M-1636 M) kejayaan yang jarang diperoleh negeri Islam yang lain pada masa itu.⁴ Pusat-pusat perkembangan kebudayaan Islam tersebar di seluruh kerajaan seperti meunasah⁵ pada peringkat kampung⁶, masjid dan dayah pada peringkat mukim⁷ dan terutama sekali di ibu kota kerajaan Banda Aceh Darussalam.⁸ Kegemilangan tersebut bukan hanya dalam bidang ekonomi, politik dan pertahanan keamanan, tetapi juga dalam ilmu pengetahuan dan teknologi. Kejayaan dalam bidang

²George Makdisi, *The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West*, (Edinburgh, University Press, 1981), 10-32

³Mohd.Syukri Yeoh Abdullah, *Zawiyyah Shaykuala: Pusat Penyebaran Islam di Alam Melayu Abad ke-17 Masehi*, (Internasional Journal Of The Malay World and Civilisation 2009, vol.27, bil. 2), 88

⁴Zakaria Ahmad, *Kerajaan Atjeh dalam Tahun 1520- 1675*, (Banda Atjeh: Darussalam, 1972), 91

⁵Istilah ini ada juga ditulis sebagai: *Meunasah, Meulasah atau Beulasah*, berasal dari kata madrasah dari bahasa Arab, iaitu suatu lembaga-lembaga pendidikan. C.Snouck Hurgronje, *Aceh Di Mata Kolonialis*, terj. Ng Singarimbun et al, cet ke-1, (Jakarta: Yayasan Soko Guru, 1985), 1:68

⁶Gampong adalah wilayah terkecil yang dipimpin oleh seorang *Keucik* yang menerima wewenang dari *Uleebalang*. *Ibid.*, 1:72. Gampong adalah daerah hukum yang paling bawah dalam susunan pemerintahan Kerajaan Atjeh, Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, (Medan: Monora, 1972), 86

⁷Gabungan beberapa gampong yang diperintah oleh *Imum* yang memimpin daerah Mukim. *Ibid.*, 1:90

⁸Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, (Jakarta: Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, 1984), 3

ilmu pengetahuan dipelopori oleh para ulama, mereka telah melakukan pelbagai kajian serius dalam rangka mengembangkan ilmu pengetahuan, terutama kajian Islam.⁹ Ulama Aceh zaman dahulu cukup produktif melahirkan pelbagai karya terutama dalam bidang tafsīr, tawhīd, feqah, tasawwuf, politik, ketatanegaraan, ekonomi dan lain-lain yang mana para ulama ini secara amnya memiliki dayah sendiri.

Dayah adalah lembaga pendidikan di Aceh yang dipimpin oleh seorang ulama, di dayah amnya diajarkan ilmu-ilmu keislaman, seperti tawhīd, tafsīr, feqah dan tasawwuf. Dalam sejarah perkembangan pendidikan Islam di Indonesia dan Aceh secara khasnya, jelas menunjukkan bahawa dayah sudah cukup berjasa dalam pendidikan anak bangsa.¹⁰ Peninggalan dunia pendidikan saat itu ditunjukkan dengan munculnya beberapa ulama besar dan dayahnya yang telah meninggalkan jasa bagi agama, masyarakat dan karya-karyanya dalam bidang ilmu agama, akhlāq, sejarah dan lainnya.

Dayah memiliki peranan penting dalam pendidikan Islam di Aceh dalam pelbagai bidang ilmu sejak abad ke-17, hal ini ditunjukkan dengan perkembangan sistem pendidikan di dayah dalam mencapai matlamat memajukan agama dan masyarakat Aceh mulai dari perubahan bentuk salafi kepada terpadu seperti kini yang banyak di Aceh. Kewujudan lembaga pendidikan inilah yang menjadi benteng utama pertahanan syiar Islam di Aceh. Pada puncak kejayaan Islam di Aceh perkembangan ilmu pengetahuan ditunjukkan dengan banyak berdirinya dayah-dayah.

Istilah lain dalam khazanah pendidikan tradisional yang disebut dayah adalah meunasah, rangkang, dayah, dayah teungku chik, dan jāmi’ah.¹¹ Meskipun dayah dianggap memiliki persamaan dengan lembaga pendidikan agama di Jawa iaitu pesantren dan di Sumatra Barat disebut surau, namun ketiga lembaga tersebut tidak

⁹Daud Zamzami et al, *Pemikiran Ulama Dayah Aceh*, cet-1, (Jakarta: Prenada, Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi NAD-Nias, 2007), xiii

¹⁰Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*, cet- 1, Yayasan Pena, 2008, 37

¹¹A.Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, cet ke-1, Jakarta: Beuna, 1983, 191-193.

sama atau berbeza sekurang-kurangnya dari aspek sejarah dan perkembangannya. Perbezaan tersebut di antaranya adalah dari istilah santri¹² adalah yang mengetahui kitab suci agama Hindu dan ketika agama Islam datang arahnya ditujukan kepada Islam.¹³

James T Siegel dalam bukunya *The Rope of God* menelaah tentang dayah pada akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 secara singkat¹⁴ dan C.Snouck Hurgronje menyatakan rangkang dalam karyanya *The Achehnese* tetapi tidak memberikan pemahaman dan pengertian secara menyeluruh terhadap lembaga dayah sehingga masih sulit ditemui perkembangan dan sejarah dayah secara terperinci.¹⁵

Menurut A.Hasjmy yang merupakan seorang ahli sejarah di Aceh mengatakan bahawa semenjak kerajaan Islam pertama berdiri di Peureulak pada hari Selasa, 1 Muharram tahun 225 H/ tahun 840 M sehingga jatuh kerajaan Aceh Darussalam 1903 M, telah banyak berdiri institusi-institusi pendidikan di Aceh dengan nama *dayah* sama ada pada peringkat thanawiyah mahupun ‘aliah.¹⁶

Dayah pertama di Aceh bernama Dayah Cot Kala yang dipimpin oleh Tgk Muhammad Amin atau yang lebih dikenal dengan Tgk Chik Cot Kala, kemudian beliau menjadi Raja Peureulak dengan gelaran Sultan Makhdum Alaiddin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat.¹⁷ Para alumni dari dayah ini menyebarkan Islam ke seluruh Aceh dan mendirikan dayah-dayah di antaranya Dayah Seureuleu¹⁸ dari kerajaan Lingga dibawah pimpinan Syaikh Sirajuddin Aceh Tengah berdiri antara

¹²Santri berasal dari kata sastera yang bermaksud buku-buku suci, buku-buku agama atau buku tentang ilmu pengetahuan, Rujuk; Zamaksyari Dhofier, *Tradisi Pesantren: Suatu Pandangan Hidup Kyai dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, (cet ke-8, Jakarta: LP3ES, 2011), 41.

¹³Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*, cet-1, Yayasan Nadiya 2003, 34.

¹⁴James T Siegel, *The Rope of God*, (California: University of California Press, 1969), 48.

¹⁵C.Snouck Hurgronge, *Aceh di mata kolonialis*, terj. Ng Singarimbun, (Jakarta: Yayasan Soko Guru, 1985), 2:30.

¹⁶A.Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, 253.

¹⁷Ibid., 255

¹⁸Dayah ini dipimpin oleh seorang ulama terkenal iaitu Teungku Sirajuddin lulusan daripada Dayah Cot Kala, dan oleh Sultan Mahmud Alaiddin Malik Mahmud Syah Johan Berdaulat 1012-1059 M beliau ditunjuk menjadi ketua juru dakwah yang dikirimkan ke Lingga untuk mendirikan Islam dan kerajaan. *Ibid.*, 226. Ridwan Hasan et al, *Pedoman Umum Managemen Dayah Salafi Kabupaten Aceh Utara*, Dinas Syariah Islam Aceh Utara, 2012, 13

tahun 1012-1059 M, Dayah Blang Peuria¹⁹ di Samudera Pasai di bawah pimpinan Teungku Chiek Blang Peuria (Teungku Ja'kob) di Aceh Utara berdiri antara Tahun 1155-1233 M, Dayah Lam Keuneu'unen²⁰ dari kerajaan Lamuria Islam/Aceh di bawah pimpinan Teungku Syaikh Abdullah Kan'an di Aceh Besar berdiri antara tahun 1196-1225 M, dan Dayah Tanohabee²¹ di Aceh Besar antara tahun 1823-1836 M.²²

Dayah-dayah ini berdiri dan maju dengan pesat pada zamannya dan pada masa Kesultanan Aceh, dayah menawarkan tiga tahapan pengajaran iaitu rangkang (junior), bale (senior) dan dayah Manyang (universiti), setiap dayah memiliki tahap yang berbeza-beza seperti satu dayah hanya memiliki dua tingkatan dan di dayah lain memiliki tiga tahap sekali.²³

Dayah-dayah di Aceh mengalami kemunduran ketika bermula perang Aceh dan penjajah Belanda mulai masuk ke Aceh pada tahun 1837 M. Dalam keadaan demikian, maka orientasi pendidikan di dayah berubah hala tuju dari pendidikan ke arah perang melawan penjajah untuk mempertahankan kedaulatan Aceh, akibatnya banyak dayah yang hancur, perpustakaan dibakar dan para ulama banyak yang hilang atau wafat dalam pertempuran hal ini berlangsung sehingga tahun 1912.²⁴

Sejak tahun 1913 para ulama yang tidak shahid dalam perang dan ulama penerus tetap berjuang mempertahankan kedaulatan Aceh dan mulai berupaya mengaktifkan

¹⁹Masa Sultan Nurdin al-Kamil 1155-1210 M memerintah di Samudera Pase, berdirilah dayah ini yang di pimpin oleh seorang ulama ahli hukum, pujangga dan mubaligh bernama Teungku Ja'kob, yang dikenal dengan Teungku Chiek Blang Peuria, wafat 1233 M nama kuburnya Jirat Raja di Blang Peuria Gedong. *Ibid.*, 227. *Ibid.*,13

²⁰Syech Abdullah Kan'an adalah alumni dari Dayah Cot Kala yang kemudian hijrah ke Lamuri (Aceh Besar) bersama 300 orang dan mendirikan pusat pendidikan Islam yang dikenal dengan Dayah Lam Keuneu'unen. *Ibid.*, 228

²¹Dayah ini berdiri sekitar abad ke-19 oleh seorang ulama dari Baghdad Syaikh Idrus Bayan atas permintaan Sultan Muhammad Syah (1824-1836), beliau dikenal dengan Teungku Chiek Tanohabee, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, 18

²²Hasbi Amiruddin, "Menatap Masa Depan Dayah di Aceh", 2008, 46. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, 14

²³*Ibid.*,47

²⁴Sanusi Pane, *Sejarah Indonesia*, (Jakarta: Balai Pustaka 1961), 2:174. Ismuha, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Aceh*, Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978, 7

kembali dayah-dayah di seluruh Aceh sebagai pusat pengajian dan pendidikan rakyat Aceh, walaupun tidak seperti masa sebelum penjajah masuk ke Aceh.²⁵ Ini adalah sejarah panjang bagaimana perjuangan para ulama terdahulu. Sejak Kerajaan Islam pertama berdiri di Aceh sehingga kini dalam usaha mempertahankan kewujudan dayah dalam kalangan masyarakat Aceh, sebagai lembaga pendidikan agama Islam yang menjaga dari kekufuran dan kebinasaan.

2.2.1. Perkembangan Dayah di Aceh

Perkembangan zaman selari dengan perkembangan pendidikan dalam pelbagai aspek bidang ilmu, dayah sebagai salah satu Institusi Pendidikan Islam mempunyai peranan dalam pendidikan masyarakat Aceh, oleh itu usaha ubahsuai pada sistem pendidikan adalah langkah tepat para ulama dalam menjaga keberadaan dan kewujudan dayah sebagai pusat pengajian di Aceh secara berterusan. Dayah menghadapi tiga peringkat zaman perkembangan secara amnya, mulai dari zaman masuknya Islam ke Aceh, zaman keemasan dayah di Aceh dan zaman kemunduran.

Peringkat *pertama* adalah Dayah Cot Kala, pendidikan agama Islam di Aceh dimulai sejak masuknya Islam berawal dengan sistem dakwah oleh angkatan dakwah dibawah pimpinan Nahkoda Khalifah²⁶ berjumlah 100 orang yang mendarat di Peureulak tahun 800 M dan terbentuk Kerajaan Islam Peureulak pada tahun 840 M.²⁷ Pada abad ke-10 M didirikan pusat pendidikan Agama yang lengkap mulai dari

²⁵Ibid., 8

²⁶Nahkoda Khalifah adalah seorang Nahkoda kapal laut yang berangkat dari teluk Kambey (Gujarat) membawa angkatan dakwah berjumlah 100 orang yang terdiri dari orang-orang Arab (Quraisy), orang-orang Parsi dan orang-orang Gujarat, anggota angkatan dakwah ini mempunyai mempunyai pengetahuan luas tentang bidang ilmu pengetahuan seperti cara berdagang, cara bertukang bangunan,cara berumah tangga dan lainnya, setelah itu baru kemudian mendakwahkan bahawa semua ajaran tersebut adalah daripada ajaran Nabi Muhammad SAW. Rujuk: Majalah Sinar Darussalam, no 17, (Banda Aceh September, 1969), 6

²⁷Junus Jamil, *Tawarikh Radja-Radja Kerajaan Atjeh*,(Banda Aceh: 1968),4. Hamdiah A latif, *Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA): Its Contribution to Educational Reform In Aceh*, (Tesis Institute of Islamic Studies, McGill University Montreal, 1992), 8

pendidikan rendah, menengah dan tinggi bertempat di Cot Kala.²⁸ Dayah Cot Kala dikenal sebagai dayah terawal di Asia Tenggara dan merupakan satu-satunya lembaga pendidikan Islam yang ada dalam masyarakat Aceh. Pada zaman tersebut fokus dayah adalah untuk menyebarkan dan menjaga pengamalan nilai Islam dalam masyarakat dan pemeluknya di sekitar dayah. Oleh itu, mata pelajaran yang ada ketika itu juga masih bersifat praktikal kepada mata pelajaran utama seperti tawhid, feqah dan tasawwuf.

Namun ketika Dayah Cot Kala sudah memenuhi keperluan kerajaan, maka peranan dayah menjadi lebih besar dan ilmu yang diajarkan bertambah luas dan ‘ilmu diajarkan dengan menggunakan bahasa ‘Arab merujuk kepada kitab-kitab ‘Arab seperti tafsir, feqah, tawhid, tasawwuf, geografi, sejarah dan sebagainya.²⁹

Peringkat kedua: Dayah Manyang Baiturrahman adalah peringkat keemasan perkembangan pendidikan dayah. Seorang Raja Aceh iaitu Sultan Ali Mughayat Syah³⁰ mempersatukan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh menjadi Kerajaan Aceh Darussalam, maka pusat pendidikan berpindah ke Banda Aceh dan berdirilah Jāmi’ah Baiturrahman.³¹ Pada peringkat kedua ini dayah sudah memiliki sistem pendidikan baik dari pelbagai aspek keilmuan dan struktur, mulai peringkat sekolah rendah (meunasah), sekolah menengah (rangkang), dan perguruan tinggi (dayah manyang). Bahkan menurut tulisan Ali Hasymi ada beberapa institusi negara yang telah berdiri ketika itu, ada tiga lembaga negara yang bidang tugasannya meliputi masalah pendidikan dan ilmu

²⁸Ismuha, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Aceh*, (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978), 2

²⁹Saifuddin Dhuhri, *Dayah Dalam Tiga Phase Perkembangan*, (Jurnal Sarwah 2011, vol. 9, bil. 4 Januari - Juni 2011), 154

³⁰Raja Aceh yang mempersatukan kerajaan-kerajaan Aceh menjadi Aceh Darussalam, dalam hikayat (cerita) Aceh dimaklumkan bahawa Aceh terbagi dua: bagian bernama Mahkota Alam terletak di utara sungai Aceh sedangkan sebahagian lagi bernama Darul Kamal di sebelah selatan sungai Aceh, Rujuk: T.Iskandar, *Aceh Dalam Lintasan Sejarah* (Bahan seminar Pekan Kebudayaan Aceh ke-II, Banda Aceh, 21 Agustus sehingga 25 Agustus 1972), 3.

³¹Ismuha, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Aceh*, (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978), 2

pengetahuan. Institusi tersebut adalah Balai Setia Hukuma,³² Balai Setia Ulama,³³ Balai Jamaah Himpunan Ulama.³⁴

Hal ini menunjukkan bahawa bagaimana dayah mengembangkan dan meningkatkan kualiti pendidikannya sesuai zaman sehingga menghasilkan ulama-ulama yang cergas dalam pelbagai ilmu, selain itu ditunjukkan juga dari aspek struktur dan tahap pendidikan yang jelas iaitu mulai dari sekolah rendah sehingga Jāmi'ah Baiturrahman yang memilik 24 fakulti dari pelbagai bidang ilmu dan kenyataan ini disesuaikan dengan perkembangan zaman.³⁵

Pada tahap ini didapati peningkatan yang dilakukan dayah dalam menghadapi tuntutan zaman di antaranya iaitu penyebaran Islam dalam masyarakat sekitar meningkat sehingga menjadi keperluan kerajaan. Langkah yang diambil dalam menghadapi keperluan kerajaan tersebut ada dua perkara; *pertama* mendirikan lembaga pendidikan dayah seperti masa moden sama ada sekolah rendah, menengah, atas dan universiti, *kedua* kurikulum dan cabang ilmu yang diajarkan meliputi pelbagai aspek keilmuan seperti fakulti-fakulti yang ada di Dayah Manyang Baiturrahman.

Peringkat *ketiga*; zaman kemunduran dayah iaitu pada masa penjajah Belanda, pada masa kejayaan, dayah hanya menumpukan kepada amalan agama Islam, namun disebabkan perang melawan Belanda berpengaruh pada kurikulum dayah sehingga harus diubahsuai, di antaranya adalah *pertama* subjek pendidikan agama ditambah

³²Lembaga tempat berkumpul para ahli pikir dan ulama, A.Hasjmy, *Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978), 10

³³Jawatan Pendidikan yang bertugas mengurus masalah-masalah pendidikan, A.Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, 191

³⁴Balai ini dapat disamakan dengan tempat perkumpulan studi para ulama dan sarjana dalam bertukar pikiran, membahasa masalah-masalah pendidikan dan ilmu pengetahuan. *Ibid.*, 191. Saifuddin Dhuhri, *Dayah Dalam Tiga Phase Perkembangan*, (Jurnal Sarwah 2011, vol. 9, bil. 4 Januari - Juni 2011), 157

³⁵Bagi mengetahui nama-nama fakulti di Jāmi'ah Baiturrahman sila rujuk: A.Hasjmy, "Sepuluh Tahun Darussalam Dan Hari Pendidikan Daerah Isimewa Aceh" (Banda Aceh: Majalah Sinar Darussalam, no 17, September, 1969), 9, A.Hasjmy, *Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978), 2. A.Hasjmy, *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, 193

dalam usaha membangkitkan semangat masyarakat dalam berjuang melawan penjajah kafir di bumi Aceh,³⁶ *kedua* mata pelajaran dihadkan hanya setakat kepada bidang ilmu agama sahaja dan tidak mencakupi segala bidang ilmu, hal ini dilakukan untuk melemahkan perjuangan ulama terhadap Belanda.

Sejak saat itu ilmu yang diajarkan hanya setakat ilmu feqah, tawhid dan tasawwuf dan tidak memasukkan ilmu yang lain kerana jika dayah masih mengajarkan ilmu tafsir dan hadith sebagai fokus utama, maka perjuangan ulama dan masyarakat tidak pernah habis. Selain itu usaha melemahkan perjuangan tidak membuat semangat para ulama hilang dalam menghidupkan dan mengembalikan dayah kepada masa kejayaannya.

Pada tahun 1930-an gerakan pembaharuan sistem pendidikan Islam dimulai dari Universitas al-Azhār Kairo yang dipelopori Shaikh Muhammad ‘Abduh masuk ke pusat-pusat pendidikan Islam di Aceh, atas usaha dari Daud Bereueh dengan sokongan para ulama Aceh, maka terwujudlah pembaharuan sistem tersebut. Ratusan dayah di bawah pimpinan para ulama menyokong adanya perubahan sistem pendidikan Islam sama ada tempat belajar sehingga kepada kurikulum.³⁷

Setelah pembaharuan sistem pendidikan Islam dijalankan, maka dayah-dayah tersebut dinamakan Madrasah Ibtidaiyah mahupun Madrasah Thanawiyyah.³⁸ Bahkan dalam tiga tahun pertama pasca kemerdekaan pemimpin dan ulama Aceh masih terlibat mempertahankan Aceh dari kependudukan Belanda kembali, langkah dan tindakan yang diambil para pemimpin ketika itu adalah sepakat supaya seluruh madrasah diserahkan di bawah kawalan negara dan dayah di bawah kawalan ulama

³⁶Saifuddin Dhuhri, *Dayah Dalam Tiga Phase Perkembangan*, Jurnal Sarwah 2011, vol. 9, bil. 4 Januari - Juni 2011, 161

³⁷A.Hasjmy, *Semangat Kemerdekaan 70 Tahun Menempuh jalan pergolakan dan perjuangan kemerdekaan*, Jakarta, Bulan Bintang, 1985, 43

³⁸Ibid., 44.

demi menjaga kewujudan kedua lembaga tersebut, hal ini masih berlangsung selama sembilan tahun dan dayah masih fokus berjalan kepada mata pelajaran agama sahaja.³⁹

Pada tahun 1980, ada usaha yang dilakukan oleh para intelektual sama ada yang berasal dari dayah atau sekolah lain untuk mengubah dua hal iaitu sistem dan kurikulum dayah untuk menjadikan lembaga ini bersesuaian dengan keperluan dunia moden, maka dayah-dayah tersebut dijadikan dayah terpadu (integrated dayah) dari aspek kurikulum dan sistem pengajaran, bertumpukan kepada sistem madrasah iaitu mengabungkan pelajaran agama dan akademik seperti pada masa kejayaan dayah.⁴⁰ Ini adalah usaha peningkatan dayah dalam menghadapi cabaran zaman dengan harapan dayah di Aceh dapat membentuk ulama cergas dan berilmu berguna bagi agama, bangsa dan negara.

2.3. Pengajian Tafsir di Dayah Aceh

Lembaga-lembaga pendidikan Islam tumbuh dan berkembang sejak masuknya Islam ke Indonesia, Aceh merupakan kawasan Islam pertama di Asia Tenggara, ditunjukkan dengan berdirinya Kerajaan Islam pertama di Aceh. Dari data-data mengenai masuknya Islam di Aceh yang bersumber dari catatan Marco Polo, Ibn Batutah, Sejarah Melayu, Adat Tanah Jawa, Prasasti dan lainnya sama ada secara langsung atau tidak langsung, diketahui bahawa Islam sudah berkembang di Aceh setidak-tidaknya pada permulaan abad ke-13, namun awal kemasukan Islam ke Aceh telah jauh sebelum itu kerana masuknya Islam sama seperti masuknya kebudayaan dan agama lain ke suatu negeri iaitu secara beransur-ansur melalui proses yang lama.⁴¹

Masyarakat Aceh mengenal Islam secara beransur-ansur bermula dari pendidikan dasar Islam iaitu pengajian dalam bentuk amal ibadah solat lima waktu, membaca al-Quran, memahami dan mengamalkannya yang diajarkan sejak kecil kepada

³⁹Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*, 2008, 51

⁴⁰Ibid., 52

⁴¹Abdul Fattah, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh* (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh, Sekretariat Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh 1978), 3

masyarakat dengan bantuan para ulama dan tengku yang diajarkan di balai pengajian, meunasah, dayah dan rumah. Hal ini berlangsung dari awal mula masuknya Islam sehingga melahirkan banyak ulama-ulama Aceh yang berasaskan pendidikan dasar dari dayah, kini dayah sudah menjadi satu lembaga pendidikan yang mashūr dalam kalangan masyarakat Aceh dan terus mengalami perkembangan.

2.3.1. Ulama-Ulama Tafsir di Aceh

Sepanjang sejarah Alam Melayu telah memiliki ratusan kerajaan besar dan ribuan kerajaan kecil, sebahagian daripada kerajaan ini juga pernah menjadi pusat keilmuan terkenal sebelum Islam merevolusikan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu dengan pendemokrasian ilmu yang menyeluruh dan membangkitkan kesedaran kepentingan ilmu. Lahirnya beberapa pusat keilmuan yang penting iaitu pusat keilmuan Buddha dan Hindu Alam Melayu di kawasan Sumatra khasnya Sriwijaya mulai dari abad ke-6 hingga abad ke-11 merupakan pusat keagamaan Buddha dan Hindu yang ulung di Alam Melayu ketika itu,⁴² kemudian pengaruh Hindu dan Budha ikut memperkaya budaya asli masyarakat dari pelbagai aspek.⁴³

Kedatangan Islam merupakan awal dari perubahan budaya masyarakat yang telah hidup sebelumnya dengan tersiarinya agama Islam, maka pelbagai unsur budaya asli mulai menunjukkan wajah baru yang terserap dari unsur Islam. Pengaruh kebudayaan Islam semakin jelas setelah Islam muncul sebagai kekuatan politik di Aceh, awalnya berdiri kerajaan-kerajaan kecil seperti kerajaan Peureulak, Pasai dan lainnya, seterusnya pada abad ke-16 disatukan menjadi kerajaan Aceh Darussalam.⁴⁴ Kerajaan-kerajaan ini mempunyai peranan dalam kewujudan pendidikan Islam di Aceh.

⁴²Mohd.Koharuddin b.mohd. Balwi *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, (Jurnal Kemanusiaan, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia UTM), 48.

⁴³Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, (Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, Jakarta, 1984), 2

⁴⁴Ibid., 3

Kejayaan budaya Islam yang sesungguhnya berlangsung pada abad ke-17 ketika kerajaan Aceh Darussalam yang dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda. Pada masa itu pusat-pusat pengembangan ilmu Islam tersebar di seluruh kerajaan seperti meunasah, masjid dan dayah. Tradisi pengembangan keilmuan di Aceh ditunjukkan juga dengan lahirnya tokoh-tokoh penting dalam keilmuan Islam seperti Hamzah al-Fansuri, Shams al-Din al-Sumatrani, ‘Abd al-Raūf al-Singkili, Nūr al-Din al-Raniry dan lainnya.

Tradisi keilmuan ini disambung di seluruh Alam Melayu melalui pelbagai kerajaan Melayu Islam termasuk di Pattani, Terengganu, Kelantan, Bentan, Demak, Sulu, Banjarmasin, Brunei dan lainnya. Hal ini menunjukkan bahawa revolusi keilmuan agama di Alam Melayu mencapai kejayaan pada zaman kerajaan Aceh, bidang ilmu agama yang diajarkan Islam meliputi pelbagai macam ilmu sama ada tasawwuf, feqah, tawhīd, tafsīr, ḥadith dan keilmuan yang lainnya.⁴⁵

Bidang tafsir di Aceh sudah menghasilkan beberapa tokoh yang berperanan aktif dalam menulis kitab tafsir dan terjemahan dari semasa ke semasa. Tokoh-tokoh tersebut terkenal dalam bidangnya pada abad ke-16 sehingga abad ke-18 M. Salah satu tokoh agama pada kurun abad ini adalah seorang ulama yang menulis karya tafsir iaitu ‘Abd al-Raūf bin Ali al-Fansuri atau mashūr dengan sebutan ‘Abd al-Raūf al-Singkili, beliau merupakan seorang tokoh agama, ahli tasawwuf, negarawan yang lahir pada 1615 M di Singkil dan beliau meninggal pada tahun 1695 M di Kuala Sungai Aceh.⁴⁶

‘Abd al-Raūf telah mempelajari pelbagai ilmu seperti feqah, ḥadith, tafsīr, mantiq, falsafah, geografi, ilmu falaq, tawhīd dan perubatan. Di samping itu beliau mempelajari

⁴⁵Mohd.Koharuddin b.mohd Balwi, *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, 49

⁴⁶Mazlan Ibrahim et al, *Israiliyat Dalam Kitab Tafsir Anwar Baiḍawī*, (Jurnal Islamiyyat 2004, vol.26, bil.2), 28. Mengenai riwayat hidup ringkas ‘Abd al-Raūf al-Singkili Rujuk; Ahwan Mukarrom, *Konsep Syaikh ‘Abd al-Raūf Singkel Tentang Kematian Dalam Nash Lubb Al-Kashf Wa Al-Bayān*, (Jurnal Islamica 2009, Vol. 4, no. 1), 133. Rujuk; Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Aceh; dalam tahun 1520-1675*, (Medan, Monara), 122-125

ilmu tarekat Shattariyah dan tarekat Qadariyah sehingga dikurnia ijazah dari kedua tarekat tersebut.⁴⁷ Karya beliau sehingga kini yang dikenal dalam masyarakat adalah *al-Tarjumān al-Mustafīd*, kitab tafsir al-Quran pertama dalam bahasa Melayu dan *Miftāh al-Tullab* sebuah kitab feqah besar yang menunjukkan kedalaman ilmunya.⁴⁸

Dalam perantauan ilmiah yang dijalankan semasa hidupnya, selain mempelajari ilmu hakikat beliau juga mempelajari ilmu shariah, beliau mempelajari ilmu al-Quran ketika beliau berada di kota Zabid dengan seorang guru bernama ‘Abd Allāh bin Muhammad al-‘Adāñi yang merupakan qari al-Quran terbaik wilayah tersebut.⁴⁹ Ketokohan beliau dalam tafsir disebabkan karyanya dalam bidang tafsir iaitu Tarjumān al-Mustafīd, adalah karya tafsir pertama ditulis lengkap 30 juzuk dalam bahasa Melayu.

Pada tahun 1661 M beliau dilantik menjadi Qađi Malikul ‘Ādil atau Mufti kerajaan Aceh pada zaman pemerintahan Ratu Safiatuddin dan jawatan tersebut kekal sehingga zaman Sri Ratu Kamalatuddin Shah 1688 M, selain menjawat Qađi kerajaan beliau juga mengajar kepada masyarakat. Pengajaran yang beliau berikan di antaranya adalah tariqat shatariyyah dan melahirkan murid-murid cergas dalam menerima ilmu dan melanjutkan pengajarannya.

Murid-murid beliau yang terkenal di antaranya Burhanuddin Ulakan⁵⁰ dari Sumatera Barat, setelah belajar daripada ‘Abd al-Raūf al-Singkili, Burhanuddin Ulakan kembali ke Ulakan dan mendirikan institusi pendidikan.⁵¹ Kemudian ‘Abd al-Muhyi dari Jawa Barat, Ilmu yang diperolehi dari ‘Abd al-Raūf al-Singkili digunakan untuk

⁴⁷Ibid., 28

⁴⁸Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, 34

⁴⁹Azymardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, (Jakarta: Mizan, 1994), 234.

⁵⁰Beliau mashūr dengan sebutan Syaikh Burhanuddin Ulakan, nama aslinya adalah pono anak sipampak anak orang Pariangan Padang panjang menyebarkan Islam di Ulakan. Manakala Syaikh adalah gelaran bagi orang alim, sedangkan Burhanuddin adalah gelaran agama yang diberikan guru kepada muridnya. Burhan bermaksud penjelasan dan Al-Din bermaksud agama, maka Burhan al-Din bermaksud penjelasan agama. Rujuk; Hamka, *Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao*, (Jakarta Bulan Bintang, 1974), 145-147.

⁵¹Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, edisi revisi, (Jakarta, Mizan, 2005), 257.

merubah keyakinan kaum animism di kawasan Karang Pamijahan Jawa Barat. Selain Jawa dan Sumatera murid ‘Abd al-Raūf al-Singkili ada juga yang berasal dari Semenanjung Malaysia iaitu Terengganu, muridnya bernama Syaikh ‘Abd al-Malik ‘Abd Allāh atau dikenal dengan Tok Pulau Manis beliau adalah pengasas pendidikan secara sistematis pada abad ke-17.⁵²

Murid ‘Abd al-Raūf al-Singkili yang banyak berperanan dalam penulisan tafsir sehingga dicantumkan dalam karya tafsirnya nama murid tersebut adalah Dāwūd al-Jawi al-Fansuri bin Ismāīl bin Agh ‘Ali al-Rūmi berasal dari Turki.⁵³ Penghargaan yang beliau berikan disebabkan kecergasannya, maka ‘Abd al-Raūf al-Singkili memberikan amanah kepada muridnya itu memberikan tambahan sisipan tentang keragaman bacaan pada beberapa ayat al-Quran.⁵⁴

Semangat menuntut tafsir dan ilmu agama terus diperjuangkan oleh ulama dan tokoh tempatan pada abad ini iaitu menghidupkan kembali pusat pengajian yang telah mati pada masa penjajahan dengan mengadakan pengajian di rumah-rumah, surau, rangkang hingga dayah dan merubah kaedah pengajaran mengikut kepada keadaan pada masa tersebut, namun usaha tersebut tidak seperti abad sebelumnya.

Tokoh tafsir lain yang muncul pada abad ke-19 sehingga kini salah satunya adalah seorang pentafsir al-Quran yang berperanan aktif dalam menyokong pengajian tafsir di Aceh dan merupakan seorang pensyarah dekan Fakulti Shariah di IAIN Jāmi’ah al-Raniry Darussalam berpusat di Banda Aceh. Beliau adalah T.M.Hasbi Ash Siddiqy, dilahirkan di Lhokseumawe pada tanggal 10 Mac 1904 M / 22 Dzulhijjah 1312 H dari

⁵²Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia*, (Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 47.

⁵³Elit Ave Hidayatullah, *Sumbangan ‘Abd al-Raūf al-Singkili Dalam Bidang Hadith: Analisis Tekst Pilihan al-Mawa’iz al-Badi’ah*, tesis jabatan al-Qur’ān dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010, 32.

⁵⁴Azyumardi Azra, 2005, 259.

pasangan Teungku Haji Qađi Haji Husein bin Mas'ud dengan Teungku Amrah binti Teungku Qadhi Abdul Aziz.⁵⁵

Data yang ditulis oleh Prof Ali Hasjmy bersumber daripada Prof Dr Nourzzaman Shiddiqy iaitu putra T.M. Hasbi Ash Siddiqy, ada menyatakan bahawa terdapat 95 buku yang telah dihasilkan selama beliau berkiprah di dunia pendidikan. Buku-buku yang berkaitan dengan tafsir di antaranya adalah: *Tafsīr al-Nūr*,⁵⁶ *Tafsīr al-Bayān*,⁵⁷ *Sejarah dan pengantar ilmu Tafsir*,⁵⁸ *ilmu-ilmu al-Quran*, *Tujuan al-Quran dalam membina masyarakat*, *Mukjizat al-Quran*, *Tafsir Surah al-Fātihah*, *Tafsir surah al-Kawthar* dan *Gubahan al-Quran*.⁵⁹

Beliau berperanan dalam pelbagai pembaharuan pemikiran Islam di Aceh, adapun maksud pembaharuan tersebut dalam pandangan beliau harus dilaksanakan melalui pendidikan dan dakwah. Sebenarnya dalam gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Aceh, beliau tidak sendiri, namun mendapat sokongan daripada angkatan Muda Islam dan ulama Aceh yang sefahaman seperti Teungku Haji Ahmad Hasballah Indrapuri, Teungku Abdurrahman Meunasah Meucap, Teungku Muhammad Daud Beureueuh, Teungku Abdul Wahab Seulimum, Teungku Amir Husin Al-Mujahid,

⁵⁵Riwayat hidup ringkas T.M.Hasbi Ash Shiddieqy Rujuk; Shabri A et al, *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX*, cet-1, (Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh 2003), 1:73. Riwayat pendidikan adalah beliau tidak mendapatkan pendidikan rasmi yang didirikan oleh pemerintah Hindia-Belanda, pada usia sekolah Teungku Muhammad Hasbi Ash Siddiqy memasuki dayah di Lhokseumawe yang dipimpin ayahnya selama dua tahun. Pada tahun 1972 beliau berangkat ke Surabaya dan masuk ke Madrasah al-Islah wal Irsyad, sebuah sekolah Arab terbesar masa itu yang dipimpin oleh ustaz Umar Hubbeis, *Ibid.* 74.

⁵⁶Tafsir ini pertama kali terbit tahun 1956, tafsir ini menggunakan dua metode iaitu *mawdū'i* dan *tahlīlī* sebab dibuat berdasarkan urutan dan susunan al-Quran, ayat per ayat, surat per surat dan dengan bentuk penulisan yang rinci. Rujuk; www.cordova-bookstore.com/cakrawala/tafsir_annur.htm dicapai 11 November 2013.

⁵⁷Tafsir ini adalah terjemahan terhadap al-Quran yang diterbitkan pada tahun 1966, metode yang digunakan dalam menterjemah adalah menterjemah makna lafadz, kalimat yang mempunyai dua makna terjemahan, makna ayat yang dapat diterjemahkan lebih dari satu macam, menerangkan pendapat ulama. Rujuk; T.M Hasbi Ash Shiddiqieqy, *Tafsīr al-Bayān*, (Bandung Dār al-Ma'ārif Bandung, 1966), 9

⁵⁸Karya ini terbit cetakan pertama tahun 1954, ini adalah buku yang berisikan tentang pengetahuan al-Quran dan menjelaskan perbezaan tafsir dan ilmu tafsir bermaksud menjelaskan bahawa mempelajari tafsir belum berarti mempelajari ilmu tafsir, terdiri dari enam bahagian yang terdiri dari beberapa bab didalamnya. Rujuk; T.M Hasbi Ash Shiddiqy, *Sedjarah dan Pengantar Ilmu al-Quran Tafsir*, (Djakarta Bulan Bintang, 1954), 9

⁵⁹Shabri A et al, *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX*, cet-1, (Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh 2003), 1:74

Teungku Zamzami Yahya Tapaktuan, Teungku Haji Abdullah Umar Lam-U dan banyak lagi yang lainnya.⁶⁰ Ulama-ulama penyokong pembaharuan tersebut mempunyai pusat pendidikan Islam dayah atau madrasah dan ulama-ulama yakin bahawa cita-cita pembaharuan pemikiran Islam harus melalui pembaharuan sistem pendidikan.

Hal ini adalah sebahagian daripada gerakan dan usaha beliau dalam memajukan pendidikan di Aceh, selain itu beliau juga banyak mengarang buku dan mentafsirkan al-Quran sebagai bentuk pengabdian dan pemberian ilmu pengetahuan kepada rakyat Aceh secara khas dan umat Islam amnya. Pada tanggal 9 Disember 1975 beliau wafat dalam perjalanannya untuk ke tanah suci Mekkah.

Tokoh tafsir yang lainnya iaitu Putra Aceh sebagai seorang ulama tempatan dan mempunyai perhatian besar dalam mendidik masyarakat untuk cinta kepada Allah swt dan al-Quran adalah Tgk Mahjiddin Jusuf dilahirkan di Peusangan Aceh Utara pada tanggal 16 September 1918 merupakan anak seorang ulama sekaligus penyair tempatan bernama Tgk Fakir Jusuf.

Usaha dan karya beliau adalah menterjemahkan al-Quran dalam bahasa Aceh menggunakan bahasa Syair, beliau mendapatkan dasar-dasar pendidikan dari kedua orang tuanya kemudian melanjutkan pendidikan formal di dayah Darul Sa'adah Cot Bada Peusangan dan kemudian melanjutkan pelajaran di Madrasah al-Muslim dan selesai tahun 1937, seterusnya beliau melanjutkan pendidikan di Padang tahun 1941.⁶¹

Penulisan penterjemahan al-Quran bermula ketika meletus pemberontakan di Aceh pada tahun 1953 dan beliau di penjara di Binjai Sumatra Utara selama empat tahun. Selama di sana beliau mengisi dengan kegiatan bermanfaat di antaranya

⁶⁰Ibid.,78.

⁶¹Shabri A et al, *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX*, cet-3, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional (Banda Aceh, 2007), 3:52.

berdakwah kepada seluruh penghuni penjara sama ada kepada Islam mahupun bukan Islam dan menterjemahkan al-Quran dalam bahasa Aceh.

Selama empat tahun beliau berhasil menterjemahkan tiga surah al-Quran iaitu: surah Yāsin, surah al-Kahfi, surah al-Inshirah, seterusnya beliau melanjutkan terjemahan selepas keluar dari penjara dan menyelesaikan penterjemahan al-Quran secara lengkap. Berikut contoh terjemahan ayat-ayat al-Quran ke dalam bahasa Aceh dengan bentuk syair, Surah al-Fātihah, ayat 1 dan 2:

Ngon Nama Allah Lon PeuPhon Surat
(Dengan Nama Allah saya mulakan surah)
Tuhan Hadharat Yang Maha Murah
(Tuhan yang maha pemurah)

Tuhanku Sidroe Geumaseh that-that
(Tuhanku yang Esa yang maha pengasih)
Donya Akhirat Rahmat Meulimpah
(Limpahan rahmat dunia akhirat)

Sigala Pujo Bandum Lat Batat
(Segala Puji Seluruh Bagi-Nya Tuhan semesta)
Bandum Yang Meuhat milek Potallah
(Segala yang terbatas milik Allah)

Nyang peujeut alam timu ngon barat
(Yang menjadikan alam timur dan barat)
Bandum lat batat beunejeut Allah.
(Segala isi semesta Allah yang menjadikan)⁶²

Beliau adalah salah seorang ulama Aceh yang mampu menuangkan ideanya ke dalam bentuk buku, selain menulis syair dan hikayat dalam bahasa Aceh beliau juga menulis buku-buku pelajaran sekolah rakyat Islam dalam bidang pelajaran tafsir dan bahasa Arab dalam bahasa Arab Jawi. Karya bertajuk *al-Quran al-Karim dan Terjemah Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh* diterbitkan oleh Pusat Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Islam (P3KI) IAIN Ar-Raniry Tahun 1999.⁶³

⁶²Mahjiddin Jusuf, *al-Qur'an al-karim dan Terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*, (Pusat Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Islam (P3KI) Pemerintah Daerah Istimewa Aceh,1995), 1.

⁶³Shabri A et al, *Biografi Ulama-ulama Aceh Abad XX*, 2007, 57.

Tokoh-tokoh tersebut di atas adalah sebahagian daripada beberapa ulama Aceh yang mempelajari ilmu tafsir dan ilmu agama, namun ada ulama-ulama yang tidak memilik karya tulisan berbentuk buku di antaranya Teungku Haji Abdullah Ujong Rimba, beliau dilahirkan di Kampong Ujong Rimba Kabupaten Pidie pada tahun 1900. Beliau belajar ilmu agama daripada orang tua iaitu Teungku Haji Hasyim dan sebagai alternatif pendidikan beliau dimasukkan ke dayah pertama iaitu dayah Ie Leubeu kemudian di dayah Lamsi pimpinan Teungku Panglima Polem Muhammad Daud di Kabupaten Aceh Besar.⁶⁴ Pada tahun 1924 beliau berangkat ke Mekkah untuk menunaikan ibadah haji dan menyambung pelajaran, beliau bermukim di Mekkah selama tiga tahun dan selama berada di sana beliau mendalami ‘ilm tafsīr, feqah, sejarah, mantiq, ‘ilm kalām dan juga berguru pada murshīd tarekat al-Haddadīyah, pada 11 September 1983 beliau telah wafat.

Beberapa tokoh dan ulama Aceh dari abad ke-16 sehingga abad ke-18 merupakan masa kejayaan pendidikan Islam di Aceh salah satunya bidang tafsir sebelum penjajah datang merosakkan dan membelenggu pendidikan agama di Aceh. Namun ulama penerus abad ke-19 sehingga kini tetap semangat menjaga agama, berusaha meningkatkan kualiti pendidikan Islam secara am seperti pengajian tafsir yang kini masih hidup di meunasah, masjid, dayah dan pusat pengajian di Aceh sebagai usaha untuk mengembalikan kejayaan Pendidikan Islam.

2.3.2. Perkembangan Pengajian Tafsir Di Dayah Aceh

Pengajian tafsir di Aceh mengalami pasang surut dari semasa ke kemasa dengan melewati empat peringkat, di antaranya: masa sebelum Belanda masuk Aceh, masa Belanda, masa Jepun dan masa Kemerdekaan.

⁶⁴Shabri A et al, *Biografi Ulama-ulama Aceh Abad X*, 2003, 1:15.

Peringkat *pertama*, masa sebelum Belanda masuk ke Aceh, seperti diketahui bahawa Islam sudah berkembang di Aceh jauh sebelum abad ke-13 selepas terbentuk Kerajaan Islam Pertama di Peureulak pada tahun 840 M bermula didirikan tempat-tempat pendidikan Islam yang diberi nama zawiyyah yang kemudian disebut dalam bahasa Aceh dayah.⁶⁵ Pendidikan di sini terdiri dari pendidikan rendah dan menengah baru pada awal abad ke-10 M didirikan pusat pendidikan agama yang lengkap sebelum kedatangan Belanda ke Aceh.

Peringkat *kedua*; masa Belanda, ketika penjajahan Belanda mulai masuk ke Aceh pada tahun 1873 hampir semua dayah mengalihkan aktivitinya ke arah perjuangan fizikal melawan Belanda.⁶⁶ Dalam perang ini banyak ulama yang hilang kerana shahid di medan perang melawan Belanda, hal ini berlangsung sehingga tahun 1912 dan sejak tahun 1913 ulama yang tidak syahid dalam perang mulai berusaha untuk menghidupkan kembali dayah-dayah diseluruh Aceh, usaha ini tidak semudah pada zaman sebelum Belanda datang dan masuk ke Aceh.

Pada tahun 1905 Belanda menetapkan peraturan pengawasan pemerintah terhadap pengajaran di Jawa dan Madura seterusnya ditetapkan juga di Aceh. Akibatnya, maka dayah-dayah yang dibangun sesudah masa tersebut tidaklah setaraf dengan dayah-dayah sebelum perang melawan Belanda. Mata pelajaran mulai dihadkan oleh Belanda di antaranya adalah pelajaran keterampilan, sejarah Islam dan tafsir.

Peringkat *ketiga*, masa Jepun, situasi mengenai pendidikan agama pada saat itu secara umumnya telah merosot, pengajian di rumah, meunasah dan masjid sepi atau boleh dikatakan tidak ada sama sekali. Hal ini disebabkan oleh suasana ekonomi yang sangat menekan sehingga ketua keluarga sangat sibuk untuk mencari rezeki, ditambah

⁶⁵Ismuha, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Aceh*, (Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978), 1.

⁶⁶Ibid., 7.

lagi sebahagian waktu harus digunakan untuk kerja paksa dalam rangka membuat pertahanan untuk tentara Jepun. Ketiadaan minyak tanah juga menjadi faktor penting dari sepinya pengajian tersebut, begitu juga di madrasah-madrasah jauh daripada aspek sempurna kerana kekurangan alat dan buku untuk belajar.⁶⁷

Dayah-dayah di seluruh Acheh pada umumnya sepi bahkan ada yang kosong, lebih-lebih lagi setelah terjadi pemberontakan di Acheh Utara yang dilakukan oleh pimpinan Dayah Tengku Abdul Jalil bersama murid-muridnya yang mengakibatkan kepada semua dayah di Acheh dicurigai oleh Jepun, hal ini mengakibatkan kepada terhambatnya pengajian agama di dayah termasuk pengajian tafsir.

Peringkat *keempat*, masa zaman kemerdekaan, iaitu yang berhubung kait dengan pendidikan di Acheh setelah Jepun menyerah pada sekutu tanggal 14 Ogos 1945 mengalami pertumbuhan dari aspek pendidikan agama. Hal ini ditunjukkan dengan penyerahan sekolah-sekolah agama kepada pemerintah daerah Acheh dan kembali aktif pengajian di meunasah, rangkang dan *jāmi’ah*. Selain itu Normal Islam Institut di Bireun yang pada zaman Jepun diperintahkan mengubah namanya menjadi Perguruan Normal Islam diserahkan juga kepada pemerintah dan dipindahkan ke Kutaraja (sekarang Banda Acheh), kemudian berubah nama menjadi Sekolah Menengah Islam.⁶⁸

Perkembangan juga diikuti dengan berdirinya Institut Agama Islam Negeri al-Raniry (IAIN) iaitu cawangan ketiga setelah Jogjakarta dan Jakarta dengan memiliki tiga fakulti di antaranya: Fakulti Shariah, Fakulti Tarbiyah dan Fakulti Usuluddin, maka pengajian di Acheh mulai dari pengajian al-Quran di rumah-rumah, surau, meunasah, masjid hingga *jāmi’ah* sudah dapat aktif kembali walaupun tidak seperti masa-masa kejayaannya sebelum Belanda masuk ke Acheh.

⁶⁷*Ibid.*, 34.

⁶⁸*Ibid.*, 40.

2.4. Dayah-Dayah Terpadu di Aceh Utara

Sejarah panjang kemasukan Islam di Aceh menunjukkan bahawa Aceh Utara merupakan salah satu dari yang terawal munculnya Islam dan berdirinya dayah sebagai lembaga pendidikan Islam masyarakat Aceh yang dipertahankan sampai kini. Kerajaan Pasai adalah salah satu pusat pendidikan Islam di Aceh Utara.

Masuk Islamnya penguasa Raja Samudera Pasai bernama Merah Silu yang bergelar Malik al-Zahir menjadikan Pasai salah satu kerajaan Islam terawal di Nusantara, dalam catatan Marcopolo diriwayatkan tentang kesolehan, kerendahan hati, semangat keagamaan dari raja dan rakyatnya yang banyak menganut mazhab syafii. Sultan Malik al-Zahir itu kebiasaannya mengadakan pertemuan-pertemuan dengan para ulama untuk membahas soal-soal keagamaan dan untuk pengajian al-Quran.⁶⁹

Pengajian yang di bentuk oleh Raja Samudera Pasai merupakan asas awal bagi terbentuknya balai-balai pengajian di kawasan Samudera Pasai sama ada di masjid, meunasah, rumah dan tempat-tempat awam lainnya. Hal ini terus dipelihara dan dijaga oleh ulama-ulama terdahulu sehingga kini, maka kawasan Samudera Pasai banyak berdiri dayah sebagai insititusi pendidikan yang mengajarkan al-Quran kepada masyarakat sama ada anak-anak sehingga orang dewasa, bahkan menjadi pusat perlawanan terhadap penjajah yang masuk ke Aceh.

Kawasan Samudera Pasai mempunyai tempat yang strategik dalam penyebaran Islam, kawasan Samudera Pasai kini dikenal dengan Kawasan Aceh Utara. Dayah-dayah di kawasan ini terus berdiri dan berkembang mengikut tuntunan zaman.

⁶⁹Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, Medan: Monara, 1972, 21

2.4.1. Dayah Terpadu Al-Muslimun

Dayah Terpadu Al-Muslimun adalah lembaga pendidikan Islam untuk membina dan mendidik putra dan putri Aceh agar menjadi insan yang memiliki wawasan keimanan dan ketaqwaan yang seimbang dengan ilmu pengetahuan dan teknologi berlandaskan akhlāq agar mampu memberikan peranan dalam masyarakat. Dayah menerapkan perpaduan antara kurikulum dayah tradisional, dayah moden dan kementerian agama yang berfungsi sebagai wadah dalam kegiatan belajar mengajar kepada pelajar dengan sistem asrama, pelajar juga dilatih dan diawasi oleh tenaga pengajar dalam pelbagai bidang disiplin ilmu agama dan akademik.⁷⁰

2.4.1.1 Sejarah Penubuhannya

Era globalisasi ditunjukkan dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi terutama kemajuan teknologi informasi, keadaan ini akan memberikan kesan secara langsung terhadap pola kehidupan masyarakat, sama ada positif maupun negatif seperti masyarakat di Aceh Utara dengan berkembangnya menjadi zon industri sejak tahun 1980-an, hal ini terlihat dari perubahan pola hidup dan perekonomian masyarakat, dari agraris menjadi usahawan dan keusahawanan. Menyedari perubahan pola hidup tersebut serta kesan negatif yang ditimbulkan, oleh itu seorang putera Lhoksukon iaitu H.Rusli Puteh (alm) berinisiatif mendirikan sebuah lembaga pendidikan Islam yang dapat mendidik dan membina putera-puteri bangsa yang memiliki keseimbangan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan wawasan keimānan dan ketaqwāan, inisiatif tersebut mendapat sokongan masyarakat Lhoksukon.

Setelah mendapatkan lokasi yang strategik, sama ada dari aspek tempat maupun keadaan tanahnya iaitu sebidang tanah dengan luas sekitar lebih kurang 14 hektar, maka beliau mula melakukan pembangunan ruang belajar yang mengandungi bangunan dua

⁷⁰Syaiful Hurman, *Pekan Perkenalan Dayah Terpadu Al-Muslimun*, 2010, 11.

tingkat dengan 16 ruang kelas, pejabat, dapur dan asrama yang dilengkapi bilik mandi. Pembangunan ini selesai dilaksanakan pada tahun 1991.

Pada tahun akademik 1991/1992 dimulai dengan penerimaan pelajar baru seramai 500 orang. Pada saat itu, pelajar hanya diwajibkan membayar wang untuk makan sedangkan untuk biaya asrama, pendidikan dan lainnya disubsidi langsung oleh H.Rusli Puteh, namun akibat kemerosotan usaha dan ekonomi beliau, maka kemampuan mensubsidi pendidikan mulai menurun sehingga mengakibatkan kepada penurunan jumlah santri.⁷¹

Pada tahun 1994 hingga tahun 1996, jumlah santri berkurang sehingga 200-250 orang, angka ini pun terus menurun pada sesi persekolahan tahun 1996-1997, pelajar hanya tinggal 116 orang sahaja, maka untuk mengatasi masalah ini, H.Rusli Puteh mengambil sikap menyerahkan pengelolaan Dayah Terpadu Al-Muslimun dan seluruh assetnya kepada Drs. H.T. Syarifuddin yang saat itu menjawat jawatan sebagai camat Lhoksukon. Sebagai pemegang amanah, Drs. H.T. Syarifuddin membentuk sebuah badan pengurus untuk melanjutkan operasi dan pengelolaan pendidikan Dayah Terpadu Al-Muslimun Lhoksukon, Pengurus tersebut terdiri daripada Ketua Umum: Drs.H.T. Syarifuddin, Wakil Ketua I: H.Ray Alamsyah, Wakil Ketua II: Taufik Ismail Johan, Sekretaris: Zulkhairi Wahidi, Bendahari: H.Kamaluddin Kaoy.

Badan pengurus ini berusaha semaksimum mungkin melakukan pembaikan dalam segala aspek sama ada pentadbiran, pengurusan, mahupun kewangan, mencari sumber-sumber kewangan untuk melanjutkan subsidi sehingga Dayah Terpadu Al-Muslimun dapat berjalan kembali secara maksimum.

⁷¹Ibid.,7

Pada sesi persekolahan tahun 1997-1998 jumlah santri mulai mengalami peningkatan sehingga 458 orang, seterusnya dalam usaha pembaikan sektor pentadbiran dan pengurusan, badan pengurus memandang perlu membentuk sebuah yayasan yang dapat diberikan tanggung jawab pengurusan asset dayah secara keseluruhan, maka dengan Sijil Notaris Bukhari Muhammad SH. No.35 tanggal 18 September 1998 terbentuklah Yayasan Pendidikan Islam Al-Ma'had Al-Ashry Al-Muslimun.⁷²

Pada tanggal 9 Disember 1998, Drs. H.T. Syarifuddin selaku penerima amanah dari H.Rusli Puteh menyerahkan pengurusan Dayah Terpadu Al-Muslimun kepada Yayasan Pendidikan Islam Al-Ma'had Al-Ashry Al-Muslimun Lhoksukon, penyerahan ini dilakukan dengan Sijil Notaris Bukhari Muhammad, SH. No.19 tanggal 9 Disember 1998, maka Dayah Terpadu Al-Muslimun rasmi dibawah pengurusan Yayasan Pendidikan Islam Al-Ma'had Al-Ashry Al-Muslimun sampai kini.⁷³

Dayah Terpadu Al-Muslimun merupakan lembaga pendidikan Islam berbentuk Islamic Boarding School dengan menerapkan perpaduan kurikulum antara dayah tradisional, dayah moden dan kementerian agama,⁷⁴ Untuk mewujudkannya, maka dayah menerapkan pola keseimbangan antara pengajaran iaitu melalui kegiatan belajar mengajar yang membuka wawasan sama ada pengetahuan agama dan akademik serta keterampilan.⁷⁵ Pendidikan dan penjagaan iaitu membina dan merangsang perkembangan keperibadian pelajar menuju akhlāq mulia. Perpaduan diharapkan menghasilkan alumni yang bermanfaat untuk diri sendiri, masyarakat dan agama.

⁷²Taufik Ismail Johan, *Buku Panduan Manual Yayasan Pendidikan Islam al-M'ahad al-Ashriy Al-Muslimun*, (Lhoksukon 2005), 1

⁷³Ibid., 2

⁷⁴Arif Rahmatillah, “Pimpinan Dayah Terpadu Al-Muslimun”, Temubual pada 10 februari 2013

⁷⁵Syaiful Hurman. *Pekan Perkenalan Dayah Terpadu Al-Muslimun*, 10

2.4.1.2 Objektif Penubuhannya

Dayah Terpadu Al-Muslimun meletakkan visi iaitu menjadi dayah terpadu unggul dalam melahirkan cendekiawan muslim yang memiliki kemantapan ‘aqīdah, keluhuran akhlāq, dan keluasan ilmu melalui pendidikan yang integratif dan komprehensif. Misi dalam menerapkan program-program pendidikan tersebut di antaranya ialah menyelenggarakan pendidikan tingkat thanawiyyah dan ‘aliyah berdasarkan konsep pendidikan Islam, mengaplikasikan kurikulum pendidikan Kementerian Agama dan kurikulum dayah tradisional dan moden untuk mendapatkan alumni yang beriman dan beramal dengan islam secara kaffah, berwawasan dan berpengetahuan luas, menguasai ilmu-ilmu agama khasnya dalam hafalan al-Quran dan al-Hadith, mampu berkomunikasi bahasa ‘Arab dan Inggeris, menguasai keterampilan, teknologi dan berorganisasi, menciptakan pelajar yang memiliki pola hidup berdikari sama ada bagi diri sendiri dan masyarakat, pola hidup sederhana dalam usaha pengendalian diri dan tabah dalam berjuang menghadapi hidup. Membentuk potensi diri pelajar dengan kemampuan pola hidup berdikari, kebersamaan, kekeluargaan dan keikhlasan,⁷⁶ menghasilkan Santri yang memiliki keseimbangan wawasan iman dan taqwa serta wawasan ilmu pengetahuan dan teknologi.⁷⁷

2.4.1.3 Pengajian Tafsir Di Dayah Terpadu Al-Muslimun

Dayah Terpadu Al-Muslimun menerapkan dua sistem pendidikan formal dan informal. Khas untuk bidang formal kaedah klasik menjadi sangat penting bagi penyampaian ilmu pengetahuan, maka sebagai penyokong kaedah ini dayah merancangkan program kerja bagi setiap bidang, salah satunya adalah koordinator kegiatan belajar mengajar (KBM) yang bertanggung jawab atas kelancaran jalannya kegiatan belajar mengajar sebagai tugas utama.⁷⁸

⁷⁶Ibid,13.

⁷⁷Ibid.,26.

⁷⁸Arif Rahmatillah, Pimpinan Dayah Terpadu Al-Muslimun, Temubual 10 feb 2013

Bagi mata pelajaran yang diajarkan di dayah, jawatan pengajaran mempunyai tugas sebagai pengatur jadual pelajaran selama satu tahun yang dibahagikan kepada dua semester iaitu pertengahan tahun pertama dan akhir tahun. Secara amnya untuk seluruh subjek dan khasnya tafsir telah dibahagikan masa bagi tiap-tiap tingkatan yang ada. Pengajian tafsir yang telah dijadualkan adalah untuk tingkatan pertama mata pelajaran tafsir diberikan satu kali dalam satu minggu dengan masa 2×45 minit dan disokong dengan mata pelajaran al-Quran satu kali dalam seminggu, sedangkan tingkatan dua dan tingkatan tiga mempunyai jadual dan mata pelajaran yang sama dengan tingkatan satu, jadual ini berlaku untuk peringkat thanawiyyah.⁷⁹

Bagi peringkat ‘aliah, maka subjek pengajian tafsir ditambah dengan sokongan subjek ilmu tafsir, untuk kelas satu ‘aliah subjek tafsir mulai dijadualkan satu kali seminggu dan ditambahkan dengan subjek ilmu tafsir satu kali seminggu dengan masa 2×45 minit. Ada penambahan mata pelajaran yang membantu dan membuka wawasan pelajar dalam mempelajari tafsir supaya lebih mudah iaitu al-Quran dan al-Hadith. Manakala untuk kelas dua dan tiga ‘aliah mempunyai jadual dan masa yang sama iaitu mata pelajaran tafsir dan ilmu tafsir.⁸⁰ Ini adalah gambaran tentang pengajian tafsir yang berlaku di Dayah Terpadu Al-Muslimun secara amnya mengikut senarai jadual tahunan akademik dayah.

2.4.2 Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman

Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek merupakan salah satu lembaga pendidikan agama Islam yang ada di Aceh Utara terletak di Bukit Antara Cot Girek berjiran dengan kompleks perumahan karyawan dan penduduk dalam wilayah HGU Cot Girek. Dayah sangat berperanan penting dalam membentuk pelajar dan masyarakat yang Islam terutama di sekitaran dayah. Pendidikan yang diselenggarakan pesantren

⁷⁹Budiman , AJK Pengajaran Dan Kurikulum Tsanawiyah, Temu bual 11 Feb 2013

⁸⁰Hasanuddin, AJK Pengajaran Dan Kurikulum Aliyah, Temu bual 11 Feb 2013

Terpadu Dayah Nurul Iman meliputi pendidikan bersifat formal dan non formal.⁸¹ Pendidikan formal iaitu pendidikan diniyah tahap awal sebagai pendidikan pra pondok, madrasah thanawiyah dan madrasah ‘aliyah, sedangkan pendidikan non formal meliputi program kurikulum tambahan seperti pramuka.

2.4.2.1 Sejarah Penubuhannya

Pembangunan pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek diawali dengan mendirikan dewan dayah pada tahun 1969 sebagai sebuah tempat perkhidmatan agama, cendekiawan dan tokoh agama tempatan sebagai pengabdian kepada Allah Swt untuk memperbaiki hal ummat menjadi lebih baik. Dalam masa 20 tahun melakukan kegiatan dakwah dan pengajian serta majlis zikir 1969-1989, maka pada tahun 1990 majlis dewan dayah dikembangkan dan diwujudkan menjadi pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek dengan dibuka dayah terpadu peringkat thanawiyah dan ‘aliyah serta dayah salafi untuk masyarakat Cot Girek dan sekitarnya.⁸²

Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek memiliki tanah lahan seluas 16 hektar sebagai bantuan wakaf khusus daripada lingkungan HGU PG Cot Girek dengan persetujuan pengarah, hal ini dilaksanakan dalam rangka membantu pemerintah untuk pembangunan mental spiritual dan agama. Di atas tanah tersebut beransur dibangun saran dan prasarana yang menyokong pelaksanaan pendidikan di pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek, kemudian dibentuk yayasan pesantren terpadu Dayah Nurul Iman dengan Sijil Notaris No.10 04 juni 1990 dan terdaftar di pengadilan negeri Lhoksukon no.02 / yys / 1990, 2-8-1990 dengan perintis yayasan Sukamto, Amiruddin, Tgk.H Abdullah Hasan sebagai pengasa dan pemimpin pesantren.

Pada tanggal 20 Jun 1991, setelah satu tahun kegiatan di pesantren memulakan kegiatan pendidikan, maka penyelenggaraan acara perasmian pesantren oleh pemerintah

⁸¹Nuryaumin cs, *Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman*, Modul, Disember 2011, 6.

⁸²Ibid., 2.

tingkat II Aceh Utara, dirasmikan oleh Drs. Amrullah mewakili Bupati Aceh Utara. Acara dihadiri oleh penjawat awam, tentara dan tokoh tempatan wilayah Lhoksukon Aceh Utara di kompleks Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek.

2.4.2.2 Objektif Penubuhannya

Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman Cot Girek merupakan salah satu diantara Dayah Terpadu yang berada di kawasan Aceh Utara, adapun tujuan daripada pendidikan yang diselenggarakan di Dayah Nurul Iman adalah untuk mendidik generasi muda yang beriman dan bertaqwah, memiliki akhlāq yang mulia, berilmu dan beramal soleh serta menjadi pemersatu umat yang menguasai agama islam secara baik dan benar serta mampu memahami kitab kuning dan pelbagai disiplin ilmu lainnya.

Seterusnya mampu menguasai bahasa ‘Arab dan Inggeris sama ada secara aktif atau pasif, mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat tempatan, memiliki keterampilan pendidikan, pengajaran dan keterampilan lainnya. Visi daripada Dayah Nurul Iman iaitu dengan sunnah Rasullullah SAW mari dirikan kalimah Allah SWT, sementara Misi ayah ialah menjadikan pelajar dan generasi muda yang berakhlāq, ahlussunah wal jamāah, al-Ukhwah al-Islamīyah, hubbul waṭan dan ikhlās.

2.4.2.3 Pengajian Tafsir di Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman

Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman menyelenggarakan pendidikan dalam bentuk formal dan non formal, pendidikan formal adalah meliputi pendidikan diniyah peringkat awaliyah sebagai pra pondok, madrasah thanawiyyah terpadu, dan madrasah ‘aliyah terpadu. Untuk pendidikan non formal iaitu program salafi dengan penguasaan terhadap kitab kuning dan rujukannya.⁸³ Sedangkan untuk subjek yang diajarkan di dalamnya adalah pendidikan formal mengikut kepada kurikulum kementerian agama Indonesia yang sifatnya moden sedangkan non formal mengikut kitab-kitab turāth.

⁸³Ibid.,6.

Pengajian tafsir di Dayah Nurul Iman tidak langsung diajarkan kepada pelajar, namun melalui peringkat-peringkat sebelum masuk ke dalam mata pelajaran tafsir. Sebelum masuk kepada tafsir pelajar tingkatan satu, dua dan tiga dalam masa tiga tahun masih diberikan mata pelajaran yang bersifat am tentang al-Quran seperti berkenaan dengan cara baca dan tajwid yang terkandung di dalamnya, mata pelajaran ini diberikan satu kali dalam satu minggu untuk setiap peringkat.

Pada tingkatan empat diperkenalkan mata pelajaran tafsir yang bersifat am dan diikuti oleh mata pelajaran penyokong seperti ‘ulūm al-Quran, al-Ḥadīth dan ‘ulūm al-Ḥadīth, hal ini berlaku secara berperingkat hingga peringkat lima dan enam mengikut tahap yang telah ditetapkan dalam silibus Dayah. Mata pelajaran diberikan satu kali seminggu dengan masa 2x45 minit, tafsir yang digunakan adalah tafsir madrāsi karya kiai Imam Zarkashī dari Pondok Modern Darussalam Gontor yang berisikan ayat-ayat pilihan yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar.⁸⁴

2.4.3 Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsuddhuha

Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsuddhuha adalah sebuah lembaga pendidikan Islam yang di dalamnya mempelajari dan memahami ilmu pengetahuan Islam sehingga dapat mewujudkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berakhlāq dan menjawab cabaran zaman, bermanfaat bagi diri sendiri, umat, bangsa dan negara.

2.4.3.1 Sejarah Penubuhannya

Lokasi pondok pesantren terletak di Jalan Banda Aceh-Medan KM.255, Desa Glumpang Sulu Barat Kemukiman Cot Murong Kecamatan Dewantara Kabupaten Aceh Utara iaitu di kawasan industri kilang Pupuk Iskandar Muda, PT.AAF, kilang Kertas Kraft Aceh (KK)A dan PT. Arun NGL.Co, tempat ini strategik kerana

⁸⁴ Nuryami, “Kepala Madrasah Tsanawiyah”, Temu Bual, 28 may 2013

berdekatan jalan utama.⁸⁵ Dengan beroperasinya kilang pada saat itu, maka terjadi perubahan sosial yang sangat cepat dilingkungan masyarakat sekitar dan berkesan kepada cara hidup warga tempatan khasnya di kecamatan Dewantara dan Aceh Utara.

Hal ini dikhuatirkan oleh ulama dan tokoh tempatan akan memberi kesan negatif untuk masa depan dimana warga sibuk mengumpulkan harta sehingga lupa dengan kewajipan terhadap Allah SWT, maka dengan masalah di atas tokoh dan ulama tempatan mengadakan mesyuarat sehingga mengambil keputusan untuk mendirikan sebuah yayasan berorientasikan bidang pendidikan dan sosial, di mana di dalamnya diajarkan ilmu agama Islam dan ilmu lainnya. Yayasan ini diberi nama Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha Cot Murong Kecamatan Dewantara Kabupaten Aceh Utara.⁸⁶

Tokoh-tokoh pengasas adalah Tgk H Abdul Ghani, Tgk H T Abubakar Sulaiman, Tgk H T M Ali Basyah, Tgk H M Nursyah, Tgk H Gazali Mohd.Syam dan Tgk H Ramli Ibrahim. Para tokoh di atas mengajak masyarakat tempatan untuk bersama-sama membangun dayah untuk masa depan generasi Islam, sehingga masyarakat pada saat itu mahu menyumbangkan, sama ada dalam bentuk sedekah, zakat, infaq dan wakaf bagi mewujudkan lokasi dayah walaupun hanya satu meter persegi sahaja sehingga tercapailah lokasi dayah dengan luas empat hektar.

Pada tahap awal dayah dipimpin oleh Tgk M Nasir Affan BA, balai dayah dibangun dari kayu dengan ukuran 8 x10 m untuk pengajian orang-orang tua dan anak-anak dengan status tidak bermukim dengan menggunakan sistem salafi secara utuh, hal ini berlangsung hingga tahun 1988. Pada tahun 1989 pengurus yayasan mendirikan lembaga pendidikan formal iaitu madrasah thanawiyah dan madrasah ‘aliyah, bagi

⁸⁵Marwan Kamaruddin, *Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha*, (Jurnal, Disember 2012, vol 1, 2), 4

⁸⁶*Ibid.*, 1.

mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan dan teknologi, iman dan taqwa sehingga dapat menjawab cabaran zaman, dayah dipimpin oleh Drs.Tgk H Ramli Abu bakar dan oleh Tgk H Muhammad Amin Mahmud atau yang akrab disapa Abu Tumin hingga tahun 1995 dan oleh Drs.Tgk HM Daud Hasbi MA hingga tahun 2001 dengan jumlah santri 500 orang dan tahun 2001 hingga kini dipimpin oleh Tgk.H.Marwan Kamaruddin.

Dayah Terpadu Syamsudduha kini masih mendapat sokongan dari masyarakat tempatan sehingga proses belajar dan mengajar dapat dijalankan bersesuaian dengan visi dan misi serta tujuan awal pembinaan Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha iaitu menciptakan generasi muda Islam yang menguasai ilmu agama dan teknologi serta mampu menjawab cabaran zaman dan memberikan manfaat bagi diri sendiri, umat bangsa dan negara.

2.4.3.2 Objektif Penubuhannya

Sebuah lembaga pendidikan semestinya memiliki hala tuju dan visi misi daripada program yang dijalankan, hal ini berlaku bagi lembaga pendidikan Islam termasuk Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha. Lembaga ini memiliki visi menciptakan generasi yang berakhhlak mulia, berbadan sihat, berpengetahuan luas, dan memiliki pengetahuan yang berlandas iman dan taqwa.

Misi pendidikan terpadu iaitu pendidikan agama dan pendidikan umum, pembinaan mental dan watak serta keterampilan selama 24 jam di dalam asrama yang dibina oleh ustaz dan ustazah.

Visi dan Misi bertujuan supaya lahirnya calon intelektual sehingga para alumni dapat melanjutkan pendidikannya sesuai dengan minat dan bakat kemampuan masing-masing dan wujudnya manusia yang berdikari, berkualiti dan bermanfaat bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat serta kebahagiaan dunia akhirat. Selain itu untuk

mewujudkan alumni berkualiti global dan berakhlāq mulia dengan landasan iman dan taqwa. Melaksanakan pembelajaran dan pengembangan ilmu pengetahuan dari pelbagai kesusastraan, pembinaan akhlāq mulia dan pembelajaran serta pembinaan bahasa asing, informasi maklumat, kepimpinan dan keterampilan lainnya.

2.4.3.3 Pengajian Tafsir Di Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha

Dayah Terpadu Syamsudduha merupakan salah satu dayah di Aceh Utara yang menggunakan dua sistem pendidikan salafi dan moden. Sesuai dengan visi dan misi yang ditetapkan iaitu melahirkan kader ulama dan intelektual Islam yang berkualiti dan mampu menjawap cabaran zaman, maka model pendidikan yang diterapkan adalah waktu pagi pukul 07.50 WIB barat hingga 12.50 WIB adalah untuk kurikulum Kementerian Agama Islam Republik Indonesia dan pukul 19.30 WIB hingga 21.30 WIB dilanjutkan pengajian kitab pelajaran agama Islam mulai dari kelas satu hingga kelas enam dengan kitab matan taqrīb yang terendah dan I'āna al-thālibīn yang tertinggi.⁸⁷

Pengajaran kitab diatas telah diubahsuai mengikut silibus pedoman dayah-dayah di Aceh bagi menjalankannya, maka dibentuk satu lembaga iaitu Madrasah Shalafiyah Islamiyah (MSI). Kegiatan bulanan, semester dan tahunan adalah mengikut kepada kalender akademik dayah. Untuk mata pelajaran yang diajarkan di MSI adalah pendidikan ilmu agama yang meliputi Qirāat al-Quran wa tajwīd, tawhīd, feqah, tasawwuf, tārīkh, ‘ulūm al-Quran, ‘ulūm al-Hadith, tafsīr, ḥadith, uṣh al-feqah, tarbiyah, mantiq, naḥwu dan ḫaraf dengan waktu belajar pada malam hari mengikut jadual.

Bagi madrasah diniyah dan thanawiyyah menggunakan kurikulum baku iaitu Departemen Agama Islam Republik Indonesia, mata pelajaran al-Quran pada peringkat tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan tiga masih diajarkan secara am dengan memasukkan mata pelajaran al-Quran satu kali dalam seminggu untuk tiap-tiap kelas

⁸⁷Ibid.,4.

sama ada kelas lelaki ataupun perempuan. Bagi tingkatan tiga sudah mulai diajarkan mata pelajaran al-Hadith sebagai penyokong kepada mata pelajaran al-Quran dan beberapa mata pelajaran lainnya sedangkan mata pelajaran tafsir mula diajarkan pada peringkat ‘alih iaitu tingkatan empat, tingkatan lima dan tingkatan enam.

Bagi setiap kelas diajarkan mata pelajaran tafsir satu kali dalam seminggu dengan disokong oleh mata pelajaran yang memiliki hubung kait dengan tafsir iaitu mata pelajaran ‘ulūm al-Quran, al-Hadith dan ‘ulūm al-Hadith sebagai pelengkap untuk mendalami tafsir lebih jauh dan lebih memahami isi al-Quran.⁸⁸

Mengikut jadual yang dibuat oleh bahagian pengajaran dayah dan sistem yang diguna pakai menunjukkan bahawa sebelum pelajar mempelajari mata pelajaran tafsir lebih dalam, maka selama tiga tingkatan pelajar hanya diberikan mata pelajaran al-Quran secara am, kemudian tingkatan empat diperkenalkan tentang mata pelajaran tafsir pada tahap awal dan diteruskan kepada tingkatan lima dan enam dengan sokongan mata pelajaran lain seperti ‘ulūm al-Quran supaya dapat memahami isi kandungan al-Quran secara benar dan tidak terjadi kekeliruan dalam mentafsirkan maksud ayat al-Quran.

2.5. Kesimpulan

Mempelajari pelbagai bidang ilmu yang terkandung didalam al-Quran seperti tafsir merupakan suatu hal penting pada zaman moden supaya hala tuju dalam hidup menjadi jelas sebagaimana yang dimaksudkan dalam al-Quran. Kini masyarakat banyak melakukan kegiatan pengajian tafsir ditempat yang berbeza-beza seperti di masjid, surau, dayah dan lainnya.

Dayah adalah salah satu tempat diajarkan cara membaca, menghafal hingga mentafsirkan al-Quran. Hal ini penting sebab peranan dayah dalam mengenalkan

⁸⁸Jadual Subjek Pelajar Pengajian Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniah Syamsuddhuha, 2013

keilmuan Islam dan al-Quran dalam masyarakat, dimulai pada abad ke-15 hingga kini dan dayah sebagai sebuah lembaga pendidikan yang mendidik dan membentuk generasi muda yang berakhlāq mulia.

Dayah sendiri mengalami tiga peringkat perkembangannya sejak masuknya Islam ke Aceh iaitu masa perkenalan dan penyebaran Islam, peringkat kedua iaitu masa kejayaan dayah, ditunjukkan dengan berdirinya dayah-dayah hingga dayah manyang Baiturrahman dengan pelbagai kajian bidang keilmuan, peringkat ketiga iaitu zaman kemunduran pada perkembangan ilmu di dayah akibat datangnya penjajah Belanda sehingga banyak dayah yang ditutup dan perpustakaan dibakar kerana bergejolaknya perang pada masa itu. Namun semangat ulama begitu besar dalam mempertahankan dayah sehingga dapat dijumpai pada masa kini.

Dayah telah banyak menghasilkan ulama-ulama yang bergerak dalam bidang tafsir di antaranya adalah ‘Abd al-Raūf al-Singkili yang terkenal di Aceh, Nusantara dan Arab, T.M. Hasbi Ash-Shiddiqy dan tokoh lainnya.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan

Penentuan kaedah dalam setiap kajian amat penting, kerana kepentingan metodologi terhadap suatu kajian adalah untuk memandu kepada kajian yang tepat dan kajian yang disusun dengan sempurna.¹ Bab ini menghuraikan tentang proses penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji iaitu merujuk kepada bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat bagi mencapai suatu matlamat penyelidikan.²

Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji menggunakan pendekatan deskriptif yang fokus kepada kajian lapangan iaitu kajian tinjauan atau penerokaan. Kajian ini juga menggunakan metodologi campuran (mix method) iaitu metodologi kualitatif dan kuantitatif. Kajian yang dijalankan adalah bagi mendapatkan kaedah pengajaran tafsir yang dijalankan dan keberkesanan kepada pelajar yang merujuk kepada tingkat kefahaman dan amalan pelajar serta hasil pencapaian markah ujian mata pelajaran tafsir pelajar mengikut tingkatan.

Pengkaji memilih Dayah Terpadu Al-Muslimun Acheh Utara sebagai tempat kajian dijalankan. Ia melibatkan guru pengajar tafsir dan pelajar tingkatan dua, tiga, empat, lima dan enam di dayah tersebut. Bab ini juga akan membincangkan langkah dan perkara yang akan dijalankan oleh pengkaji.

¹Altrige, Jill Franser san Barry, *Invertigating Classroom Environment in Taiwan and Australia with multiple Research Methods*, Journal of Education Research, (Washington D.C, Vol 93, No 1 Sep/Okt 1999), 48-62

²Mohd Majid Konteng, *Kaedah pendidikan Penyelidikan*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka,1990), 10

3.2. Metode Campuran Dalam Penyelidikan


Kaedah kajian ini melibatkan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif, dimulakan dengan kaedah kualitatif dan diakhiri dengan kaedah kuantitatif. Reka bentuk ini dinamakan kaedah campuran.

3.2.1 Jenis-Jenis Metode Campuran dalam Penyelidikan

Kaedah campuran ini boleh diaplikasi apabila pengkaji melakukan kajian dari satu tahap (fasa) ke beberapa tahap (fasa) yang lain.³ Terdapat tiga jenis kaedah campuran ini, adapun jenis pertama dikenali dengan sebutan *Triangulation mixed method design*, jenis kedua dikenali dengan sebutan *explanatory mixed method design* dan yang ketiga dikenali dengan sebutan *exploratory mixed method design*.


Jenis rekabentuk pertama iaitu kaedah *campuran triangulasi* adalah pelaksanaan kajian yang melibatkan teknik kutipan data kualitatif dan kuantitatif secara serentak. Jenis yang kedua iaitu kaedah *campuran penerangan* adalah pengkaji memulai teknik kutipan data secara kuantitatif dan kemudian bagi menyokong data-data tersebut, dilakukan teknik kutipan data kualitatif, dalam kajian ini melibatkan dua tahap (fasa) atau lebih dalam satu masa yang berbeza. Jenis ketiga iaitu kaedah *campuran tinjauan atau penerokaan* adalah kajian dimulakan dengan teknik kutipan data secara kualitatif dan diikuti dengan kuantitatif, kaedah ini juga melibatkan dua tahap (fasa) atau lebih. Berikut rajah ketiga bentuk kaedah campuran metod dalam penyelidikan.⁴

Rajah 3.1
Jenis-jenis Rekabentuk Kaedah Campuran



³Cresswell, John W, *Educational research*, second edition, (New Jersey; Pearson Merrill Prentice Hall, 2005), 505

⁴Ibid., 2005, 514



Sumber: Cresswell di reka bentuk oleh pengkaji

Berdasarkanuraian jenis-jenis kaedah campuran dalam penyelidikan di atas, maka kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah campuran tinjauan atau penerokaan yang melibatkan dua tahap kutipan, tahap pertama adalah kutipan kualitatif bagi menjawab objektif pertama dan kedua dihuraikan pada bab satu dan bab dua kajian ini. Tahap kedua iaitu kutipan kuantitatif bagi menjawab objektif kajian ke tiga yang dihuraikan pada bab empat.

3.3. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan adalah sebagai perancangan struktur dan strategi dalam sesuatu penyelidikan, jadi memastikan jenis reka bentuk diguna pakai sangat diperlukan. Menurut Suryadi, definisi reka bentuk kajian adalah semua proses yang diperlukan dalam perancangan dan pelaksanaan penyelidikan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan atau penerokaan. Cresswel mengatakan bahawa reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam kajian kuantitatif di mana pengkaji menguruskan tinjauan terhadap sampel atau semua populasi bagi menggambarkan sikap, pendapat, perilaku dan ciri-ciri dari populasi tersebut.⁵

⁵Cresswell, Jhon w, *Educational Research: Planing, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*, (United State: US. Pearson, 2008), 376

Tujuan utama kajian tinjauan atau penerokaan adalah untuk menghuraikan ciri-ciri sebuah populasi agar kajian dapat dilaksanakan. Tindakan mengkaji masalah, fenomena atau perkara baru dalam aturan pula bertujuan untuk mengetahui, menganalisis dan memperakui masalah dan fenomena tersebut.⁶ Daripada huraian di atas menunjukkan bahawa analisis kajian ini melibatkan dua tahap kutipan data iaitu secara kualitatif dan diakhiri dengan kuantitatif, bagi data secara kualitatif dalam pelaksanaan kajian ini melibatkan teknik analisis kandungan iaitu data diambil dari beberapa buku, jurnal, dokumen dan sebagainya bagi mengkaji bentuk dan sejarah pengajian tafsir di Indonesia dan dayah di Aceh secara am serta temu bual dengan beberapa guru pengajar tafsir di dayah tersebut. Sedangkan bagi data kuantitatif diperolehi melalui soalan selidik iaitu diedarkan kepada para pelajar.


Penyelidikan yang dijalankan melalui dua tahapan bagi menjawab objektif kajian, tahapan pertama memperolehi data kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan terhadap buku, jurnal, dokumen, dan lainnya untuk mengetahui bentuk dan sejarah pengajian tafsir di Indonesia dan di Dayah Aceh, hal ini dijalankan bagi menjawab objektif kajian pertama dan kedua yang dihuraikan pada bab satu dan bab dua dalam kajian ini. Analisis temu bual juga dijalankan terhadap guru pengajar tafsir bagi mendapatkan kaedah pengajaran yang diguna pakai dalam pengajian tafsir, hal ini bagi menjawab objektif ketiga yang dihuraikan dalam bab empat kajian ini.

Tahap kedua memperolehi data kuantitatif melalui kajian soal selidik terhadap pelajar bagi mendapatkan keberkesanan dari pengajian tafsir, merujuk kepada kefahaman pelajar, amalan pelajar dan markah hasil peperiksaan tahunan pelajar dalam sukatan mata pelajaran tafsir secara am, hal ini dijalankan bagi menjawab objektif

⁶Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur, Malaysia, McGraw-Hill Sdn-Bhd, 2010), 198

kajian ketiga yang diuraikan di bab keempat. Berikut adalah rajah reka bentuk kaedah tinjauan atau penerokaan yang dijalankan pengkaji.

Rajah 3.2
Rajah Rekabentuk Kaedah Campuran Penerokaan Pengkaji Jalankan



Dalam hal ini penekanan yang dilakukan pengkaji adalah untuk mendapatkan data yang objektif, kemudian data yang diperolehi akan diklasifikasikan menurut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu kaedah dalam menganalisis data berbentuk angka untuk mengenal pasti dan menyelidik maksud yang terkandung dalam kumpulan data, hal ini akan melibatkan peratus, min, jadual dan graf. Kajian deskriptif dapat menghuraikan pelaksanaan pengajaran yang sebenar berlaku dan hubung kait dengan kaedah yang diguna pakai dalam pengajaran serta menyimpulkan dengan tepat keberkesanannya.

3.4. Instrumen Kajian

Instrument atau teknik pengukuran kajian yang diguna pakai dalam kajian ini ada tiga kategori pertama adalah borang soal selidik pelajar, kedua adalah rakaman untuk merakam soalan temu bual semi berstruktur guru, ketiga adalah lembaran markah hasil peperiksaan tahunan pelajar dalam sukanata mata pelajaran tafsir.

3.4.1 Soal Selidik

Tahap pertama pengkaji menggunakan teknik pengukuran (instrumentasi) melalui soal selidik. Pemilihan instrumen ini adalah untuk mendapatkan maklumat data berbentuk statistik iaitu catatan berbentuk angka atau bilangan yang berkaitan dengan jantina, umur, tahap pendidikan, tempat tinggal dan tempoh belajar tafsir di dayah. Soal selidik selalunya diguna pakai untuk mengetahui sikap seseorang dengan menjawab soalan yang diberikan secara bebas dan skala kadar.

Soal selidik ini terdiri dari soalan responden untuk pelajar iaitu mengandungi 73 soalan iaitu bahagian A sebanyak 8 soalan, bahagian B sebanyak 45 soalan yang dijawab sesuai tingkatan masing-masing pelajar, dan bahagian C sebanyak 20 soalan. Bab ini akan memberikan laporan keputusan kajian mengikut soalan kajian yang diberikan dan diedarkan. Penganalisaan keputusan kajian juga dilakukan selaras dengan soalan yang diberikan dan dibentuk.

Kajian yang dijalankan dibahagikan kepada tiga bahagian a, b dan c, bagi soalan pelajar mengikuti susunan sebagai berikut; Bahagian A mengandungi item-item demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan, tempat tinggal, tempoh belajar di dayah, masa mengikuti pengajian tafsir, dan minat masuk ke dayah. Bahagian B adalah soalan menggunakan jawapan Skala Likert yang mengandungi lima item dalam setiap soalan, iaitu; 1.Sangat Tidak Setuju (STS), 2.Tidak Setuju (TS), 3. Tidak Pasti (TP), 4.Setuju (S), 5.Sangat Setuju (SS), bahagian ini mengandungi tentang kefahaman pelajar terhadap pengajian tafsir bagi setiap tingkatan. Bahagian C mengandungi tentang kesan pelajar yang berhubung kait dengan amalan yang dilaksanakan dalam kehidupan selepas mengikuti pengajian tafsir. Dapatan yang diperolehi akan disusun dan dimasukkan menggunakan data statistic iaitu *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 16.0.

Reka bentuk soal selidik adalah berasaskan kepada kehendak kajian ini dan sebelum instrumen ini diguna pakai pada kajian sebenar terlebih dahulu dilaksanakan kajian rintis untuk mengukur kebolehpercayaan penggunaannya. Hasil analisis dalam kajian rintis yang dijalankan pengkaji menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item soal selidik bahagian B (kefahaman pelajar) ialah 0.986 dan bahagian C (amalan pelajar) adalah 0.808. Keputusan ini menunjukkan bahawa item-item yang terkandung dalam soal selidik ini adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekaligus memberi petunjuk mengenai kesahihan item-item soal selidik tersebut.

Borang soal selidik diharapkan membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan rumusan komprehensif mengenai keberkesanan kaedah yang diguna pakai oleh guru pengajar pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara.

3.4.2 Rakaman

Kajian ini juga menggunakan instrumen rakaman bagi menyimpan dan merakam maklumat temu bual semi berstruktur yang diperolehi apabila menjalankan temu bual bersama empat orang guru pengajar sukanan mata pelajaran tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara.

Soalan temu bual semi berstruktur terdiri dari pada dua bahagian iaitu: Bahagian A mengandungi soalan tentang data demografi daripada guru pengajar mata pelajaran tafsir. Bahagian B mengandungi soalan tertutup yang membolehkan penemu bual hanya bertanya kepada responden dengan menandakan pada ruang yang disediakan bagi jawapan yang berkenaan. Transkrip hasil temu bual tersebut akan dibincangkan dan dianalisis secara terperinci dalam bab empat kajian ini.

3.4.3 Lembaran Markah Hasil Peperiksaan

Tujuan dari instrumen yang digunakan pengkaji dalam kajian ini adalah bagi mendapatkan markah pelajar dalam sukanan mata pelajaran tafsir secara am, hal ini dijalankan bagi menentukan dapatan kajian yang berhubung kait dengan keberkesanan pelajar dalam pengajian tafsir sehingga mampu menjawab semua soalan ujian dengan hasil markah yang bersesuaian. Markah yang diambil adalah purata dari hasil ujian pelajar setiap tingkatan selama satu tahun mengikut pelajaran tafsir di dayah tersebut.

3.5. Lokasi Kajian

Penentuan lokasi kajian meliputi dua perkara penting iaitu penentuan daerah dan penentuan dayah yang akan dikaji. Dalam hal ini kedua perkara ini telah ditentukan oleh pengkaji dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya kajian dapat dijalankan dengan baik dan dapat memperolehi dapatan kajian dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Penyelidikan dijalankan di Dayah Terpadu Al-Muslimun Aceh Utara, pemilihan dayah dan daerah kajian ini dilakukan berdasarkan pelbagai aspek di antaranya adalah Aceh Utara merupakan salah satu bandar terbesar yang ada di Aceh berbanding beberapa bandar lainnya dan Aceh Utara mempunyai jumlah dayah terpadu yang agak banyak. Seterusnya Aceh Utara mempunyai sejarah panjang tentang awal permulaan penubuhan dayah dan munculnya Islam di Aceh.

Aspek lainnya adalah pengkaji mengenal beberapa guru dayah tersebut sehingga memudahkan bagi pengkaji mendapatkan maklumat kajian ini. Lokasi dayah Terpadu Al-Muslimun yang strategik dan bersesuaian untuk sebuah institusi pendidikan yang aman, nyaman dalam belajar dan tidak jauh daripada keperluan sehari-hari. Tanah yang digunakan merupakan tanah waqaf dan merupakan salah satu dayah yang terawal dibina dalam sistem terpadu dan merupakan salah satu dayah termashūr, ianya terbukti dengan jumlah murid lebih kurang lima ratus orang yang tinggal di dalam dayah.

3.6. Populasi

Populasi kajian ini melibatkan pelajar tingkatan dua hingga enam dan guru pengajar sukatan mata pelajaran tafsir merangkumi guru lelaki dan guru perempuan. Jumlah pelajar ialah seramai seratus tiga puluh lima orang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi menjawab soal selidik dan populasi guru pengajar mata pelajaran tafsir seramai lima orang dengan mengambil empat orang sahaja sebagai responden dengan proses temubual dalam kajian ini.

3.7. Sampel Kajian

Sampel adalah sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili suatu populasi yang dikaji atau sebahagian individu dalam populasi.⁷ Menurut M Given sampel adalah himpunan sumber data semasa yang diambil dari populasi yang lebih besar dari sumber data yang berpotensi.⁸ Populasi di dayah adalah berjumlah 500 orang, Arikanto menyatakan bahawa “Jika jumlah subjek melebihi 100 orang maka dapat diambil 10 % - 15 % atau lebih, tertakluk kepada kemampuan peneliti dari aspek tenaga dan masa sehingga peneliti mengambil banyak sampel”⁹.

Teknik yang digunakan dalam pengambilan sampel dari populasi pelajar adalah teknik sampel tujuan (purposive sample), sampel tujuan ini diambil dengan maksud dan tujuan tertentu. Seseorang yang diambil sebagai sampel sebab pengkaji mendapati seseorang tersebut mempunyai maklumat yang diperlukan dalam bagi penyelidikan yang sedang dijalankan.

⁷Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 63

⁸M Given, Lisa, *Encyclopedia of Qualitatif Research Method*, London, (United Kingdom: Saga Publication, 2008), 797

⁹Arikunto, Suharsimi, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, (Jakarta Indonesia, Renika Cipta, 1996), 115

3.7.1 Sampel Soal Selidik

Kajian tahap pertama ini menggunakan sampel tujuan yang telah ditentukan oleh pengkaji, adapun pemilihan kaedah persampelan tujuan ini disebabkan populasi kajian meliputi latar belakang responden yang berbeza dari aspek jantina, tingkatan, umur dan tempoh belajar di dayah. Sampel kajian dalam penyelidikan ini telah ditentukan iaitu sebesar 27 % dengan membuat kaji selidik dan pemantauan terhadap 135 orang pelajar yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak. Sampel kajian ini bertumpu kepada pelajar tingkatan dua hingga enam yang mengikuti mata pelajaran al-Quran dan tafsir sahaja.

Pelajar yang dipilih adalah sebahagian besar pelajar yang dapat menjawab secara objektif daripada kalangan pelajar-pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat, lima dan enam kerana dipengaruhi oleh beberapa faktor di antaranya aspek umur, kematangan dalam berfikir dan waktu tempoh mengikuti pengajian tafsir, hal ini memudahkan bagi pengkaji untuk mendapatkan jawapan dan hasil bersifat tepat serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Taburan pemilihan sampel kajian bagi responden pelajar dinyatakan dengan jelas seperti jadual Crosstabs berikut:

Jadual 3.1 Crosstabs
Taburan Responden Pelajar Mengikuti Tingkatan dan Jantina

Tingkatan 2	Lelaki	9	20
	Perempuan	11	
Tingkatan 3	Lelaki	10	20
	Perempuan	10	
Tingkatan 4	Lelaki	12	25
	Perempuan	13	
Tingkatan 5	Lelaki	15	29
	Perempuan	14	
Tingkatan 6	Lelaki	20	41
	Perempuan	21	
Jumlah Total			135

3.7.2 Sampel Soalan Temu bual Separuh Berstruktur

Dalam kajian ini melibatkan empat orang daripada lima orang jumlah populasi guru yang mengajar mata pelajaran tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun bagi menjawab soalan temu bual separuh berstruktur. Taburan pemilihan sampel kajian bagi responden guru adalah dinyatakan dengan jelas seperti jadual Crosstabs berikut:

Jadual 3.2 Crosstabs
Taburan Responden Guru Pengajar Mata Pelajaran Tafsir

Bil/Kod	Pengalaman Mengajar	Kelayakan Akademik
G01	4 Tahun	Sarjana Muda
G02	4 Tahun	Sarjana
G03	3 Tahun	Sarjana Muda
G04	2,5 Tahun	Sarjana

3.8. Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Kesahan dan kebolehpercayaan adalah suatu perkara yang penting bagi menentukan kebenaran dan ketepatan suatu kajian yang dilaksanakan. Kajian ini dijalankan melalui beberapa proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi semua kutipan yang dilaksanakan.

3.8.1 Soal Selidik

Kesahan dan kebolehpercayaan data daripada soal selidik dilaksanakan secara beberapa peringkat. Sebelum borang soal selidik diedarkan pengkaji membuat rayuan kepada pengetua di dayah Terpadu Al-Muslimun untuk mendapatkan kelulusan dalam menjalankan kajian. Pengkaji menjalankan kajian rintis kepada pelajar sebagai responden bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan.

Kajian rintis ini dimulakan dengan temu bual kepada beberapa orang calon responden untuk membina soalan bagi soal selidik, seterusnya pengkaji mengagihkan

borang soal selidik kepada seramai lima belas orang pelajar sebagai sampel kajian untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrument kajian pada 6 jun 2013. Ujian ini diperlukan untuk mengetahui kesilapan yang mungkin timbul ketika responden menjawab soalan tersebut dan pembinaan semula soalan-soalan yang bertindah, samar atau lain-lain yang menyebabkan kesilapan dan responden tidak faham dalam menjawab soal selidik yang disediakan.

Data yang diperolehi berupa frekuensi kajian dianalisis menggunakan Statistic Package For Social Science (SPSS) 16.0 dengan merujuk pada hasil analisis dan ditulis dalam bentuk carta dan lain-lain. Hasil analisis dalam kajian rintis yang dijalankan pengkaji menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item soal selidik bahagian B (kefahaman pelajar) ialah 0.986 dan bahagian C (amalan pelajar) adalah 0.808. Keputusan ini menunjukkan bahawa item-item yang terkandung dalam soal selidik ini adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekaligus memberi petunjuk mengenai kesahan item-item soal selidik tersebut.

Sistem pelaksanaannya, pengkaji membuat temu janji sebelum mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar tingkatan dua hingga enam pada masa yang ditetapkan. Dalam menjawab item-item soalan selidik pelajar diberikan arahan supaya tidak mengalami sebarang kesulitan, dalam hal ini pengkaji menjelaskan kepada responden secara lisan semua yang terkandung dalam soalan selidik. Pengkaji memberikan masa 30 minit kepada responden untuk menjawab soalan selidik.


3.8.2 Soalan Temu bual Separuh Berstruktur

Kesahan dan kebolehpercayaan data daripada soalan temu bual separuh berstruktur melalui beberapa proses peringkat, kesahan soalan separuh berstruktur untuk guru yang dibentuk telah dinilai dan dibentuk oleh dua orang guru pengajar dalam bidang tafsir di Dayah Terpadu Ulumuddin Kota Lhokseumawe Aceh Utara dan

seorang guru pakar dalam pendidikan Islam di Dayah Terpadu Daruzzahidin di Banda Aceh. Komen dan cadangan daripada pakar di ubahsuai dan di ambilkira oleh pengkaji dalam pembentukan dan pembuatan soalan separuh berstruktur.

Pengkaji mengedarkan sendiri soalan soalan temu bual separuh berstruktur kepada empat orang guru pengajar mata pelajaran tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun. Setelah semua data-data diperolehi dari kajian sebenar, transkrip temu bual dihantar semula kepada para responden untuk mendapatkan kesahan dalaman yang tepat.¹⁰ Proses peringkat kesahan dan kebolehpercayaan ditunjukkan pada gambar rajah seperti berikut:

Rajah 3.3
Kesahan dan Kebolehpercayaan Penggunaan Instrumen Temu bual Separuh Berstruktur



Data-data yang telah ditemu bual pengkaji direkodkan dengan menggunakan audio, rekod ini didengarkan oleh pengkaji dan memindahkannya ke dalam bentuk transkripsi bertulis secara manual, kemudian tulisan tersebut dimasukkan secara sistematik kedalam microsoft word. Pengkaji juga mengatur ayat-ayat dalam temu bual secara teratur supaya mudah difahami. Bagi mengesahkan ayat-ayat hasil olahan dalam bentuk transkripsi bertulis manual dihantar semula kepada responden melalui email.

¹⁰Untuk Cadangan teknik ini Sila rujuk Miles & Hubberman, 1994

3.9. Kaedah Pengumpulan dan Penganalisaan Data

Pengumpulan data merupakan bahagian dari usaha yang dijalankan dengan cara mengumpulkan dan menganalisis data-data yang dikumpul sehingga mendapatkan hasil kajian yang bersesuaian dan diharapkan. Bagi mendapatkan data pengkaji menggunakan tiga instrumen iaitu soal selidik, temu bual dan lembaran markah hasil peperiksaan. Pengumpulan dan penganalisaan data pada tahap pertama adalah teknik analisis kuantitatif dari instrumen soal selidik dan tahapan kedua adalah teknik analisis kualitatif temu bual terhadap guru dan lembaran markah hasil peperiksaan.

3.9.1. Soal Selidik

Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat penting berkenaan hal peribadi pelajar dan guru yang membabitkan jantina, umur, tahap pendidikan, tempat tinggal, berapa tempoh belajar bagi pelajar dan berapa lama tempoh mengajar bagi guru dan kaedah yang diguna pakai dalam pengajaran.

Surat permohonan untuk menjalankan kajian ini dihantar terlebih dahulu kepada pengetua atau mudir dayah Terpadu Al-Muslimun untuk mendapat kelulusan dan kebenaran sebelum borang soal selidik diedarkan. Pengkaji membuat temu janji terlebih dahulu dengan pelajar tingkatan dua hingga enam pada masa yang ditetapkan sebelum mengedarkan borang soal selidik. Pengkaji menerangkan secara lisan semua arahan yang terkandung dalam borang soal selidik supaya pelajar-pelajar tidak mengalami kesulitan dalam menjawab item-item soal selidik dan masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik tersebut adalah 30 minit.

Bagi penganalisaan data, langkah pertama adalah pengkaji melakukan penyusunan, pengekodan dan penghitungan data yang telah terkumpul dari borang soal selidik dengan menggunakan rumusan seperti yang diterangkan oleh ngadiso¹¹ iaitu:

$$P = \frac{f}{n} \times 100\%$$

Keterangan:

P = Nilai Peratusan

F = Frekuensi munculnya data

n = Jumlah data keseluruhan

Jumlah data keseluruhan seterusnya dimasukkan ke dalam komputer dan dianalisis dengan menggunakan data statistik berdasarkan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 16.0.

Penilaian untuk setiap item yang dijalankan adalah berdasarkan kepada pengukuran skala arah dan skala arah ini merujuk kepada pengelasan jawapan yang berlawanan iaitu positif dan negatif. Berikut merupakan bentuk pemanduan pemeringkatan skala likert mengikut pengelasan pengkaji.

Jadual 3.3
Skala Pengukuran Bagi Item-Item Soal Selidik

Skala	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Skor	1	2	3	4	5

Hasil yang diperolehi daripada kajian akan dijelaskan dalam bentuk jadual yang akan menunjukkan kekerapan dan peratusan. Keputusan kajian dibincangkan daripada data yang didapati mengikut setiap item soalan selidik, semua data-data yang diperolehi dengan proses-proses di atas disebut sebagai data kuantitatif.

¹¹Ngadiso, *Statistik*, (Surakarta Indonesia, 2008), 8

Tahap berikutnya ialah pengkaji melakukan transkripsi laporan data kuantitatif tersebut dalam bentuk data analisis kualitatif secara naratif deskriptif untuk memperolehi jawapan bagi menjawab objektif kajian yang ketiga.

3.9.2. Temu bual Separuh Berstruktur

Temu bual adalah cara pengumpulan data yang dilakukan dengan bertanya dan mendengar jawapan langsung dari sumber utama data.¹² Pada tahapan ini pengkaji memulakan dengan memohon kebenaran dari pihak pengetua atau mudir dayah Terpadu Al-Muslimun untuk mendapatkan kebenaran melakukan temu bual dengan para guru pengajar mata pelajaran tafsir di dayah tersebut dan seterusnya dipanjangkan kepada semua guru-guru pengajar yang terlibat dalam kajian ini. Setelah mendapatkan kelulusan dan kebenaran secara individu, pengkaji berhubung menerusi telefon, e-mail, dan pesan singkat (sms) dengan guru yang di temu bual.

Pengkaji membuat temu janji diadakan bagi menjalankan temu bual, pengkaji merekodkan semua temu bual menggunakan pita audio bagi mengumpulkan semua data yang diperlukan dalam kajian ini tanpa mengganggu tugas seharian guru-guru di sekolah. Data-data yang telah dirakam kedalam pita audio, didengarkan dan ditranskripsi secara manual dan dimasukkan ke dalam microsoft word secara sistematik. Hal ini dilakukan bagi memudahkan pengkaji dalam melakukan pengesahan dalaman dengan para responden temu bual terlibat dan pengekodan semasa menganalisis data.

3.9.3 Lembaran Markah Hasil Peperiksaan

Ujian Pencapaian adalah bermatlamat untuk mengukur pengetahuan atau kemahiran individu dalam suatu bidang atau subjek.¹³ Penyataan lain menyatakan bahawa ujian bermatlamat bagi mengukur perkembangan seorang pelajar setelah

¹²Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 2010, 211

¹³Ibid., 146-147

melalui proses pendidikan dan juga mengukur keberkesanannya atau kejayaan suatu program pengajaran.¹⁴

Data yang diambil pengkaji dari lembaran markah hasil peperiksaan pelajar adalah hasil ujian pelajar yang telah dijalankan di dayah tersebut. Pengkaji mendapatkan markah-markah tersebut dalam bentuk transkip markah daripada guru kelas setiap tingkatan selama satu tahun proses akademik. Data yang diperolehi pengkaji dalam bentuk kuantitaif tersebut seterusnya dianalisis dalam bentuk analisis kualitatif secara naratif deskriptif.

3.10. Rumusan

Kesimpulan bab ini adalah membincangkan metodologi kajian yang melibatkan reka bentuk kajian campuran tinjauan atau penerokaan. Kaedah dimulakan dengan proses pengutipan data secara kualitatif dan diakhiri secara kuantitatif. Bab ini menghuraikan secara jelas bagaimana kajian ini dijalankan oleh pengkaji.

Kajian menggunakan kaedah ini mengambil tempoh masa yang agak lama dan pembacaan yang luas melibatkan aspek kualitatif dan kuantitatif. Bab ini juga seterusnya menjelaskan berkaitan dengan aktiviti pengumpulan data, penganalisaan data dan kesahan dan kebolehpercayaan bagi setiap tahap yang dijalankan. Bagi merealisasikan kajian kualitatif menggunakan tatacara analisis sistematik sedangkan untuk data kuantitatif tatacara analisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0 dan seterusnya dapatan kajian dibincangkan di bab keempat.

¹⁴ Sudijono, Anas, *Pengantar Evaluasi Pendidikan*, (Jakarta Indonesia, Rajawali Press, 2009), 67

BAB IV

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, data yang didapati menerusi teknik temu bual separuh berstruktur dan soal selidik. Perbincangan bab ini dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan soalan kajian yang telah dibentuk dalam bab pengenalan. Perbincangan pertama dimulakan dengan huraian dapatan kajian temu bual guru pengajian tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun tentang kaedah pengajaran dan perbincangan kedua adalah dapatan kajian soal selidik dari para pelajar tentang kefahaman, amalan dan markah hasil peperiksaan mata pelajaran tafsir.

Sehubungan dengan itu, maka pengkaji melaksanakan kajian ini dengan memberikan tumpuan khas kepada sebilangan guru-guru dan pelajar-pelajar di dayah tersebut sebagai sampel kajian. Untuk para guru pengkaji mengambil empat orang guru di dayah tersebut sebagai responden yang mewaliki 80% daripada lima orang jumlah keseluruhan guru yang mengajar mata pelajaran tafsir. Sedangkan untuk para pelajar pengkaji mengambil 135 orang sebagai responden yang melibatkan pelajar kelas dua thanawiyyah sehingga enam ‘aliyah sama ada lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak, jumlah 135 orang responden mewakili 27% dari jumlah keseluruhan. Seterusnya adalah mengenai laporan data dan analisis temu bual dan diteruskan dengan dapatan kajian soal selidik yang telah dijalankan.

Pengumpulan dan penganalisaan data yang pengkaji gunakan bagi dapatan kajian adalah pada tahapan pertama menggunakan kaedah analisis kuantitatif dari instrumen soal selidik dan tahapan kedua iaitu kaedah analisis kualitatif terhadap temu bual guru dan lembaran markah hasil peperiksaan.

4.2. Dapatan Temu bual Separuh Bersturktur

Perbincangan ini dibahagikan kepada sub topik tertentu agar lebih teratur dan mudah dipahami. Dimulai dengan profil peserta temu bual kajian dan seterusnya sub tema perbincangan mengikut soalan kajian.

4.2.1. Profil Peserta Kajian

Jadual 4.1 Taburan Responden Guru Pengajar Mata Pelajar Tafsir

Bil/Kod	Pengalaman Mengajar	Kelayakan Akademik
G01	4 Tahun	Sarjana Muda
G02	4 Tahun	Sarjana
G03	3 Tahun	Sarjana Muda
G04	3 Tahun	Sarjana

Sumber: Temu bual Jun – September 2013

Jadual 4.1 menunjukkan data profil pengajar pengajian tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun sebagai peserta kajian. Seramai empat orang guru diambil sebagai peserta kajian yang mewakili 80 % dari jumlah keseluruhan pengajar tafsir sebagai sampel kajian, keseluruhan pengajar tafsir adalah lelaki dan telah di temubual. Data tersebut juga menunjukkan bahawa dari aspek pendidikan mereka terdiri daripada dua orang guru peringkat sarjana muda dan dua orang guru peringkat sarjana dengan pengalaman bekerja selama dua tahun sehingga empat tahun.

Dari aspek jawatan akademik seorang dari mereka memegang jawatan sebagai warden dan hal ehwal pelajar bergelar sarjana pendidikan Islam, seorang memegang jawatan guru hal ehwal pelajar di asrama bergelar sarjana muda, seorang guru lagi memegang jawatan guru kelas dan hal ehwal pelajar di asrama bergelar sarjana muda dan seorang lagi jawatan ketua akademik dan kurikulum bergelar sarjana, semua responden berpengalaman dalam mengajar tafsir.

Bagi mematuhi dan menjaga kerahsiaan dalam penyelidikan, kod-kod khusus digunakan bagi membezakan antara seorang responden dengan responden yang lainnya, kod G01 sehingga G04 digunakan dalam kajian ini, berikut adalah perincian tentang responden kajian secara amnya, Responden G01 adalah guru warden dan hal ehwal pelajar di dayah tersebut, beliau mempunyai pengalaman dalam pendidikan Islam dan tafsir di beberapa dayah di Aceh. Beliau (semasa di temu bual sehingga kini) turut memegang jawatan sebagai guru warden dan hal ehwal pelajar pusat di dayah. Responden merupakan seorang guru yang dihormati dan dipatuhi sebagai pembimbing dan juga bersifat pendiam, seorang yang mudah di temu bual dan memberikan kerjasama yang menggalakkan kepada pengkaji.

Responden G02 merupakan guru yang bergelar sarjana muda dan merupakan seorang alumni daripada universiti al-Azhar Mesir, jawatan beliau adalah sebagai guru hal ehwal pelajar di asrama dan guru bahagian pengajaran (semasa di temu bual), beliau adalah seorang yang sibuk dengan jemputan ceramah dan khutbah jumaat di kampung sekitar kawasan Aceh Utara, namun respon peserta G02 sangat positif terhadap kepentingan akan kaedah pengajaran bagi seorang guru, supaya matlamat pendidikan dan pengajaran dapat dicapai sesuai dengan pencapaian objektifnya. Cerita pengalaman dan halangan dalam pengajaran yang beliau rasakan menjadi input bagi pengkaji untuk memperoleh data-data tertentu khususnya berkenaan dengan kaedah mendidik pelajar dalam kelas dengan memerhatikan daripada pelbagai aspek.

Responden G03 adalah seorang guru alumni daripada universiti al-Azhar Mesir, mempunyai pengalaman dalam pendidikan dan pentadbiran. Responden G03 banyak mengajar tafsir di dayah dan mengadakan kelas tambahan selepas jam pelajaran wajib selesai bagi memberikan peluang kepada pelajar untuk bertanya perkara yang tidak difahami dan menjaga semangat dalam menuntut ilmu. Responden G03 sangat

menyokong penyelidikan yang pengkaji jalankan dengan memberikan maklum balas yang mengalakkan bagi menjalankan penyelidikan dengan sempurna.

Responden G04 dipilih sebagai peserta kajian disebabkan pengalamannya yang luas dan banyak dalam hal mengajar pendidikan Islam. Selain di dayah beliau juga mengisi ceramah dan pengajian pendidikan Islam di masjid, majlis ilmu dan surau. Jawatan beliau adalah seorang guru ketua akademik dan kurikulum, beliau juga memegang jawatan sebagai guru bahasa di dayah. Responden G04 kelihatan sangat berminat dengan kajian yang dilaksanakan pengkaji dan memberikan komitmen terbaik kepada pengkaji walaupun beliau sibuk dengan kegiatannya, namun tetap memberikan masa yang cukup dan juga sumbang saran bagi pengkaji sebagai tambahan maklumat dalam kajian ini.

4.2.2. Dapatan Temu bual Pengajar

Bagi menjawab objektif ketiga dalam kajian ini iaitu menganalisis kaedah pengajaran yang diguna pakai dalam pengajian tafsir, maka pengkaji telah menggunakan teknik temu bual separuh berstruktur dan perbincangan dalam kajian ini menunjukkan dapatan kajian yang berfokus kepada guru pengajar tafsir sahaja sebagai responden, sementara soalan temu bual dibincangkan dalam sub bahagian seterusnya.

Terdapat lapan tema yang dibentuk bagi menjawab soalan ketiga dalam kajian ini iaitu:

- i. Kaedah pengajaran dan pentafsiran ayat dalam pengajian di dayah
- ii. Kurikulum dan buku rujukan dalam pengajian tafsir
- iii. Mengukur keberhasilan kaedah pengajaran yang diguna pakai
- iv. Bahan bantu mengajar dalam pengajian tafsir
- v. Pengajar menghubungkaitkan mata pelajaran dengan kehidupan nyata
- vi. Menyimpulkan mata pelajaran yang telah disampaikan kepada pelajar
- vii. Kaedah yang paling berkesan kepada pelajar
- viii. Bagaimana menilai pelajaran yang telah disampaikan

Analisis dapatan kajian bagi responden terbabit diantaranya adalah seperti berikut:

4.2.2.1 Kaedah Pengajaran dan Pentafsiran Ayat dalam Pengajian Tafsir di Dayah

Bahagian ini menjelaskan hubung kait tentang “kaedah pengajaran dan pentafsiran ayat yang dijalankan oleh guru dalam pengajian tafsir”. Penjelasan dituliskan dalam bentuk naratif, seterusnya dikukuhkan dengan petikan temu bual tertentu. Secara amnya semua guru mengajar sesuai kaedah yang ada dalam pengajian tafsir, namun setiap individu mempunyai kaedah sendiri dalam mengajar sama ada satu kaedah atau lebih.

Menurut pengalaman guru-guru pengajar tafsir, kaedah yang diguna pakai dalam pengajian tafsir adalah berdasarkan kaedah terjemah dan bercerita berikut petikan hasil temu bual yang telah dijalankan:

Responden G01 mengungkapkan bahawa;

“...saya menggunakan kaedah terjemah dan kadang-kadang saya menggunakan kaedah bercerita”.

Responden G02 mengatakan bahawa;

“....pertama saya menggunakan kaedah terjemah kemudian saya teruskan dengan menggunakan kaedah bercerita....”.

Responden G03 menyatakan bahawa;

“.....saya menggunakan kaedah hafazan dan sebelum dimulakan pengajian para pelajar menghafazkan surah di hadapan kelas dan memahami kandungan ayat dengan terjemah, seterusnya pelajar menghuraikan tentang apa yang telah dipelajari”.

Responden G04 mengatakan bahawa;

“.....saya menggunakan kaedah terjemah dan kaedah soal tanya jawab dengan berdialog interaktif”.

Huraian daripada pengalaman yang dijalankan oleh guru-guru dalam mengajar tafsir menunjukkan bahawa setiap individu secara amnya menggunakan kaedah

bercerita dan terjemah mengikut kepada kandungan ayat mata pelajaran yang disampaikan oleh guru-guru kepada pelajar.

Berkaitan dengan aspek persoalan yang dibincangkan, kajian juga mendedahkan perkara yang berkaitan dengan kaedah setiap guru dalam pentafsiran ayat. Menurut pengalaman guru-guru, sebagaimana diungkapkan dalam petikan temu bual;

Responden G01 mengungkapkan bahawa;

“....saya menggunakan tafsir mawdū'i, iaitu mentafsirkan ayat mengikut kepada setiap tajuk atau perkara yang akan dibincangkan....”.

Responden G02 mengatakan bahawa;

“...Saya menggunakan kaedah ijmālī dalam pentafsiran, mengikuti kandungan maksud daripada ayat”.

Responden G03 menyatakan bahawa;

“....saya menggunakan kaedah tahlīlī dalam pentafsiran ayat, ini disebabkan ayat al-Quran saling berkaitan....”.

Responden G04 mengatakan bahawa;

“..... Saya menggunakan kaedah pentafsiran tahlīlī iaitu pentafsiran analisis ayat dari pelbagai aspek sama ada aspek asbāb al-Nuzul, aspek hukum dan lain-lain...”.

Secara amnya kaedah pentafsiran yang diguna pakai adalah tahlīlī, hal ini pengkaji dapati daripada jawapan peserta iaitu peserta G03 dan peserta G04 yang menjawab menggunakan kaedah tahlīlī, sedangkan peserta G01 menggunakan kaedah mawdū'i dan peserta G02 menggunakan kaedah ijmālī.

Hal-hal ini dijalankan bagi mendapatkan bagaimana kaedah pengajaran dan pentafsiran dijalankan dan bagi mendapatkan kesan dalam kalangan pelajar. Analisis dapatan kajian sama ada aspek kitab rujukan, aspek cara untuk mengukur keberhasilan

kaedah yang dijalankan, aspek bahan bantu mengajar, aspek cara menghubung kaitkan mata pelajaran dengan kehidupan, aspek kaedah yang paling berkesan bagi pelajar dan aspek cara guru menilai pelajaran yang telah disampaikan.

4.2.2.2 Kitab Rujukan Dalam Pengajian Tafsir

Analisis bahagian berikut adalah bertemakan rujukan kitab tafsir yang diguna pakai, para guru diminta menjawab soalan temu bual yang diberikan oleh pengkaji. Responden G01 mengungkapkan bahawa “....kitab yang diguna pakai adalah modul dayah yang disusun oleh jawatan kuasa penyusun dari dayah...”, Responden G02 “...kitab yang jadi rujukan adalah modul yang dikutip dari kitab *Safwat al-Tafāsīr* karya ‘Alī al-Ṣābūnī dan disusun dengan ayat-ayat tertentu bagi setiap kelas...”, Responden G03 “....kitab yang digunakan adalah modul dayah dan juga menggunakan kitab *Mutiara Juzuk ‘Amma ...*”, Responden G04 “....menggunakan modul dan kitab *Safwat al-Tafāsīr* karya ‘Alī al-Ṣābūnī sebagai rujukan dalam pengajian tafsir...”. Seterusnya analisis berkaitan cara guru mengukur keberhasilan kaedah yang dijalankan.

4.2.2.3 Mengukur Keberhasilan Kaedah Pengajaran yang diguna pakai

Analisis berikut bagi mengetahui keberhasilan guru dari aspek penerapan kaedah pengajaran yang dijalankan sehingga pelajar dapat menerima apa yang disampaikan. Responden G01 mengungkapkan “....kadang-kadang saya mengukur keberhasilan dengan memberikan soalan kepada pelajar dan saya mendengar jawapan dari soalan tersebut...”, Responden G02 “....saya memberikan tugas kepada pelajar untuk menterjemahkan, mentafsirkan dan menghuraikan apa yang telah dipelajari...”, Responden G03 “....saya memanggil satu atau dua orang pelajar untuk seterusnya mengulangkaji dan menterjemahkan apa yang telah saya sampaikan...”, Responden G04 “....saya mendengarkan terjemah teks dan penjelasan daripada pelajar berasaskan

kepada apa yang telah dipelajari, walaupun tidak dengan bahasa yang tepat namun dapat menjelaskan sesuai dengan topik perbincangan yang telah dibahas....”.

4.2.2.4 Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Tafsir

Analisis berikut berfokus kepada aspek bantu guru dalam mengajar tafsir bersesuaian dengan kaedah yang diguna pakai setiap guru. Ungkapan dari setiap responden dari soalan yang pengkaji berikan adalah seperti berikut; Responden G01 “....kadang-kadang saya menggunakan al-Quran dan juga menggunakan projektor bagi membantu saya menjelaskan mata pelajaran....”, Responden G02 “... bahan bantu yang pertama adalah saya menggunakan kitab dan yang kedua adalah projektor....”, Responden G03 “....saya lebih mengajak pelajar kepada tadabbur alam dengan mengajak pelajar keluar kelas dan mempelajari alam sekitar jadi alam adalah bahan bantu saya dalam mengajar....”, Responden G04 “....saya sendiri tidak menggunakan media atau bahan bantu mengajar apapun, namun saya lebih kepada kaedah klasik dengan pengalaman dalam kehidupan atau saya mengajak pelajar untuk banyak membuka kamus...”.

4.2.2.5 Pengajar Menghubung kaitkan Mata Pelajaran Dengan Kehidupan Nyata

Kajian ini juga membincangkan aspek bagaimana guru menghubung kaitkan mata pelajaran dengan kehidupan nyata, berikut merupakan tanggapan responden terhadap soalan dari pengkaji; Responden G01 mengungkapkan “....saya mengaitkan sesuatu dengan kehidupan sehari-hari bersesuaian tajuk yang dibincangkan”, Responden G02 “....ketika saya membincangkan akhirat, maka saya akan menghubung kait kehidupan dunia dengan akhirat dan muamalah manusia dengan sang pencipta...”, Responden G03 “....mengajak pelajar untuk berfikir dan melihat alam sekitar bahawa ciptaan Allah swt bukan hanya manusia”, Responden G04 menyatakan “....saya

meminta pelajar untuk mengaitkan mata pelajaran yang dipelajari dengan kehidupan seperti masalah akhlāq....”.

4.2.2.6 Menyimpulkan Mata Pelajaran yang telah disampaikan Kepada Pelajar

Analisis berfokus kepada bagaimana guru menyimpulkan mata pelajaran yang telah disampaikan kepada pelajar. Dalam hal ini setiap guru mempunyai cara berbeza dalam menyimpulkan mata pelajaran yang telah diberikan, berikut jawapan peserta atas soalan yang diberikan pengkaji; Responden G01 mengungkapkan bahawa “...dengan memberikan catatan, kadang-kadang menulis di papan putih dan juga membaca kepada pelajar.....”, Responden G02 “.....saya menyimpulkan sesuai dengan apa yang telah ada didalam modul dan juga dengan cara menjawab soalan....”, Responden G03 “.....saya memberikan catatan kepada pelajar atau dengan membacakan kepada pelajar.....”, Responden G04 “....saya meminta kepada pelajar supaya masing-masing memberikan kesimpulan terhadap mata pelajaran yang telah disampaikan dan dipelajari.....”.

4.2.2.7 Kaedah Yang Paling Berkesan Kepada Pelajar

Analisis tema berikutnya berkenaan dengan pandangan guru berkaitan dengan kaedah yang paling berkesan kepada pelajar selama pengajian tafsir dijalankan. Secara keseluruhannya peserta memilih kaedah bercerita adalah kaedah yang paling berkesan, berikut ungkapan daripada Responden G01 dalam perkara ini ialah:

“.....dari dua kaedah yang saya ungkapkan tadi iaitu kaedah terjemah dan kaedah bercerita, saya melihat pelajar lebih berkesan kepada kaedah bercerita, selain dapat melihat terjemah ayat tersebut mereka (pelajar) dapat menikmati dan mendengar cerita yang disampaikan....”

(Responden G01)

Begitu juga tanggapan daripada Responden G02 adalah berikut ungkapannya:

“....saya melihat bahawa pelajar lebih suka kepada kaedah bercerita dalam menghuraikan mata pelajaran yang disampaikan....”

(Responden G02)

Selain itu, ungkapan pendapat daripada apa yang disampaikan Responden G03 tentang kaedah yang berkesan bagi pelajar adalah seperti berikut:

“.....kaedah bercerita adalah kaedah yang berkesan bagi pelajar sebab dengan ini (kaedah) pelajar lebih mudah memahami dan merekod apa yang disampaikan guru....”
(Responden G03)

Responden terakhir G04 juga mengungkapkan pendapatnya tentang kaedah yang berkesan bagi pelajar berasaskan kepada pengalaman dalam mengajar tafsir iaitu seperti berikut:

“....pelajar lebih suka kepada kaedah tanya jawab dan juga kaedah bercerita, namun pelajar lebih suka perbincangan yang dihuraikan guru dikaitkan dengan kaedah yang ada dalam kehidupan nyata dan diambil contoh bagi kehidupan pelajar.....”

(Responden G04)

4.2.2.8 Bagaimana Menilai Pelajaran Yang Telah Disampaikan

Analisis berikutnya adalah soalan pengkaji kepada responden berhubung kait dengan menilai mata pelajaran yang dilakukan oleh guru terhadap mata pelajaran yang disampaikan; Responden G01 mengungkapkan, “....saya mengukur nilai pelajar dengan cara memberikan ulangkaji kepada pelajar, bagi mengetahui sejauh mana para pelajar dapat menguasai apa yang telah saya berikan....”, Responden G02 “...saya menilai dengan memberikan semacam kuiz kepada para pelajar dan juga soalan ujian...”, Responden G03 “...sebelum memulai pelajaran saya menguji beberapa pelajar untuk menjelaskan pelajaran yang telah dipelajari pada pertemuan sebelumnya...jika dapat menjelaskan, maka menurut saya dia sudah berhasil memahami maksud dari apa yang telah kami pelajari...”. Responden G04 mengatakan bahawa “...saya menilai dengan cara lisan atau tulisan, contoh cara lisan ialah soal tanya jawab dan temu bual sebelum pelajaran dimulakan dan contoh bentuk tulisan saya memberikan ujian ulang kaji...”.

4.3. Rumusan Dapatan Temu bual Separuh Berstruktur

Analisis dapatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa majoriti guru pengajar tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun menggunakan pakai kaedah terjemah dan bercerita dalam mengajar tafsir, sedangkan dalam hal pentafsiran ayat majoriti guru menggunakan kaedah *taḥlīlī* iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan memaparkan pelbagai aspek yang terkandung di dalam ayat-ayat yang sedang ditafsirkan itu serta menerangkan makna-makna yang termasuk di dalamnya sesuai dengan keahlian dan kecenderungan dari mufasir yang mentafsirkan ayat-ayat tersebut¹. Sehubungan dengan ini, pengkaji dapati daripada temu bual yang dijalankan iaitu Responden G01 sehingga Responden G04 masing-masing menggunakan kaedah ini dalam mengajar.²

Sedangkan kaedah bercerita sebagai penyokong dalam menghubung kaitkan mata pelajaran yang dijalankan, dalam hasil temu bual pengkaji dapati bahawa seluruh responden kajian G01 sehingga G04 mengungkapkan bahawa kaedah bercerita memberikan kesan yang banyak bagi pelajar sehingga para pelajar mudah memahami maksud dan tujuan ayat al-Quran yang diberikan dengan disokong kaedah terjemah.³

4.4. Latar Belakang Responden Soal Selidik

Kajian ini melibatkan 135 orang responden yang mengikuti pengajian tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun Lhoksukon Aceh Utara, responden yang terlibat mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza dan dijelaskan dibawah ini;

4.4.1. Jantina

Jadual 4.2 Jantina

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
Lelaki	70	51.9	51.9
Perempuan	65	48.1	48.1
Jumlah	135	100.0	100.0

¹Nasruddin Baidan, *Metode penafsiran al-Qur'an, Kajian kritis terhadap ayat-ayat yang beredaksi mirip*, (Yogyakarta, pustaka pelajar, 2002), 68

²Temubual dengan guru pengajar tafsir sebagai peserta kajian, soalan no 1, Ogos, 2013

³Temubual dengan guru pengajar tafsir sebagai peserta kajian, soalan no 8, Ogos, 2013

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa jumlah responden dalam kajian ini melibatkan 135 orang pelajar yang mengikuti pengajian tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun Aceh Utara, dari 135 orang pelajar berkenaan 70 orang (51.9%) adalah pelajar lelaki dan 65 (48.1%) adalah pelajar perempuan yang dipilih secara rawak oleh pengkaji.

4.4.2. Umur

Jadual 4.3 Umur

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
12-14 Tahun	40	29.6	29.6
15-16 Tahun	55	40.7	40.7
17-18 Tahun	40	29.6	29.6
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.3 menunjukkan taburan peratusan responden berdasarkan umur. Dari 135 pelajar yang menjawab soalan selidik, seramai 40 orang (29.6%) berumur 12-14 tahun, seramai 55 orang (40.7%) berumur 15-16 tahun, dan manakala seramai 40 orang (29.6%) berumur 17-18 tahun. Jadi responden yang berumur 15-16 tahun paling ramai dalam menjawab soal selidik.

4.4.3. Tahap Pendidikan

Jadual 4.4 Tahap Pendidikan

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
MtsN ⁴	40	29.6	29.6
MAN ⁵	95	70.4	70.4
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun - September 2013

Responden mempunyai perbezaan dari segi aspek latar belakang, selain itu juga mempunyai perbezaan dari aspek tahapan pendidikan, jadual 4.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratus responden mengikut tahap pendidikan, daripada 135 orang pelajar

⁴Madrasah Thanawiyah Negeri

⁵Madrasah ‘Aliyah Negeri

adalah seramai 40 orang (29.6%) dalam tahap pendidikan thanawiyah dan seramai 95 orang (70.4%) dalam tahap pendidikan ‘aliyah.

4.4.4. Tempat Tinggal

Jadual 4.5 Tempat Tinggal

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
Lhoksukon	35	25.9	25.9
Lhokseumawe	27	20.0	20.0
Panton Labu	22	16.3	16.3
Lain-Lain	51	37.8	37.8
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Responden yang terlibat dalam kajian ini berasal dari pelbagai bandar dan kawasan yang ada di Aceh sama ada Aceh Utara, Lhokseumawe, Aceh Timur dan lain-lain. Jadual 4.5 menunjukkan taburan bilangan peratus responden mengikut tempat tinggal. Dari 135 responden pelajar yang menjawab seramai 35 orang (25.9%) responden tinggal di kawasan bandar Lhoksukon, seramai 27 orang (20.0%) responden tinggal di bandar Lhokseumawe, 22 orang (16.3%) responden tinggal di bandar Panton Labu, dan seramai 51 orang (37.8%) responden tinggal di bandar lainnya.

4.4.5. Tempoh Belajar di Dayah

Jadual 4.6 Tempoh Belajar di Dayah

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
1-2 Tahun	19	14.1	14.1
3-4 Tahun	51	37.8	37.8
5-6 Tahun	61	45.2	45.2
6 Tahun ke Atas	4	3.0	3.0
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik Jun – September 2013

Jadual 4.6 menunjukkan taburan bilangan dan peratus responden mengikut tempoh belajar yang telah dijalankan di dayah. Dari 135 orang responden pelajar yang terlibat, seramai 19 orang (14.1%) telah menjalankan tempoh pengajian tafsir selama 1-

2 tahun, seramai 51 orang (37.8%) selama 3-4 tahun, seramai 61 orang pelajar (45.2%) selama tempoh 5-6 tahun, seramai 4 orang (3.0%) selama tempoh 6 tahun ke atas.

4.4.6. Masa Mengikuti Pengajian Tafsir

Jadual 4.7 Masa Mengikuti Pengajian Tafsir

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan%	Jumlah Peratusan
1-2 Tahun	20	14.8	14.8
3-4 Tahun	45	33.3	33.3
5-6 Tahun	69	51.1	51.1
6 Tahun ke Atas	1	0.7	0.7
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik Jun – September 2013

Jadual 4.7 menunjukkan bilangan dan peratus responden pelajar berdasarkan masa mengikuti pengajian tafsir adalah seramai 20 orang (14.8%) responden telah mengikuti pengajian tafsir selama 1-2 tahun, seramai 45 orang (33.3%) responden telah mengikuti pengajian tafsir selama 3-4 tahun, seramai 69 orang (51.1%) responden telah mengikuti pengajian tafsir selama 5-6 tahun, dan seorang (0.7%) responden telah mengikuti pengajian tafsir lebih dari 6 tahun.

4.4.7. Kelas di Dayah

Jadual 4.8 Kelas di dayah

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
2 Thanawiyah	20	14.8	14.8
3 Thanawiyah	20	14.8	14.8
4 ‘Aliyah	25	18.5	18.5
5 ‘Aliyah	29	21.5	21.5
6 ‘Aliyah	41	30.4	30.4
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun – Ogos 2013

Jadual 4.8 menunjukkan taburan bilangan dan peratus responden berdasarkan kedudukan kelas di dayah adalah seramai 20 orang (14.8%) responden duduk di tingkatan 2 thanawiyah, seramai 20 orang (14.8%) responden di tingkatan 3 thanawiyah, seramai 25 orang (18.5%) responden berada di kelas 4 ‘aliyah, seramai 29

orang (21.5%) responden berada di kelas 4 ‘aliyah dan 41 orang (30.4%) responden berada di kelas 6 ‘aliyah.

4.4.8. Masuk Dayah Minat

Jadual 4.9 Minat Masuk Dayah

Kategori	Bil (kekerapan)	Peratusan %	Jumlah Peratusan
Sendiri	112	83.0	83.0
orang tua	17	12.6	12.6
Saudara	5	3.7	3.7
lain-lain	1	0.7	0.7
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun – Ogos 2013

Jadual 4.9 menunjukkan taburan bilangan dan peratus responden berdasarkan minat masuk dan belajar di dayah tersebut. Berdasarkan jadual di atas seramai 112 orang (83.0%) responden masuk dayah berdasarkan minat sendiri, seramai 17 orang (12.6%) responden masuk dayah berdasarkan minat orang tua, seramai lima orang (3.7%) responden masuk dayah berdasarkan minat saudara atau keluarga dan seorang (0.7%) responden masuk dayah berdasarkan minat dari lainnya.

4.5. Keberkesanan Pengajian Tafsir

Dalam hal ini pengkaji menganalisis keberkesanan pengajian tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun Aceh Utara selepas responden yang terlibat mengikuti pengajian tersebut. Bagi mendapatkan keberkesanan yang dimaksudkan, maka pengkaji melihat kepada beberapa aspek iaitu aspek kefahaman responden, aspek amalan responden dan aspek markah peperiksaan yang diperolehi selepas mempelajari pengajian tafsir.

4.5.1. Kefahaman Pelajar

Berikut adalah huraian tentang aspek kefahaman dalam kalangan pelajar yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini, huraian kefahaman mengikut kepada setiap tingkatan responden yang mewakili secara keseluruhan pelajar yang dipilih pengkaji secara rawak.

4.5.1.1. Kefahaman pelajar kelas dua Thanawiyah

Jadual 4.10 Kefahaman pelajar kelas dua Thanawiyah

Jawapan	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Tidak Pasti	3	2.2	2.2	2.2
Setuju	13	9.6	9.6	11.9
Sangat Setuju	4	3.0	3.0	14.8
Tidak Berkaitan	115	85.2	85.2	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Jadual 4.10 menunjukkan kekerapan dan peratusan kefahaman pelajar kelas 2 sebagai responden terhadap soalan yang diberikan secara keseluruhan. Dari sembilan item soalan yang diberikan berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap pengajian tafsir yang telah dijalankan bersesuaian dengan tingkatan masing-masing. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan seramai tiga orang (2.2%) responden menjawab tidak pasti, seramai tiga belas orang (9.6%) responden menjawab setuju dan seramai empat orang (3.0%) responden menjawab sangat setuju. Berikut adalah senarai jadual perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan yang telah diedarkan pengkaji.

Jadual 4.11 Perincian Jawapan Responden Terhadap sembilan Item Soalan

Perincian kefahaman Kelas dua	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B91: Surah al-Fātiḥah terdiri dari 7 ayat	-	-	-	1 (0.7)	19 (14.1)	115 (85.2)
B92: Surah al-Nāas mengandungi "Aku berlindung dari syaitan yang bersembunyi"	-	-	3 (2.2)	8 (5.9)	9 (6.7)	115 (85.2)
B93: Al-Falaq bermaksud gelap gelita	-	1 (0.7)	5 (3.7)	7 (5.2)	7 (5.2)	115 (85.2)
B94: Surah al-Ikhlāṣ menceritakan ke-Esa-an Allah SWT	-	-	-	6 (4.4)	16 (10.4)	115 (85.2)
B95: Surah al-Naṣr menceritakan Fathul Makkah	-	-	3 (2.2)	12 (8.9)	5 (5.7)	115 (85.2)
B96: Surah al-Kāfirūn menceritakan Kisah Abu Lahab dan Isterinya	5 (3.7)	4 (3.0)	1 (0.7)	3 (2.2)	7 (5.2)	115 (85.2)
B97: Surah al-Kāfirūn mengandungi larangan menukar aqidah	1 (0.7)	3 (2.2)	8 (5.9)	5 (3.7)	3 (2.2)	115 (85.2)

Perincian kefahaman Kelas dua	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %				
B98: Surah al-Falaq mengandungi perintah Solat dan kurban	1 (0.7)	5 (3.7)	1 (0.7)	9 (6.7)	4 (3.0)	115 (85.2)
B99: Sihir adalah perbuatan syirik	1 (0.7)	-	-	5 (3.7)	14 (10.4)	115 (85.2)

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.11 perincian di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih pelajar terhadap item-item tertentu bagi menyatakan tahap kefahaman tafsir dalam kalangan pelajar kelas dua yang dijalankan di dayah, dalam item soalan B91, didapati bahawa seorang (0.7%) responden menjawab setuju dan sembilan belas orang (14.1%) responden menjawab sangat setuju.

Dalam item soalan negatif B96 didapati bahawa lima orang (3.7%) menjawab sangat tidak setuju, empat orang (3.0%) menjawab tidak setuju, seorang (0.7%) menjawab tidak pasti, seramai tiga orang (2.2%) menjawab setuju dan manakala seramai tujuh orang (5.2%) menjawab sangat setuju.

Dalam item soalan negatif B98 didapati bahawa seorang (0.7%) menjawab sangat tidak setuju, lima orang (3.7%) menjawab tidak setuju, seorang (0.7%) menjawab tidak pasti, seramai sembilan orang (6.7%) menjawab setuju dan manakala seramai empat orang (3.0%) menjawab sangat setuju.

Daripada jadual perincian didapati bahawa item soalan B91 menduduki peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak dua puluh orang (14.8%) menjawab setuju dan sangat setuju hal ini menunjukkan tingkat kefahaman pelajar yang baik dan soalan yang diberikan mudah difahami oleh responden. Manakala item soalan negatif B98 menduduki peratusan yang rendah iaitu seramai enam orang (4.4%) responden yang menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju, jawapan yang salah dalam item soalan

tersebut adalah jawapan yang benar justeru itu tahap kefahaman responden dalam soalan ini adalah rendah. Hal ini disebabkan sama ada kurangnya kefahaman responden dan soalan yang diberikan memerlukan tumpuan dalam menjawab.

Secara keseluruhan kefahaman pelajar kelas dua adalah baik, hal ini pengkaji perolehi merujuk kepada purata peratusan responden secara keseluruhan terhadap soalan selidik yang diberikan iaitu 12.6% atau dari dua puluh orang pelajar seramai tujuh belas orang 12.6 % menjawab setuju dan sangat setuju atau sama dengan 85% pelajar dapat menjawab dan memahami soalan yang diberikan.

4.5.1.2.Kefahaman pelajar kelas tiga Thanawiyyah

Jadual 4.12 Kefahaman pelajar kelas tiga Thanawiyyah

Jawapan	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Tidak Pasti	9	6.7	6.7	6.7
Setuju	11	8.1	8.1	14.8
Tidak Berkaitan	115	85.2	85.2	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.12 menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih oleh dua puluh responden kelas tiga Thanawiyyah yang dipilih secara rawak terhadap sembilan item soalan yang diberikan mengikut mata pelajaran yang telah dipelajari. Berdasarkan jadual di atas seramai sembilan orang (6.7%) responden menjawab tidak pasti, dan manakala seramai sebelas orang (8.1%) responden menjawab setuju. Berikut adalah senarai jadual perincian jawapan responden terhadap sembilan item soalan yang telah diedarkan pengkaji.

Jadual 4.13 Perincian Jawapan Responden Terhadap Sembilan Item Soalan

Perincian kefahaman Kelas Tiga	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %				
B101: Lailatul Qadar adalah malam seribu bulan	-	-	-	-	20 (14.8)	115 (85.2)

Perincian kefahaman Kelas dua	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B102: Suka menyebar fitnah di umpakan dengan Pembawa kayu bakar	1 (0.7)	9 (6.7)	2 (1.5)	7 (5.2)	1 (0.7)	115 (85.2)
B103: Surat al-Kāfirūn mengandungi 5 ayat	3 (2.2)	6 (4.4)	2 (1.5)	5 (3.7)	4 (3.0)	115 (85.2)
B104: Tidak ada toleransi dalam iman dan ibadah	7 (5.2)	10 (7.4)	-	1 (0.7)	2 (1.5)	115 (85.2)
B105: Pasukan tentara gajah Abrahah menyerang Ka'bah	8 (5.9)	7 (5.2)	2 (1.5)	3 (2.2)	-	115 (85.2)
B106: Surat al-ŷil mengandungi hal bulan puasa	-	-	3 (2.2)	15 (11.1)	2 (1.5)	115 (85.2)
B107: Lailatul qadar terdapat di bulan suci ramadhan	-	-	-	2 (1.5)	18 (13.3)	115 (85.2)
B108: Orang penyebar fitnah senantiasa binasa	1 (0.7)	2 (1.5)	-	3 (2.2)	14 (10.4)	115 (85.2)
B109: Burung ababil yang menolong kaum muslimin dalam perang badar	1 (0.7)	1 (0.7)	-	4 (3.0)	14 (10.4)	115 (85.2)

Sumber: Soalan Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.13 perincian di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih pelajar terhadap item-item tertentu bagi menyatakan tahap kefahaman tafsir dalam kalangan pelajar kelas tiga yang dijalankan di dayah, dalam item soalan B101 didapati bahawa dua puluh orang (14.8%) responden menjawab sangat setuju.

Dalam item soalan negatif B103 didapati bahawa tiga orang (2.2%) responden menjawab sangat tidak setuju, enam orang (4.4%) responden menjawab tidak setuju, dua orang (1.5%) responden menjawab tidak pasti, seramai lima orang (3.7%) menjawab setuju dan manakala seramai empat orang (3.0%) menjawab sangat setuju. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden adalah sederhana dengan sembilan orang (6.6%) menjawab sangat tidak setuju dan setuju.

Dalam item soalan negatif B106 didapati bahawa tiga orang (2.2%) menjawab tidak pasti, seramai lima belas orang (11.1%) menjawab setuju, dan seramai dua orang

(1.5%) menjawab sangat setuju. Jawapan yang sebenarnya bagi soalan ini adalah salah, maka tahap kefahaman responden adalah sangat rendah dengan tidak ada seorang pun (0%) yang menjawab negatif.

Daripada jadual perincian didapati bahawa item soalan B101 menduduki peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak dua puluh orang (14.8%) menjawab sangat setuju, hal ini menunjukkan tingkat kefahaman pelajar baik dan soalan yang diberikan mudah difahami oleh responden. Manakala item soalan negatif B106 menduduki peratusan yang paling rendah iaitu didapati tiada (0%) responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, jawapan yang salah dalam item soalan tersebut adalah jawapan yang benar, justeru itu tahap kefahaman responden dalam soalan ini adalah sangat rendah. Hal ini disebabkan sama ada kurangnya kefahaman responden dan soalan yang diberikan memerlukan tumpuan dalam menjawab.

Secara keseluruhan kefahaman pelajar kelas tiga thanawiyyah adalah baik, hal ini pengkaji dapati merujuk kepada purata peratusan responden secara keseluruhan terhadap soalan selidik yang diberikan iaitu dari dua puluh orang pelajar seramai sebelas orang 8.1% menjawab setuju hal ini sama dengan 55% pelajar secara keseluruhan dapat menjawab dan memahami soalan.

4.5.1.3.Kefahaman pelajar kelas empat ‘Aliyah

Jadual 4.14 Kefahaman kelas empat ‘Aliyah

Jawapan	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Setuju	12	8.9	8.9	8.9
Sangat Setuju	13	9.6	9.6	18.5
Tidak Berkaitan	110	81.5	81.5	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.14 menunjukkan kekerapan dan peratusan kefahaman dua puluh lima orang responden kelas empat ‘aliyah terhadap soalan yang diberikan. Dari sembilan

item soalan diberikan berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap pengajian tafsir yang telah dijalankan bersesuaian dengan tingkatan masing-masing, seramai dua belas orang (8.9%) responden menjawab setuju, seramai tiga belas orang (9.6%) responden menjawab sangat setuju.

Jadual 4.15 Perincian Jawapan Responden Terhadap sembilan Item Soalan

Perincian Kefahaman Kelas Empat	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B111: Dihari kiamat manusia melihat balasan amal walau sebesar biji sawi	3 (2.2)	1 (0.7)	-	4 (3.0)	17 (12.6)	110 (81.5)
B112: Surah al-Tāriq menghuraikan permulaan hari kiamat	2 (1.5)	3 (2.2)	2 (1.5)	2 (1.5)	16 (11.9)	110 (81.5)
B113: Surah al-Tāriq mengandungi 17 ayat	-	-	-	4 (3.0)	21 (15.6)	110 (81.5)
B114: Setiap jiwa ada pemelihara dan pengeturnya	-	-	-	6 (4.4)	19 (14.1)	110 (81.5)
B115: Manusia tidak luput dari ketentuan Allah SWT	-	-	1 (0.7)	3 (2.2)	21 (15.6)	110 (81.5)
B116: Manusia diciptakan dari segumpal darah	-	-	-	10 (7.4)	15 (11.1)	110 (81.5)
B117: Surah al-Zalzalah mengandungi perkara Bumi bergoncang hari kiamat	-	-	-	4 (3.0)	21 (15.6)	110 (81.5)
B118: Al-Zalzalah mengandungi 8 ayat	-	-	-	1 (0.7)	24 (17.8)	110 (81.5)
B119: Surah al-Lahab mengandungi hikmah penciptaan diri manusia	11 (8.1)	5 (3.7)	4 (3.0)	2 (1.5)	3 (2.2)	110 (81.5)

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.15 perincian di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih pelajar terhadap item-item tertentu bagi menyatakan tahap kefahaman tafsir dalam kalangan pelajar kelas empat yang dijalankan di dayah, dalam item soalan B118 didapati bahawa seorang (0.7%) responden menjawab setuju dan seramai dua puluh empat orang (17.8%) responden sangat setuju.

Dalam item soalan negatif B112 didapati bahawa dua orang (1.5%) responden menjawab sangat tidak setuju dan seramai tiga orang (2.2%) responden menjawab tidak

setuju, dua orang (1.5%) responden menjawab tidak pasti, seramai dua orang (1.5%) menjawab setuju dan manakala seramai enam belas orang (11.9%) menjawab sangat setuju. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden adalah rendah dengan lima orang (3.7%) menjawab sangat tidak setuju dan setuju.

Dalam item soalan negatif B119 didapati bahawa sebelas orang (8.1%) menjawab sangat tidak setuju, lima orang (3.7%) responden menjawab tidak setuju, seramai empat orang (3.0%) menjawab tidak pasti, seramai dua orang (1.5%) menjawab setuju dan tiga orang (2.2%) menjawab sangat setuju. Jawapan yang sebenarnya soalan ini adalah salah, maka tahap kefahaman responden adalah tinggi dengan enam belas orang (11.9%) menjawab negatif.

Daripada jadual perincian didapati bahawa item soalan B118 menduduki peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak dua puluh lima orang (18.5%) menjawab sangat setuju, hal ini menunjukkan tingkat kefahaman pelajar baik dan soalan yang diberikan mudah difahami oleh responden. Manakala item soalan negatif B112 menduduki peratusan yang paling rendah iaitu didapati lima orang (3.7%) responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, jawapan yang salah dalam item soalan tersebut adalah jawapan yang benar, justeru itu tahap kefahaman responden dalam soalan ini adalah sangat rendah. Hal ini disebabkan kurangnya kefahaman responden dan soalan yang memerlukan tumpuan dalam menjawab.

Secara keseluruhan kefahaman pelajar kelas 4 ‘aliyah adalah baik, hal ini pengkaji dapati merujuk kepada purata peratusan responden secara keseluruhan terhadap soal selidik yang diberikan iaitu dari dua puluh lima orang pelajar seramai dua belas orang (8.9%) menjawab setuju dan tiga belas orang (9.6%) menjawab sangat setuju, hal ini menunjukkan secara keseluruhan responden dapat menjawab dan memahami soalan.

4.5.1.4.Kefahaman pelajar kelas lima ‘Aliyah

Jadual 4.16 Kefahaman pelajar kelas lima ‘Aliyah

Jawapan	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Tidak Pasti	7	5.2	5.2	5.2
Setuju	22	16.3	16.3	21.5
Tidak Berkaitan	106	78.5	78.5	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.16 menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih oleh dua puluh sembilan responden kelas lima ‘aliyah yang dipilih secara rawak bagi menjawab sembilan soalan yang diberikan mengikut mata pelajaran yang telah dipelajari. Berdasarkan jadual di atas seramai tujuh orang (5.2%) responden menjawab tidak pasti, dan seramai dua puluh dua orang (16.3%) menjawab setuju.

Jadual 4.17 Perincian Jawapan Responden Terhadap sembilan Item Soalan

Perincian kefahaman Kelas Lima	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B121: Sindiran Allah bagi penduduk neraka tentang datangnya kiamat	1 (0.7)	2 (1.5)	-	1 (0.7)	25 (18.5)	106 (78.5)
B122: Hari kiamat manusia 2 golongan iaitu kafir dan muslim	-	1 (0.7)	1 (0.7)	7 (5.2)	20 (14.8)	106 (78.5)
B123: Surah al-Kawthar mengandungi tentang penghuni neraka	26 (19.3)	2 (1.5)	-	1 (0.7)	-	106 (78.5)
B124: Syurga adalah setinggi-tingginya tempat	-	-	-	3 (2.2)	26 (19.3)	106 (78.5)
B125: Surah al-Ghāshiyah ayat 8-16 bercerita keindahan syurga	2 (1.5)	2 (1.5)	-	2 (1.5)	23 (17.0)	106 (78.5)
B126: Allah menganjurkan perhatian kepada alam semesta dengan ciptaan unta	3 (2.2)	6 (4.4)	1 (0.7)	17 (12.6)	2 (1.5)	106 (78.5)
B127: Syurga dan keindahannya untuk orang kafir	27 (20.0)	-	-	2 (1.5)	-	106 (78.5)
B128: Al-Ghāshiyah terdiri dari 26 ayat	-	-	-	3 (2.2)	26 (19.3)	106 (78.5)
B129: Al-Ghāshiyah bermaksud hari kemenangan	11 (8.1)	5 (3.7)	4 (3.0)	2 (1.5)	3 (2.2)	106 (78.5)

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.17 perincian di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih pelajar terhadap item-item tertentu bagi menyatakan tahap kefahaman tafsir dalam kalangan pelajar kelas lima yang dijalankan di dayah, dalam item soalan B124 dan B128 didapati bahawa seramai tiga orang (2.2%) responden menjawab setuju dan seramai dua puluh enam orang (19.3%) responden sangat setuju. Hal ini menunjukkan kefahaman responden adalah tinggi.

Dalam item soalan negatif B123 didapati bahawa dua puluh enam orang (19.3%) responden menjawab sangat tidak setuju dan seramai dua orang (1.5%) responden menjawab tidak setuju, jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden adalah tinggi dengan dua puluh lapan orang (20.8%) menjawab sangat tidak setuju dan setuju.

Dalam item soalan negatif B127 didapati bahawa dua puluh tujuh orang (20%) menjawab sangat tidak setuju, seramai dua orang (1.5%) menjawab setuju. Jawapan yang sebenarnya bagi soalan ini adalah salah, maka tahap kefahaman responden adalah tinggi dengan dua puluh tujuh orang (20.0%) responden menjawab negatif.

Daripada jadual perincian didapati bahawa item soalan B124 dan B128 menduduki peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak dua puluh sembilan orang (21.5%) menjawab sangat setuju dan setuju, hal ini menunjukkan tingkat kefahaman pelajar baik dan soalan yang diberikan mudah difahami oleh responden. Manakala item soalan negatif B123 menduduki peratusan tinggi iaitu didapati dua puluh sembilan orang (20.8%) responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, jawapan yang salah dalam soalan tersebut adalah jawapan yang benar, justeru itu tahap kefahaman responden dalam soalan ini adalah tinggi.

Secara keseluruhan kefahaman pelajar kelas lima ‘aliyah adalah tinggi, hal ini pengkaji dapati merujuk kepada purata peratusan responden secara keseluruhan terhadap soal selidik yang diberikan iaitu dari dua puluh sembilan orang pelajar, seramai dua puluh dua orang (16.3%) menjawab setuju, hal ini menunjukkan 75.8% secara keseluruhan responden dapat menjawab dan memahami soalan dengan sangat baik.

4.5.1.5.Kefahaman Pelajar kelas enam ‘Aliyah

Jadual 4.18 Kefahaman pelajar kelas 6 Aliyah

Kategori	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Tidak Pasti	15	11.1	11.1	11.1
Setuju	24	17.8	17.8	28.9
Sangat Setuju	2	1.5	1.5	30.4
Tidak Berkaitan	94	69.6	69.6	100.0
Total	135	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.18 menunjukkan kekerapan dan peratusan kefahaman empat puluh satu orang responden kelas enam ‘aliyah terhadap soalan yang diberikan. Dari sembilan item soalan yang diberikan berkaitan dengan pengajian tafsir yang telah dipelajari, jadual di atas menunjukkan bahawa seramai lima belas orang (11.1%) responden menjawab tidak pasti, seramai dua puluh empat orang (17.8%) responden menjawab setuju dan seramai dua orang (1.5%) responden sangat setuju.

Jadual 4.19 Perincian Jawapan Responden Terhadap sembilan Item Soalan

Perincian kefahaman Kelas Enam	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B131: Surah al-Ghāshiyah menghuraikan penderitaan orang kafir dan nikmah muslim	1 (0.7)	4 (3.0)	9 (6.7)	16 (11.9)	11 (8.1)	94 (69.6)
B132: Malaikat Israfil meniup sangkarkala dan manusia hidup kembali	1 (0.7)	8 (5.9)	1 (0.7)	13 (9.6)	18 (13.8)	94 (69.6)
B133: Surah al-Naba' termasuk surah makkiyah	-	2 (1.5)	13 (9.6)	17 (12.6)	9 (6.7)	94 (69.6)

Perincian kefahaman Kelas dua	STS	TS	TP	S	SS	TB
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
B134: Kandungan utama surah al-Naba' iaitu keimanan	-	5 (3.7)	11 (8.1)	18 (13.3)	7 (5.2)	94 (69.6)
B135: perselisihan mukmin dan musyrik quraisy tentang hari kebangkitan	13 (9.6)	12 (8.9)	2 (1.5)	11 (8.1)	3 (2.2)	94 (69.6)
B136: Surah al-Ghāshiyah mengandungi tentang orang yang berjiwa tenang dan wajah berseri	1 (0.7)	5 (3.7)	8 (5.9)	17 (12.6)	10 (7.4)	94 (69.6)
B137: Neraka Jahannam disediakan untuk mereka yang beramal buruk	1 (0.7)	3 (2.2)	-	7 (5.2)	30 (22.2)	94 (69.6)
B138: Surah al-Naba' mengandungi 45 ayat	6 (4.4)	2 (1.5)	10 (7.4)	19 (14.1)	4 (3.0)	94 (69.6)
B139: Syurga adalah balasan bagi orang yang bertaqwa	-	2 (1.5)	-	5 (3.7)	34 (25.2)	94 (69.6)

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.19 perincian di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan yang dipilih pelajar terhadap item-item tertentu bagi menyatakan tahap kefahaman tafsir dalam kalangan pelajar kelas enam yang dijalankan di dayah, dalam item soalan B139 didapati bahawa seramai lima orang (3.7%) responden menjawab setuju dan seramai tiga puluh empat orang (25.2%) responden sangat setuju. Hal ini menunjukkan kefahaman responden adalah tinggi.

Dalam item soalan negatif B131 didapati bahawa seorang (0.7%) responden menjawab sangat tidak setuju dan seramai empat orang (3.0%) responden menjawab tidak setuju, Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden adalah sangat rendah iaitu hanya lima orang (3.7%) menjawab sangat tidak setuju dan setuju.

Dalam item soalan negatif B138 didapati bahawa enam orang (4.4%) menjawab sangat tidak setuju, seramai dua orang (1.5%) menjawab tidak setuju. Jawapan yang sebenarnya soalan ini adalah salah, maka tahap kefahaman responden adalah rendah

iaitu hanya lapan orang (5.9%) responden menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Daripada jadual perincian didapati bahawa item soalan B139 menduduki peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak tiga puluh sembilan orang (28.9%) menjawab sangat setuju dan setuju, hal ini menunjukkan tingkat kefahaman pelajar tinggi dan soalan yang diberikan mudah difahami oleh responden. Manakala item soalan negatif B131 menduduki peratusan paling rendah iaitu didapati lima orang (3.7%) responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, jawapan yang salah dalam item soalan tersebut adalah jawapan yang benar, justeru itu tahap kefahaman responden dalam soalan ini adalah sangat rendah.

Secara keseluruhan kefahaman pelajar kelas enam adalah tinggi, hal ini pengkaji dapati merujuk kepada purata peratusan responden secara keseluruhan terhadap soal selidik yang diberikan iaitu dari empat puluh satu orang pelajar, seramai dua puluh enam orang (19.3%) menjawab setuju dan sangat setuju, hal ini menunjukkan 63.4% secara keseluruhan responden dapat menjawab dan memahami soalan dengan baik.

Analisis kefahaman secara keseluruhan pelajar kelas dua thanawiyyah sehingga kelas enam ‘aliyah adalah seramai tiga puluh empat orang (25.2%) responden menjawab tidak pasti, seramai lapan puluh dua orang (60.7%) responden menjawab setuju dan seramai sembilan belas orang (14.1%) responden menjawab sangat setuju. Jumlah peratusan kefahaman secara keseluruhan pelajar adalah 74.8%, nilai ini menunjukkan bahawa secara am kefahaman pelajar akan pengajian tafsir yang telah dipelajari adalah baik dan kaedah yang diguna pakai diminati pelajar, namun masih perlu ditingkatkan lagi sehingga mencapai peratusan yang lebih baik. Hal ini dapat dijelaskan melalui jadual 4.20 dan carta berikut ini:

Jadual 4.20 Kefahaman Keseluruhan Pelajar

Katagori	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Tidak Pasti	34	25.2	25.2	25.2
Setuju	82	60.7	60.7	85.9
Sangat Setuju	19	14.1	14.1	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013



4.5.3 Amalan Pelajar

Jadual 4.21 Soalan amalan negatif secara keseluruhan

Jawapan	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah
Tidak Pernah	97	71.9	71.9
Kadang-kadang	36	26.7	26.7
Kerap	2	1.5	1.5
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik Jun – September 2013

Jadual 4.21 menunjukkan kekerapan dan peratusan amalan seratus tiga puluh lima orang responden kelas dua thanawiyyah sehingga kelas enam ‘aliyah secara keseluruhan terhadap tujuh item soalan negatif yang diberikan berkaitan dengan amalan pelajar selepas mengikuti pengajian tafsir. Berdasarkan jadual 4.21 seramai sembilan puluh tujuh orang (71.9%) responden menjawab tidak pernah, seramai tiga puluh enam orang (26.7%) menjawab kadang-kadang, dan seramai dua orang (1.5%) menjawab kerap. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan itu, maka tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Hal ini pengkaji dapati daripada jadual 4.21 yang menunjukkan bahawa seratus tiga puluh tiga orang (98.5%) responden menjawab sangat tidak setuju dan kadang-

kadang dan hanya dua orang (1.5%) responden yang menjawab kerap. Berikut adalah jadual 4.23 perincian tujuh item soalan negatif tersebut.

Jadual 4.22 Perincian tujuh Item Soalan Negatif

Perincian amalan negatif kelas dua – kelas enam	Tidak Pernah	Kadang-kadang	Sederhana	Kerap	Amat Kerap
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
C141: Anda memberikan pemujaan (sesajen) kepada kuburan keramat	128 94.8	3 2.2	1 0.7	1 0.7	2 1.5
C142: Anda mendatangi bomo (dukun)	125 92.6	6 4.4	2 1.5	1 0.7	1 0.7
C144: Anda menyembah selain Allah SWT	128 94.8	-	1 0.7	3 2.2	3 2.2
C146: Anda pernah memfitnah orang lain	76 56.3	42 31.1	2 1.5	12 8.9	3 2.2
C148: Anda mengikuti kegiatan Valentin	115 85.2	14 10.4	3 2.2	1 0.7	2 1.5
C1410: Anda suka bermegah-megah dalam berpakaian	36 26.7	49 36.3	29 21.5	15 11.1	6 4.4
C1416: Anda mendustakan ayat-ayat Allah SWT	130 96.3	1 0.7	-	-	4 3.0

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.23 Soalan amalan positif secara keseluruhan

Jawapan	Bilangan	Peratusan	Peratusan Sah
Sederhana	3	2.2	2.2
Kerap	86	63.7	63.7
Amat Kerap	46	34.1	34.1
Jumlah	135	100.0	100.0

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Jadual 4.23 menunjukkan kekerapan dan peratusan amalan seratus tiga puluh lima orang responden kelas dua thanawiyyah sehingga kelas enam ‘aliyah secara keseluruhan terhadap tiga belas item soalan positif yang diberikan berkaitan dengan amalan pelajar selepas mengikuti pengajian tafsir. Berdasarkan jadual 4.23 seramai tiga orang (2.2%) responden menjawab sederhana, seramai lapan puluh enam orang (63.7%) menjawab

kerap dan seramai empat puluh enam orang (34.1%) menjawab amat kerap. sehubungan dengan itu, maka tahap kefahaman responden kajian ini adalah tinggi.

Hal ini pengkaji dapati daripada jadual 4.23 yang menunjukkan bahawa 132 orang (97.8%) responden menjawab kerap dan aman kerap dan hanya 3 orang (2.2%) responden yang menjawab sederhana. Berikut adalah jadual 4.24 perincian 13 item soalan positif tersebut.

Jadual 4.24 Perincian 13 Item Soalan Positif

Perincian amalan positif kelas dua – kelas enam	Tidak Pernah	Kadang-kadang	Sederhana	Kerap	Amat Kerap
Soalan	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %	Bil %
C143: Anda terus memohon kepada Allah jika mendapat masalah	1 0.7	9 6.7	6 4.4	35 25.9	84 62.2
C145: Anda melaksanakan solat 5 waktu sehari semalam	-	6 4.4	3 2.2	33 24.4	93 68.9
C147: Yakinkah anda akan datangnya pertolongan Allah SWT	1 0.7	4 3.0	6 4.4	31 23.0	93 68.9
C149: Anda beriqiqaf di bulan ramadhan	6 4.4	47 34.8	17 12.6	24 17.8	41 30.4
C1411: Anda berbagi ilmu kepada orang lain	-	32 23.7	16 11.9	46 34.1	41 30.4
C1412: Anda yakin akan datangnya hari kiamat dalam berpakaian	-	3 2.2	2 1.5	19 14.1	111 82.2
C1413: Percayakah anda akan azab kubur	-	1 0.7	1 0.7	16 11.9	117 86.7
C1414: Anda berdoa memohon syurga dan jauh dari neraka	-	3 2.2	3 2.2	22 16.3	107 79.3
C1415: Anda bertadabbur tentang ciptaan Allah SWT	10 7.4	10 7.4	10 7.4	18 13.3	87 64.4
C1417: Anda bersyukur atas nikmat Allah SWT	-	3 2.2	2 1.5	32 23.7	98 72.6
C1418: Anda memahami kandungan al-Qur'an	-	29 21.5	27 20.0	28 20.7	51 37.8
C1419: Anda Membaca al-Qur'an	-	9 6.7	8 5.9	27 20.0	91 67.4
C1420: Anda membaca Tafsir al-Qur'an	-	30 22.2	11 8.1	37 27.4	57 42.2

Sumber: Soal Selidik Jun – September 2013

Daripada jadual 4.21 dan jadual 4.23 di atas menunjukkan bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai amalan yang tinggi hal ini, pengkaji dapati daripada jawapan responden terhadap dua puluh item soalan negatif dan positif yang diberikan pengkaji. Bagi tujuh soalan negatif, peratusan jawapan responden di tunjukan dalam jadual 4.21 iaitu seramai sembilan puluh tujuh orang (71.9%) responden menjawab tidak pernah, seramai tiga puluh enam orang (26.7%) menjawab kadang-kadang dan seramai dua orang (1.5%) menjawab kerap. Secara amnya adalah seratus tiga puluh tiga orang (98.5%) responden menjawab sangat tidak setuju dan kadang-kadang dan hanya dua orang (1.5%) responden yang menjawab kerap. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Sedangkan bagi tiga belas item soalan positif peratusan jawapan responden ditunjukkan dalam jadual 4.23 iaitu seramai tiga orang (2.2%) responden menjawab sederhana, seramai lapan puluh enam orang (63.7%) menjawab kerap dan seramai empat puluh enam orang (34.1%) menjawab amat kerap. Secara amnya adalah seratus tiga puluh dua orang (97.8%) responden menjawab kerap dan amat kerap dan hanya tiga orang (2.2%) responden yang menjawab sederhana. Sehubungan dengan itu, maka tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi. Secara keseluruhan dari dua puluh item soalan yang diberikan menunjukkan bahawa tingkat kefahaman responden yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggi.

4.5.3. Analisis Markah Hasil Peperiksaan


Analisis ini dilakukan untuk melihat keberkesanan yang diperolehi oleh pelajar daripada aspek tahap hasil pencapaian peperiksaan selepas mengikuti pengajian tafsir secara keseluruhan mengikuti peringkat kecemerlangan yang telah ditetapkan. Hasil analisis menunjukkan bahawa daripada seratus tiga puluh lima orang pelajar yang

terlibat dalam kajian ini didapati bahawa seramai enam belas orang responden (11.9%) mencapai tahap cemerlang, seramai lima puluh orang responden (37%) mencapai tahap baik sekali, seramai lima puluh tiga orang responden (39.3%) mencapai tahap baik, seramai lima belas orang responden (11.1%) mencapai tahap cukup dan seramai seorang responden (0.7%) mencapai tahap lemah. Hal ini ditunjukkan dalam senarai jadual 4.25 dan carta sebagai berikut:

Jadual 4.25 Markah Ujian Keseluruhan Pelajar

Peringkat	Bilangan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
90-100 = Cemerlang	16	11.9	11.9	11.9
80-89 = Baik Sekali	50	37.0	37.0	48.9
70-79 = Baik	53	39.3	39.3	88.1
60-69 = Cukup	15	11.1	11.1	99.3
40-59 = Lemah	1	0.7	0.7	100.0
Jumlah	135	100.0	100.0	

Sumber: Senarai Hasil Peperiksaan 2013



Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masih ada pelajar yang belum mendapatkan hasil yang maksimum, meskipun tahapan lulus dengan peringkat baik dan baik sekali mempunyai peratusan yang besar tetapi bilangan pelajar dengan peringkat cukup mempunyai peratusan 11.1% dan yang lemah atau gagal juga masih ada walaupun hanya mencapai seorang pelajar (0.7%).

Hal ini disebabkan beberapa aspek di antaranya kurangnya tumpuan yang diberikan pelajar dan pelajar masih kurang kefahaman mata pelajaran tafsir. Jadi secara keseluruhan kesan yang diperolehi pelajar dalam mata pelajaran tafsir yang telah dipelajari adalah baik dan masih pada tahap sederhana, hal ini perlu ditingkatkan lagi

dengan mempertimbangkan pelbagai aspek yang dapat meningkatkan kesan pelajar terhadap pengajian tafsir.

4.6. Rumusan

4.6.1. Analisis Deskriptif Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun

4.6.1.1. Analisis Kaedah Pengajaran Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun

Dapatan kajian ini menunjukkan kaedah yang diguna pakai guru pengajar di dayah terpadu Al-Muslimun khususnya mata pelajaran tafsir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden guru memilih kaedah terjemah sebagai kaedah utama, dalam pengajaran ini peranan guru amat penting bagi menterjemahkan ayat serta mengadakan sesi perbincangan bersama pelajar bagi mengukuhkan kefahaman dan ingatan pelajar. Kaedah ini merupakan kaedah yang mudah diikuti oleh setiap pelajar sebagai menyokong kaedah bercerita bagi memberikan kefahaman kepada pelajar dan guru bertindak sebagai fasilitator untuk merumuskan dan mengeluarkan isi penting sebagai bahan catatan pelajar. Selain itu kaedah kedua yang menjadi pilihan iaitu kaedah bercerita, hasil ini didapati daripada temu bual yang dijalankan pengkaji.⁶

Sedangkan kaedah yang digunakan guru-guru dalam pentafsiran ayat al-Quran yang diberikan kepada pelajar adalah majoriti guru-guru menggunakan kaedah taḥlīl sebagai kaedah penyokong dalam mengajar pengajian tafsir, dapatan kajian ini diperkuat juga dengan keberkesanan yang diperolehi pelajar dalam mata pelajaran tafsir mengikut kepada tiga aspek iaitu aspek kefahaman, aspek amalan dan aspek markah peperiksaan.

4.6.1.2. Analisis keberkesanan pelajar dalam pengajian tafsir

Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan pelajar dalam pengajian tafsir yang ditinjau dari tiga aspek iaitu pertama, aspek kefahaman, kedua, aspek amalan dan ketiga

⁶Temubual dengan guru-guru pengajar mata pelajaran tafsir, Ogos – September 2013

aspek markah peperiksaan. Dapatan kajian aspek pertama iaitu kefahaman, menunjukkan bahawa jumlah peratusan kefahaman secara keseluruhan pelajar adalah 74.8%. Nilai ini menunjukkan bahawa secara am kefahaman pelajar akan pengajian tafsir yang telah dipelajari adalah baik dan kaedah yang diguna pakai diminati pelajar, namun masih perlu ditingkatkan lagi sehingga mencapai peratusan yang lebih baik.

Dapatan kajian aspek kedua iaitu amalan pelajar menunjukkan bahawa kefahaman pelajar atau responden yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggi, hal ini pengkaji dapati daripada jawapan responden terhadap dua puluh item soalan negatif dan positif yang diberikan kepada responden.

Bagi tujuh item soalan negatif, jawapan responden menunjukkan seramai seratus tiga puluh tiga orang (98.5%) responden menjawab sangat tidak setuju dan kadang-kadang dan hanya dua orang (1.5%) responden yang menjawab kerap. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu, tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Bagi tiga belas item soalan positif, jawapan responden menunjukkan bahawa seramai seratus tiga puluh dua orang (97.8%) responden menjawab kerap dan amat kerap dan hanya tiga orang (2.2%) responden yang menjawab sederhana. Sehubungan dengan itu, maka tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Dapatan kajian aspek ketiga iaitu markah peperiksaan pelajar bahawa masih ada pelajar yang belum mendapatkan hasil yang maksimum, meskipun tahapan lulus dengan peringkat baik dan baik sekali mempunyai peratusan yang besar, tetapi bilangan pelajar dengan peringkat cukup mempunyai peratusan 11.1% dan yang lemah atau gagal juga masih ada walaupun hanya mencapai seorang pelajar (0.7%). Hal ini disebabkan beberapa aspek diantaranya kurangnya tumpuan yang diberikan pelajar dan pelajar masih kurang kefahaman dalam mata pelajaran tafsir.

Secara keseluruhan kesan yang diperolehi pelajar dalam mata pelajaran tafsir yang telah dipelajari adalah baik, namun hal ini perlu ditingkatkan lagi sehingga tahap keberkesanan yang diperolehi lebih baik lagi ditunjukkan dengan hasil markah peperiksaan yang memuaskan.

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1. Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan ke atas empat orang guru pengajar tafsir dan seratus tiga puluh lima orang pelajar lelaki dan perempuan daripada dayah terpadu Al-Muslimun di kawasan Aceh Utara, mereka adalah para pelajar yang telah mengikuti pengajian tafsir selama berada di dayah tersebut. Kajian ini telah dijalankan dengan melibatkan jantina, umur, tahap pendidikan, tempat tinggal, masa mengikuti pengajian, kelas dan minat masuk ke dayah untuk belajar.

Dalam kajian ini guru diminta menjawab soalan temu bual yang dijalankan pengkaji secara khusus bertujuan mengetahui kaedah yang digunakan pengajar dalam pelajaran tafsir, seterusnya pelajar telah diminta mengisi borang soal selidik dan menjawab soalan-soalan secara khusus bertujuan mengesangkan kegiatan pengajian tafsir yang telah mereka ikuti selama di dayah tersebut. Dua bentuk data iaitu data berbentuk kualitatif dan data berbentuk kuantitatif telah diproses melalui SPSS dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis kandungan. Daripada analisis tersebut satu penemuan telah diperolehi berkaitan dengan kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam pengajian dan keberkesanannya dalam kalangan pelajar.

Dalam bab IV dijelaskan beberapa penemuan berkaitan dengan kaedah yang digunakan oleh guru pengajar mata pelajaran tafsir setelah melalui proses temu bual dan pengesahan hasil yang diperolehi dan seterusnya penemuan terhadap kesan yang didapati oleh pelajar selepas mengikuti pengajian tafsir dengan kaedah yang diajarkan dengan melihat kepada tiga aspek iaitu kefahaman, amalan dan markah peperiksaan pelajar, dalam bab ini pengkaji membincangkan kesimpulan secara keseluruhan kajian.

5.2. Kesimpulan Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti bentuk dan sejarah pengajian tafsir di dayah di Indonesia. Ianya juga cuba mengkaji sejarah perkembangan pengajian tafsir di Aceh dan seterusnya kajian ini juga dibuat untuk menganalisis kaedah pengajaran yang diguna pakai dan keberkesanannya dalam pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun di Aceh Utara.

5.2.1. Pengajian Tafsir di Dayah Indonesia

Sejarah masuknya Islam ke Nusantara adalah hal terpenting dalam proses perkembangan tafsir di Nusantara dan Indonesia, kedatangan peniaga muslim daripada Arab, Gujarat dan Parsi yang merupakan proses awal masuknya Islam ke Indonesia dengan memperkenalkan al-Quran sebagai kitab ajaran utama dalam kehidupan umat Islam. Pada abad ke-16 di Nusantara telah muncul proses penulisan tafsir yang dapat dilihat dari naskah tafsir surat al-Kahfi {18};⁹ teknik tafsir ini ditulis secara parsial berdasarkan surah tertentu, iaitu surah al-Kahfi dan tidak tahu siapa penulisnya.

Sejarah tafsir juga ditunjukkan melalui gerakan pembaharuan Islam di Nusantara iaitu ulama abad ke-17 iaitu Hamzah al-Fansuri dan Shams al-Din al-Sumatrani. Keduanya merupakan intelek muslim berpengaruh dalam pembaharuan Islam di abad ke-17. Setelah itu muncullah seorang ulama terkenal iaitu ‘Abd al-Raūf al-Singkili (1615 M-1695 M), beliau dikenal sebagai seorang ulama dan mufasir terawal yang menulis sebuah kitab tafsir lengkap 30 juzuk dengan bertajuk *al-Tarjumān al-Mustafid*.

Pengajaran al-Quran di Indonesia tidak berhenti setakat abad ke-17 sahaja, namun terus maju dan berkembang mengikuti pembaharuan. Tempoh pentafsiran yang pelbagai corak bermula pada zaman Muhammad ‘Abduh 1849-1905, corak-corak tersebut mulai berkembang dan tertuju kepada sastera kemasyarakatan sehingga perkembangan sampai di Nusantara.

Kini dapat dijumpai berbagai tafsiran di Indonesia sama ada yang bersifat pengembangan dari tafsir yang telah ada atau yang bersifat idea baru dalam pentafsiran. Pada peringkat awal pendidikan Islam ditunjukkan dengan adanya hubung kait antara mubaligh sebagai pendakwah dengan masyarakat sekitar, kemudian berkembang dan terbentuklah masyarakat muslim. Setelah terbentuknya masyarakat muslim bermulalah rumah ibadah (masjid) dijadikan sebagai pusat pengembangan pendidikan Islam. Selari dengan tahap perkembangannya muncullah institusi dan lembaga pendidikan di luar daripada masjid. Lembaga ini di Jawa disebut pesantren, di Sumatera Barat disebut surau dan di Aceh disebut rangkang atau dayah.

Pengajian tafsir di pesantren atau dayah pada tahap awal umumnya menjadikan kitab *Tafsīr al-Jalalāyin* sebagai rujukan dalam bidang tafsir bahkan kini pesantren juga menggunakan *tafsīr Ibn Kathīr* hingga *tafsīr al-Ibriz* karya Mustafa Bisri sebagai rujukan. Pesantren kini tidak hanya setakat mengajar al-Quran tetapi juga ilmu yang mendukung dalam ajaran Islam seperti *tawhīd*, *ḥadīth*, *feqah*, *tafsīr* dan lainnya.

5.2.2. Pengajian Tafsir di Dayah di Aceh

Dayah memiliki peranan penting dalam pendidikan Islam di Aceh dalam pelbagai bidang ilmu sejak abad ke-17, hal ini ditunjukkan dengan perkembangan sistem pendidikan di dayah dalam mencapai matlamat memajukan agama dan masyarakat Aceh, mulai dari perubahan bentuk salafi kepada terpadu seperti kini banyak di Aceh. Dayah pertama di Aceh bernama Dayah Cot Kala yang dipimpin oleh Tgk Muhammad Amin atau yang lebih dikenal dengan Tgk Chik Cot Kala, kemudian beliau menjadi Raja Peureulak, para alumni dari dayah ini menyebarkan Islam ke seluruh Aceh dan mendirikan dayah-dayah.

Dayah-dayah ini berdiri dan maju dengan pesat pada zamannya dan pada masa Kesultanan Aceh, dayah menawarkan tiga tahap pengajaran, rangkang (junior), bale

(senior) dan dayah Manyang (universiti), pengajian tafsir di dayah di Aceh sangat dipengaruhi oleh tiga zaman perkembangan yang terjadi di dayah iaitu mulai dari zaman masuknya Islam ke Aceh, zaman keemasan dayah di Aceh dan zaman kemunduran.

Masyarakat Aceh mengenal Islam secara beransur-ansur bermula dari pendidikan dasar Islam iaitu pengajian dalam bentuk amal ibadah solat lima waktu, membaca al-Quran, memahami dan mengamalkannya yang diajarkan sejak kecil kepada masyarakat dengan bantuan para ulama dan tengku yang diajarkan di balai pengajian, meunasah, dayah dan rumah. Hal ini berlangsung dari awal mula masuknya Islam sehingga melahirkan banyak ulama-ulama Aceh yang berasaskan pendidikan dasar dari dayah. Kini dayah sudah menjadi suatu lembaga pendidikan yang mashūr dalam kalangan masyarakat Aceh dan terus mengalami perkembangan.

5.2.3. Kaedah Pengajaran dan Keberkesannya

Bagi mendapatkan kaedah pengajaran, maka pengkaji menggunakan kaedah temu bual separuh berstruktur kepada empat orang guru mewakili 80% daripada jumlah lima orang guru yang mengajar mata pelajaran tafsir. Analisis dapatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa majoriti guru pengajar tafsir di dayah terpadu Al-Muslimun mengguna pakai kaedah terjemah dan bercerita dalam mengajar tafsir.

Bagi pentafsiran ayat majoriti guru menggunakan kaedah *tahlīl* iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan memaparkan pelbagai aspek yang terkandung di dalam ayat-ayat yang sedang ditafsirkan itu serta menerangkan makna-makna yang ada di dalamnya sesuai dengan keahlian dan kecenderungan dari mufasir yang mentafsirkan ayat-ayat tersebut.

Bagi mendapatkan keberkesanan pelajar, maka pengkaji melihat kepada tiga aspek iaitu aspek kefahaman, aspek amalan dan aspek markah peperikasaan.

Aspek kefahaman menunjukkan bahawa jumlah peratusan kefahaman secara keseluruhan pelajar adalah 74.8%. Nilai ini menunjukkan bahawa secara am kefahaman pelajar adalah baik dan kaedah yang diguna pakai diminati pelajar.

Aspek amalan pelajar menunjukkan bahawa kefahaman responden yang terlibat dalam kajian ini adalah tinggi, hal ini pengkaji dapati daripada jawapan responden terhadap 20 item soalan negatif dan positif yang diberikan kepada responden. Bagi 7 item soalan negatif, jawapan responden menunjukkan seramai 133 orang (98.5%) responden menjawab sangat tidak setuju dan kadang-kadang dan hanya dua orang (1.5%) responden yang menjawab kerap. Jawapan yang sebenarnya adalah salah, sehubungan dengan itu tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Bagi 13 item soalan positif, jawapan responden menunjukkan bahawa seramai 132 orang (97.8%) responden menjawab kerap dan amat kerap dan hanya tiga orang (2.2%) responden yang menjawab sederhana. Sehubungan dengan itu, maka tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi.

Aspek markah peperiksaan pelajar menunjukkan bahawa masih ada pelajar yang belum mendapatkan hasil yang maksimum, meskipun tahapan lulus dengan peringkat baik dan baik sekali mempunyai peratusan yang besar, tetapi bilangan pelajar dengan peringkat cukup mempunyai peratusan 11.1% dan yang lemah atau gagal juga masih ada walaupun hanya mencapai seorang pelajar (0.7%). Hal ini disebabkan beberapa aspek di antaranya kurangnya tumpuan yang diberikan pelajar dan pelajar masih kurang kefahaman dalam mata pelajaran tafsir.

5.3. Saran dan Cadangan

Kajian dalam bidang pengajian tafsir sudah agak banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Kajian tersebut meliputi pelbagai aspek dan mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Bagaimanapun kajian ini dirasakan mempunyai kelebihan sendiri dari aspek lokasi kajian yang merupakan dayah terpadu yang tumbuh dan berkembang di Aceh sebagai awal mula munculnya tokoh terawal yang menulis kitab tafsir 30 juzuk pertama di Nusantara dan aspek skop kajian yang bertumpu kepada kaedah pengajaran yang dijalankan dan keberkesanannya.

Walaupun telah banyak cadangan, saranan dan tindakan yang diambil namun metode pengajaran masih menjadi salah satu masalah dalam kalangan guru bagi mendapatkan keberkesan yang baik terhadap pelajar. pengkaji melihat sehingga kini permasalahan ini masih menjadi sorotan dan belum dapat diselesaikan, oleh itu pengkaji mencuba sekali memberikan cadangan dan saranan yang membina untuk dikaji dan diteliti bersama sehingga memberikan impak positif dan seterusnya pengkaji berharap guru dapat menjalankan kaedah yang tepat dan setiap alumni dari dayah dapat berperanan dalam menghadapi cabaran zaman.

5.3.1. Kajian Susulan

Kajian ini dijalankan ke atas empat orang guru dan seratus tiga puluh lima orang pelajar di dayah terpadu Al-Muslimun Aceh Utara dengan tujuan untuk melihat metode pengajaran yang digunakan dan keberkesanannya. Oleh itu pengkaji cuba mencadangkan beberapa saranan dan cadangan untuk dibuat kajian susulan di antaranya:

1. Tumpuan Kajian yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan keberkesannya boleh diperluas lagi kepada aspek-aspek yang lebih mencabar. Lebih mencabar sekiranya dapat dilakukan di seluruh dayah terpadu di Aceh atau perbandingan

terhadap kaedah pengajian tafsir di dayah terpadu dan moden seluruh Aceh atau boleh dibuat perbandingan di Negara-negara Islam terutama di Jazirah Arab.

2. Kajian ini melibatkan empat orang guru dan seratus tiga puluh lima orang pelajar lelaki dan perempuan yang datang dari pelbagai kawasan di Aceh, bilangan ini agak kecil bagi menggambarkan kesan yang diperolehi dari kaedah yang diajarkan yang terdapat di Aceh secara keseluruhan dan Aceh Utara secara khas. Ini disebabkan penetapan saiz sampel yang sesuai penggunaannya dianggap lebih menyeluruh dan dapat mewakili populasi sebenar. Penggunaan dan pemilihan sampel yang mencukupi akan dapat memantapkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan kajian. Hal ini akan mendatangkan keyakinan dan pengiktirafan daptan kajian yang lebih tinggi.
3. Kajian ini memilih kawasan Aceh Utara dengan mengambil sampel dayah terpadu Al-Muslimun sebagai lokasi kajian, pemilihan tempat ini kelihatan agak kecil skopnya dan dicadangkan agar kajian-kajian susulan dapat memperbanyak lagi lokasi dan kawasan kajian sehingga lebih luas melibatkan dayah salafi di Aceh.
4. Kajian ini lebih banyak menggunakan sampel pelajar tingkatan empat, lima dan enam sedangkan tingkatan satu, dua dan tiga tidak ramai. Ke depan perlu dibuat kajian yang lebih dari setiap tingkatan melihat prestasi dari semasa ke semasa yang didapat dari kesan selepas pengajian.
5. Dalam kajian ini pengkaji hanya melihat aspek kaedah pengajaran dan keberkesannya sahaja dalam pengajian tafsir. Kajian lanjut boleh dibuat dan dijalankan dalam pelbagai aspek dalam pengajian tafsir.

5.4. Penutup

Kesimpulannya, pemilihan kaedah yang sesuai amat penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sebab iaanya menjamin pencapaian objektif dalam pengajaran dan dapat memastikan keberkesanannya yang diterima pelajar di tahap yang maksimum. Guru harus bijak dalam membuat penyesuaian suatu kaedah terhadap mata pelajaran yang diajarkan di dalam kelas.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Ḥayy al-Farmawi, *al-Bidāyah fī al-Tafsīr al-Mawdū‘i*, cet ke-2, Mesir: Mathba’at al-Hadārah al-‘Arabiyyah, 1977.
- Ahmad Khalīl, *Dirāsah fī al-Quran*, Mesir: Dār al-M’arifat, 1972.
- Hasan al-Bannā, *Muqaddimāt fī ‘Ilm al-Tafsīr*, Kūwait: Maktab al-Manar, t.t.
- Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, V t.t., Bayrūt: Dār Ṣadīr.
- Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *al-Itqān fī al-‘Ulūm al-Quran*, juzuk ke-2, Qāherah: Ḥijazi.
- Kamus, *Lisān al-‘Arab*, Juzuk ke-10, cet ke-3, (Bayrūt: Dār Ehyā al-Turāth al-‘Arabi, 1999.
- Kamus, *al-Munjid*, cet ke-5 (Bayrūt: Al-Kathalikīyah, 1928).
- Mannā’ Khalīl al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Quran*, terj. Mudzakir AS, Bogor: Pustaka Litera Antar Nusa, 2001.
- Muhammad Husāyn al-Dhahabī, *al-Ittijahāt al-Munharifāt fī al-Tafsīr al-Quran*, cet ke-2, Kūwait: Dār al-I’tiṣām, 1978.
- Abdillah Mustari, *Metode Tafsir Kitab Al-Naḥl Al-Qawim*, Jurnal al-Risalah 11, no. 2, November, 2011.
- Abdul Fattah, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh*, Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh, Sekretariat Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh, 1978.
- Abdul hadi, *Profil Badan Pembinaan Pendidikan Dayah Aceh*, 2011.
- Ab.Halim Tamuri Muhammad Khairul Azman Ajuhary, *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Muallim*, Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010.
- Achmad Faesol, *Kyai Otoritas Keilmuan dan Perkembangan Tradisi Ilmu Pesantren*, Jurnal Universitas Muhammadiyah Malang, Vol 15, no 1, Juni 2012.

Ahmad Fathoni, *Sejarah dan Perkembangan Pengajaran Tahfid Quran di Indonesia*,

laman sesawang Kurnia Blogspot, dicapai 12 September 2013, <http://karunia-nya.blogspot.com/2010/05/sejarah-perkembangan-pengajaran-tahfidz.html>.

Ali Hasjmy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung: al-Ma'arif, 1969.

_____. *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, cet ke-1, Jakarta: Beuna, 1983,

_____. *Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978.

_____. *Semangat Kemerdekaan 70 Tahun Menempuh jalan pergolakan dan perjuangan kemerdekaan*, Jakarta, Bulan Bintang, 1985.

Arikunto, Suharsimi, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, Jakarta Indonesia, Renika Cipta, 1996.

Armai Arief, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*, Jakarta, Ciputat Press, 2002.

Arsyi Makin, *Respon Jamā'ah Terhadap Pengajian Tafsir Tematik di Masjid Islamic Center Jakarta*, (skripsi fakulti dakwah dan komunikasi, Univesitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008).

Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, (Jakarta: Mizan, 1994), 166.

_____. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, (Jakarta: Mizan, 1994), 234.

_____. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran di Indonesia*, edisi revisi, Jakarta, Mizan, 2005, 257

Badan Pembinaan Pendidikan Dayah, *Buku Akreditasi Dayah Aceh*, ed ke-2 rev. Pemerintah Aceh, 2012.

_____. *Seluk Beluk Dayah di Aceh*, dicapai 12 November 2012,
<http://bppd/acehprov.go.id/index.php?kategori=relevansi&linkjudul=seluk-beluk-dayah-di-aceh>.

Bakhtiar Purnama Putra, *Penerapan Metode Jibril Dalam Meningkatkan Pembelajaran al-Quran pada Santri di Pesantren Singosari Malang*, Skripsi Pendidikan Islam Universitas Islam Negeri Malang, 2011.

Basyiruddin Usman, *Metodologi Pembelajaran Agama Islam*, Jakarta, Ciputat Press
C.Snouck Hurgronje, *Aceh Di Mata Kolonialis*, terj. Ng Singarimbun et al, cet ke-1, Jakarta: Yayasan Soko Guru, 1985.

_____. *Aceh di mata kolonialis*, terj. Ng Singarimbun, Jakarta: Yayasan Soko Guru, 1985.

Daud Zamzami et al, *Pemikiran Ulama Dayah Aceh*, cet-1, Jakarta: Prenada, Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi NAD-Nias, 2007.

Denys Lombard, *Kerajaan Aceh: Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*, terj. Winarsih Arifin, (Jakarta: Balai Pustaka, 1986).

Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, Jakarta: Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, 1984.

_____. *Sejarah Pendidikan Daerah Istimewa Aceh*, Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, Jakarta, 1984.

Elit Ave Hidayatullah, *Sumbangan ‘Abd al-Raūf al-Singkili Dalam Bidang Hadith: Analisis Teks Pilihan al-Mawā’iz al-Badī’ah*, tesis jabatan al-Qur’ān dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.

Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah, *Pengantar Uṣḥ al-Tafsīr*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Univerisiti Malaya, 2010.

Haidar Putra Daulay, *Historisitas dan Eksistensi Pesantren, Sekolah, Madrasah*, (Yogyakarta: Tiara Wacana), 2001.

_____. *Sejarah Pertumbuhan dan Pembaharuan Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta, Kencana Prenada Media Group), 2007.

Hamdiah A latif, *Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA): Its Contribution to Educational Reform In Aceh*, Tesis Institute of Islamic Studies, McGill University Montreal, 1992.

Hamka, *Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao*, Jakarta Bulan Bintang, 1974.

Hasbi Amiruddin, *Menatap Masa Depan Dayah di Aceh*, cet- 1, Yayasan Pena, 2003

_____. *Ulama Dayah Pengawal Agama Masyarakat Aceh*, cet-1, Yayasan Nadiya 2003,

Hujair AH Sanaky, *Metode Tafsir: Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin*, Jurnal Al-Mawarid, Edisi ke-18, 2008.

Imam Masyhuri, *Perkembangan Pelaksanaan pendidikan Agama Islam di Pesantren Khozinatul ulum Blora*, Skripsi Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang, 2011.

Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia: dari Hermeneutika hingga Idoologi*, Jakarta: Teraju Februari 2003.

_____. *Khazanah Tafsir Indonesia: Keragaman Teknik Penulisan Tafsir di Indonesia*, 2003.

Ismuha, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Aceh*, Bahan Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh, 1978.

J.Supranto, *Kaedah Penyelidikan: Penggunaanya dalam pemasaran*, Ismail Rejab dan Nik Rahimah Nik Yacob (ed), cet ke-1 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Junus Jamil, *Tawarikh Radja-Radja Kerajaan Atjeh*, Banda Aceh: 1968.

Kafrawi, *Pembaharuan Sistem Pondok Pesantren Sebagai Usaha Peningkatan Prestasi Kerja dan Pembinaan Kesatuan Bangsa*, Jakarta: Cemara Indah, 1978.

Kamus Besar Bahasa Indonesia, Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, cet ke-10, Balai Pustaka,1999.

Mahjiddin Jusuf, *al-Quran al-karim dan Terjemahan bebas bersajak dalam bahasa Aceh*, Pusat Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Islam (P3KI) Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, 1995.

Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta, Mutiara, 1979.

_____. *Tafsir Qur'an Karim*, Jakarta: Pustaka Muhammadiyah,1957.

Majalah Sinar Darussalam, no 17, Banda Aceh, September, 1969.

Martin van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren Dan Tarekat*, Edisi Revisi (Yogyakarta: Gading Publising, 2012

_____. *Pesantren dan Kitab Kuning: Pemeliharaan dan Kesinambungan Tradisi Pesantren*, Jurnal Ulumul Quran, vol 3, no 4, 1992.

Marwan Kamaruddin, *Dayah Terpadu Al-Madinatuddiniyah Syamsudduha*, Jurnal, Disember 2012.

Masrur, *Pengembangan Standar Isi Pada Pembelajaran Quran Hadits Pada Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di Kabupaten Pidie Jaya*, disertasi program pasca sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Banda Aceh, 2012.

Mazlan Ibrahim et. al, “Israiliyat Dalam Kitab Tafsir Anwār Baidāwī”, Jurnal Islamiyyat 2004, vol. 26, bil.2, 28. Mengenai riwayat hidup ringkas ‘Abd al-Raūf al-Singkili Rujuk; Ahwan Mukarrom , *Konsep Syaikh Abdul Rauf Singkel Tentang Kematian Dalam Nash Lubb Al-Kashf Wa Al-Bayan*, Jurnal Islamica 2009.

M. Dian Nafi et al, *Praksis Pembelajaran al-Quran*, Yogyakarta: Institute for Training and Development, 2007.

Md.Nor bin Hj.Ab.Ghani, *Kamus Dewan*, edisi ke-4 Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka 2007.

M Given, Lisa, *Encyclopedia of Qualitative Research Method*, London, United Kingdom: Sage Publication, 2008.

M. Nurdin Zuhdi, *Tipologi Tafsir Al-Quran Mazhab Indonesia* (disertasi pasca sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2011).

M. Sadullah, *Modifikasi Metode Pembelajaran Tafsir al-Quran: Studi Kasus di Madrasah Diniyah Nurul Quran Patokan Kraksaan Probolinggo*, skripsi Pendidikan Islam Universitas Islam Negeri Malang, 2009.

M. Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*, Bandung: Mizan, 2007.

_____. *Wawasan al-Quran; Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat*, Mizan Pustaka, 2007.

Moch. Nur Ichwan, *Literatur Tafsir Quran Melayu-Jawi di Indonesia: Relasi Kuasa, Pergeseran dan Kematian*, dalam Visi Islam, Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman, Vol 1, No 1, Jan 2002.

Mohd.Koharuddin bin Mohd Balwi, *Tradisi Keilmuan dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara*, Jurnal Kemanusiaan, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia UTM.

Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

_____. *Kaedah pendidikan Penyelidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Mohd.Syukri Yeoh Abdullah, *Zawiyyah Shaykuala: Pusat Penyebaran Islam di Alam Melayu Abad ke-17 Masehi*, Internasional Journal Of The Malay World and Civilisation 2009.

Misbakhun Mukmin, *Metode Kajian Kitab Tafsir Dengan Fakta Sosial; Studi Terhadap Kajian Tafsir Munir Mar'ah Labid Karya Syaikh Nawawi al-Bantani di Pondok Pesantren Fadlun Minallah, Wonokromo I, Pleret Bantul Yogyakarta*, Skripsi Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2008.

Muhammad Arif Abdurrazaq, *Aliran Tafsir di Indonesia: Kajian Perbandingan di Antara al-Furqan fi Tafsir al-Quran Karya A.Hassan dan Al-Ibriz Lim'arifat Tafsir al-Quran al-Aziz Karya KH.Bisri Mustofa*, disertasi, Universiti Malaya 2010.

Muhammad Indra Nazaruddin, *Kajian Tafsir Indonesia;Analisis Terhadap Tafsir Tamsiyat Al-Muslimin fi Tafsir Kalam Rabb al-Alamin Karya K.H Ahmad Sanusi*, Skripsi Jurusan Tafsir Hadith Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2007.

Muhammad Irfan Chalimy, *Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok Pesantren al-Furqon Sanden Bantul Yogyakarta Kajian Terhadap Metode Pembelajaran*, skripsi pendidikan agama islam, University Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2008.

Musa M.Ali, *Efektifitas Pembelajaran Fiqh Pada Dayah Modern; Sebuah Evaluasi Implementasi Pada Dayah Modern Darul Ulum Banda Aceh*, (disertasi program pasca sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Banda Aceh, 2006.

Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

Muzakkir, *Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Lahirnya Madrasah Sebagai Lembaga pendidikan Formal*, Jurnal Lentera Pendidikan, vol 13, no 2, Disember 2010.

Nashruddin Baidan, *Sejarah Pentafsiran al-Quran di Indonesia*, Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kepada Masyarakat, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta, 2000,

_____. *Metode Penafsiran al-Quran: Kajian Kritis terhadap Ayat-ayat yang beredaksi Mirip*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002.

Nasrun S, Norhayati Haji Hamzah, *Peranan Pondok Pesantren di Kerinci Jambi Indonesia dalam Pengembangan Pendidikan Islam*, Jurnal al-Tamaddun, Bil 8 (1), 2013.

Ngadiso, *Statistik*, Surakarta Indonesia, 2008.

Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur, Malaysia, McGraw-Hill Sdn-Bhd, 2010.

Nurhadi Ihsan & Akrimul Hakim, *Profil Pondok Modern Darussalam Gontor*, Juni 2010.

Nuryaumin cs, *Pesantren Terpadu Dayah Nurul Iman*, Modul, Disember 2011.

Parukhi, *Problematika Pengajian Tafsir al-Quran dan Upaya Pemecahannya di Desa Jatimulya Kecamatan Suradadi Kabupaten Tegal*, Skripsi fakulti dakwah, Institut Agama Islam Negeri Walisongo Semarang, 2012.

Ridwan Hasan et al, *Pedoman Umum Managemen Dayah Salafi Kabupaten Aceh Utara*, Dinas Syariah Islam Aceh Utara, 2012.

Saifuddin Dhuhri, *Dayah Dalam Tiga Phase Perkembangan*, Jurnal Sarwah 2011, vol. 9, bil. 4 Januari - Juni 2011.

Salman Harun, *Mutiara al-Quran*, Jakarta:Logos, 1999.

Sanusi Pane, *Sejarah Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka 1961.

Shabri A et al, *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX*, cet-1, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh 2003.

_____. *Biografi Ulama-Ulama Aceh Abad XX*, cet-3, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Banda Aceh, 2007.

Sudaryono El Kamali, *Pengantar Studi Al-Quran*, STAIN Pekalongan Press, 2006.

Sudijono, Anas, *Pengantar Evaluasi Pendidikan* Jakarta Indonesia, Rajawali Press, 2009.

Sulaiman Ibrahim, *Lokalitas Tafsir Bahasa Bugis: Telaah Atas Metodologi Tafsir Anre Gurutta Daud Ismail*, Annual Conference on Islamic Studies (ACIS) ke-10, Banjarmasin 1-4 November, 2010.

Syaiful Hurman, *Pekan Perkenalan Dayah Terpadu Al-Muslimun*, 2010.

Taufik Ismail Johan, *Buku Panduan Manual Yayasan Pendidikan Islam al-M'ahad al-Ashriy Al-Muslimun*, Lhoksukon 2005.

Tgk.Mohd Basyah Haspy, *Apresiasi Terhadap Tradisi Dayah: Suatu Tinjauan Tata Krama dan Kehidupan Dayah*, Banda Aceh: Panitia Seminar Appresiasi Pesantren di Aceh Persatuan Dayah Inshafuddin 1987.

T.Iskandar, *Acheh Dalam Lintasan Sejarah*, Bahan seminar Pekan Kebudayaan Aceh ke-II, Banda Aceh, 21 Agustus sehingga 25 Agustus 1972.

T.M Hasbi Ash Shiddiqieqy, *Tafsīr al-Bayān*, Bandung Dār al-Ma'ārif Bandung, 1966.

_____. *Sedjarah dan Pengantar Ilmu al-Quran Tafsir*, Djakarta Bulan Bintang, 1954.

www.cordova-bookstore.com/cakrawala/tafsir_annur.htm dicapai 11 November 2013.

Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, Medan: Monora, 1972.

Zamarkhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, Jakarta: LP3ES, 1984.

_____. *Tradisi Pesantren: Studi Pandangan Hidup Kyai dan Visinya mengenai Masa Depan Indonesia*, Edisi Revisi cet ke-8, Jakarta: LP3ES, 2011.

_____. *Tradisi Pesantren: Suatu Pandangan Hidup Kyai dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, cet ke-8, Jakarta: LP3ES, 2011.

Altrige, Jill Franser san Barry, *Invertigating Classroom Environmentr in Taiwan and Australia with multiple Research Methods*, Journal of Education Research, Washington D.C, Vol 93, No 1 Sep/Okt, 1999.

Burke Johnson dan Lary Christensen, *Education Research: Quantitative and Qualitative Approaches*, (London: Allyn and Bacon 2000).

Cresswell, John W, *Educational research*, second edition, New Jersey; Pearson Merrill Prentice Hall, 2005.

_____. *Educational Research: Planing, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*, United State: US. Pearson, 2008.

George Makdisi, *The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West*, Edinburgh, University Press, 1981.

James T Siegel, *The Rope of God*, California: University of California Press, 1969.

Jhon Robert Shaw, *The New Harison Ladder Dictionary*, Signet USA 1970.

Miles & Hubberman, 1994.

LAMPIRAN



BORANG SOAL SELIDIK

PENGAJIAN TAFSIR DI DAYAH TERPADU AL-MUSLIMUN ACHEH UTARA:
ANALISIS METODE PENGAJARAN DAN KEBERKESANANNYA

Assalamualaikum, wr., wb.

Maklumat:

1. Soal selidik ini dibentuk untuk mendapat maklumbalas tentang pengajian tafsir di dayah terpadu al-Muslimun Aceh Utara
2. Borang kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian; iaitu bahagian a, b dan c.
3. Kaji selidik ini mengandungi 65 soalan bagi mengukur keberkesanannya pengajian tafsir di dayah Terpadu Al-Muslimun
4. Jawapan yang dikehendaki hendaklah menunjukkan tahap kefahaman dan amalan anda selepas mengikuti pengajian tafsir
5. Anda diharap menjawap dengan telus, jujur dan ikhlas bagi setiap soalan agar dapatkan kajian ini memberikan gambaran sebenar.
6. Jawapan anda hendaklah merupakan apa yang sebenarnya anda fahami dan amalkan dalam kehidupan anda.
7. Segala maklumbalas yang anda berikan akan **dirahasiakan**.

BORANG TEMU BUAL GURU TAFSIR DAYAH TERPADU AL-MUSLIMUN

Pendahuluan

Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang metode pengajaran tafsir yang diguna pakai di Dayah Terpadu Al-Muslimun. Tahapan ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada objektif kajian iaitu mengkaji metode pengajaran dan keberkesanannya dalam pengajian tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun Lhoksukon Aceh Utara. Temu bual ini akan dijalankan kepada responden yang telah ditentukan sebelumnya iaitu Guru pengajar tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun Lhoksukon Aceh Utara.

*Borang ini terdiri daripada **DUA BAHAGIAN** yang perlu diisi.

BAHAGIAN A . DATA DEMOGRAFI

1- Nama :

2- Jawatan :

3- Tempat Kerja :

4- Masa Kerja :

5- Jantina : (L / P)

6- Tarikh :

7- Kelayakan Akademik Tertinggi : PHD

Sarjana

Sarjana Muda

BAHAGIAN B. SOALAN TEMU BUAL

Berikut merupakan senarai soalan yang akan ditanyakan kepada responden, soalan temu bual ini telah disahkan oleh pakar. Temu bual ini merupakan temu bual separuh struktur, oleh itu jika terdapat penjelasan dari responden yang tidak terdapat dalam soalan ini, maka akan direkodkan sebagai infomasi tambahan.

S1: Menurut pengamalan Tuan/puan Metode Apakah yang Tuan/Puan guna pakai dalam pengajian tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun?

R1:

S2: Menurut pandangan Tuan/Puan dalam mengajar tafsir metode apakah yang paling berkesan untuk pelajar?

R2:

S3: Menurut pengalaman Tuan/Puan metode apakah yang paling disukai pelajar?

R3:

S4: Menurut pengamalan Tuan/Puan Bagaimanakah Tuan/Puan mengukur keberhasilan pelajar dalam metode yang anda guna pakai?

R4:

S5: Dalam mengajar tafsir instrument (bahan bantu mengajar) apakah yang Tuan/Puan guna pakai?

R5:

S6: Berdasarkan pengalaman Tuan/Puan bagaimanakah Tuan/Puan melakukan asosiasi atau menghubungkan mata pelajaran dengan kehidupan nyata, atau dengan pelajaran lain dari segi fungsi dan kepentingannya dalam upaya membangkitkan perhatian siswa untuk kehidupan yang islami?

R6:

S7: Menurut Tuan/Puan, Bagaimanakah cara Tuan/Puan dalam menyimpulkan mata pelajaran yang telah disampaikan?

R7:

S8: Menurut pengalaman Tuan/Puan, Bagaimanakah cara Tuan/Puan mengetahui sejauh mana mata pelajaran yang telah disampaikan dapat diterima oleh pelajar?

R8:

- TAMAT -

Terima Kasih Atas Kerja Samanya

BAHAGIAN A

No. siri : _____

Latarbelakang Responden**Silahkan tandakan (✓) pada jawaban yang paling tepat mengikut pandangan anda**

1. Jantina 1 Lelaki 2 Perempuan
2. Umur 1 12 - 14 Tahun 3 17- 18 Tahun
2 15 - 16 Tahun 4 19 Tahun keatas
3. Tahap Pendidikan 1 MTsN/SLTP 2 MAN/SLTA
4. Tempat tinggal 1 Lhoksukon 3 Panton Labu
2 Lhokseumawe 4 Lain, Nyatakan _____

5. Tempoh Anda belajar di Dayah Terpadu Al-Muslimun;

- 1 1 – 2 Tahun 3 5 – 6 Tahun
2 3 – 4 Tahun 4 6 Tahun Keatas

6. Masa Anda mengikuti **Pengajian Tafsir** di dayah Terpadu Al-Muslimun

- 1 1-2 Tahun 3 5-6 Tahun
2 3-4 Tahun 4 6 Tahun ke atas

7. Sekarang Anda duduk di **Kelas**;

1. 2*Thanawiyah* 3 4 ‘Aliyah 6 ‘Aliyah
2. 3*Thanawiyah* 4 5 ‘Aliyah

8. Anda masuk dayah berdasarkan minat;

- 1 Sendiri 3 Saudara/Famili
2 Orang Tua 4 Lain, Nyatakan _____

Jika Anda **Kelas 2** maka jawap **soalan no.9**, jikalau Anda **Kelas 3** jawap **soalan no.10**, jika Anda **Kelas 4** maka jawap **soalan no.11**, jika Anda **Kelas 5** maka jawap **soalan no.12**, dan jika Anda **Kelas 6** maka terus jawap **soalan no.13**.

BAHAGIAN B

Kefahaman Pelajar Terhadap Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun

Sila tandakan (✓) pada jawapan Anda mengikut kelas masing-masing, sesuai dengan kefahtaman Anda mengikut skala di bawah ini.

1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (TS)
3. Tidak Pasti (TP)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

9. Untuk Kelas 2 Tsanawiyah

No	Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Surah al-Fātiḥah terdiri dari 7 ayat	1	2	3	4	5
2	Surah al-Nāas Mengandungi ayat “Aku berlindung dari kejahanatan syaitan yang bersembunyi”	1	2	3	4	5
3	al-Falaq bermaksud Gelap Gulita	1	2	3	4	5
4	Surah al-Ikhlas menceritakan ke-Esa-an Allah SWT	1	2	3	4	5
5	Surah al-Naṣr menceritakan Fath al-Mekkah	1	2	3	4	5
6	Surah al-Kāfirūn menceritakan Kisah Abu Lahab dan Istrinya yang menantang Rasullullah	1	2	3	4	5
7	Surah al-Kāfirūn mengandungi Larangan menukar ‘aqidah	1	2	3	4	5
8	Surah al-Falaq mengandungi perintah Solāt dan Qurban	1	2	3	4	5
9	Sihir adalah perbuatan syirik	1	2	3	4	5

10. Untuk Kelas 3 Tsanawiyah

No	Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Lailatul Qadar adalah Malam Seribu bulan	1	2	3	4	5
2	Suka Menyebar Fitnah di umpamakan dengan Pembawa kayu bakar	1	2	3	4	5
3	Surah al-Kāfirūn mengandungi 5 ayat	1	2	3	4	5
4	Tidak ada Toleransi dalam hal Keimanan dan Ibadah	1	2	3	4	5
5	Pasukan Gajah Tentara Abrahah menyerang Ka’bah	1	2	3	4	5
6	Surah al-Fiil Mengandungi perihal bulan Puasa	1	2	3	4	5
7	Lailatul Qadar terdapat di bulan suci Ramadhan	1	2	3	4	5
8	Orang-orang penyebar fitnah senantiasa binasa	1	2	3	4	5
9	Burung ababil menolong kaum muslim dalam perang badar	1	2	3	4	5

11. Untuk Kelas 4 Aliyah

No	Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Hari Kiamat Manusia melihat balasan amal walau sebiji sawi	1	2	3	4	5
2	Surah al-Tāriq Menghuraikan tanda permulaan hari kiamat	1	2	3	4	5
3	Surah al- Tāriq mengandungi 17 ayat	1	2	3	4	5
4	Setiap jiwa ada pemelihara dan pengaturnya	1	2	3	4	5
5	Manusia tidak luput dari ketentuan Allah SWT	1	2	3	4	5
6	Manusia diciptakan dari segumpal darah	1	2	3	4	5
7	Surah al-Zalzalah Mengandungi perkara Bumi digoncangkan pada hari kiamat	1	2	3	4	5
8	Al-Zalzalah Mengandungi 8 ayat	1	2	3	4	5
9	Surah al-Lahab menceritakan hikmah penciptaan diri manusia	1	2	3	4	5

12. Untuk Kelas 5 Aliyah

No	Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Sindiran Allah untuk penghuni neraka “Sudahkah sampai kepada kamu tentang hari kiamat”	1	2	3	4	5
2	Hari kiamat manusia ada 2 golongan, iaitu mukmin dan kafir	1	2	3	4	5
3	Surat al-Kawthar menghuraikan keadaan para penghuni neraka di hari akhirat	1	2	3	4	5
4	Syurga adalah Setinggi-tingginya tempat	1	2	3	4	5
5	Surah al-Ghāshiyah ayat 8-16 menceritakan keindahan Syurga	1	2	3	4	5
6	Allah memerintah manusia memperhatikan alam diumpamakan dengan Penciptaan Unta	1	2	3	4	5
7	Syurga dan keindahannya untuk orang kafir	1	2	3	4	5
8	Al-Ghāshiyah terdiri atas 26 ayat	1	2	3	4	5
9	Al-Ghāshiyah bermaksud hari kemenangan	1	2	3	4	5

13. Untuk Kelas 6 Aliyah

No	Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Surah al-Ghāshiyah menghuraikan penderitaan orang kafir dan kenikmatan orang beriman	1	2	3	4	5
2	Malaikat Israfil meniup sangkarkala kemudian semua makhluk dihidupkan kembali	1	2	3	4	5
3	Surah al-Naba' golongan surah makkīyah	1	2	3	4	5
4	Kandungan Utama surah al-Naba' iaitu Keimanan	1	2	3	4	5
5	Perselisihan tentang hari kebangkitan dengan musyrikin Qurasy sehingga orang mukmin mendapat celaan Allah SWT	1	2	3	4	5
6	Surah al-Ghāshiyah mengandungi perkara orang yang berjiwa tenang dan wajahnya berseri-seri	1	2	3	4	5
7	Neraka Jahannam disediakan bagi orang-orang yang beramal buruk	1	2	3	4	5
8	Surah al-Naba' mengandungi 45 ayat	1	2	3	4	5
9	Syurga adalah Balasan bagi orang yang bertaqwa	1	2	3	4	5

Bahagian C

Amalan Pelajar selepas mengikuti Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun

Sila tandakan (✓) pada jawapan yang sesuai dengan Amalan Anda mengikut skala di bawah ini

- | | | | |
|-----------------|------|------------------|------|
| 1. Tidak Pernah | (TP) | 2. Kadang-Kadang | (KK) |
| 4. Kerap | (K) | 5. Amat Kerap | (AK) |

14. Amalan Pelajar Selepas Pengajian Tafsir di Dayah Terpadu Al-Muslimun

No	Soalan	TP	KK	S	K	AK
1	Anda memberikan pemujaan (sesajen) kepada kuburan keramat	1	2	3	4	5
2	Anda mendatangi bomo (dukun) untuk berobat	1	2	3	4	5
3	Anda terus berdoa kepada Allah SWT jika mendapat masalah	1	2	3	4	5
4	Anda menyembah sesuatu selain Allah SWT	1	2	3	4	5
5	Anda melaksanakan Solāt 5 waktu sehari semalam	1	2	3	4	5
6	Anda memfitnah orang lain	1	2	3	4	5
7	Anda yakin pertolongan Allah datang kepada orang-orang beriman	1	2	3	4	5
8	Anda mengikuti kegiatan Valentin	1	2	3	4	5
9	Anda ber'itikāf di bulan Ramadan untuk mendapat malam Lailatul Qadr	1	2	3	4	5
10	Anda suka bermegah-megah dalam berpakaian	1	2	3	4	5
11	Anda berbagi ilmu kepada orang lain	1	2	3	4	5
12	Anda yakin akan datangnya hari kiamat	1	2	3	4	5
13	Anda Percaya adanya azab kubur	1	2	3	4	5
14	Anda berdoa memohon Syurga dan jauh dari siksa Neraka	1	2	3	4	5
15	Anda bertadabbur tentang Ciptaan Allah SWT di alam sekitar	1	2	3	4	5
16	Anda mendustakan ayat-ayat Allah SWT	1	2	3	4	5
17	Anda bersyukur atas nikmat Allah SWT	1	2	3	4	5
18	Anda memahami kandungan al-Quran	1	2	3	4	5
19	Anda membaca al-Quran	1	2	3	4	5
20	Anda membaca tafsir al-Quran	1	2	3	4	5

Terima Kasih Atas Kerja Samanya